


Negara-Bangsa

Proses dan Perbahasan



D
320.5409595
NEG

Abdul Rahman Embong



SIRI KAJIAN MALAYSIA DAN ANTARABANGSA
Editor Umum: Abdul Rahman Embong

Siri ini bertujuan menerbitkan karya asli pemikiran, penyelidikan dan gagasan felo Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga sarjana lain yang bekerjasama dengannya dengan memberi penumpuan terhadap karya yang membicarakan tema mengenai globalisasi, negara-bangsa dan transformasi sosial. Karya ini harus bersifat analitikal dan kritis, yang digarap dengan mengambil kira perkembangan semasa dan sejarah, serta memanfaatkan perkembangan ilmu terkini mengenai persoalan yang dibicarakan. Siri ini diterbitkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah kelolaan IKMAS.

Norani Othman & Sumit K. Mandal (sunt.). 2000. *Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta atau Mangsa?*

Abdul Rahman Embong. 2000. *Negara-bangsa: Proses dan Perbahasan*

NEGARA BANGSA

PROSES DAN PERBAHASAN

Abdul Rahman Embong

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2000
Hak cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be produced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. MALAYSIA

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 8302

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
MALINDO PRINTERS SDN BHD
Lot 3, Jalan Ragum, Seksyen 15/17,
40000 Shah Alam, Selangor D.E. MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Cataloguing-in-Publication-Data

Negara-bangsa: Proses dan Perbahasan / penyunting Abdul Rahman Embong
(Siri kajian Malaysia dan antarabangsa)
Mengandungi rujukan bibliografi dan indeks
ISBN 967-942-510-X

1. Nationalism--Malaysia. 2. Malaysia -- Politics and government
I. Abdul Rahman Embong, 1944-. II. Judul. III. Siri.
320.5409595 **D**

1030170

5 OCT 2001

Perpustakaan Negara
Malaysia

K a n d u n g a n

Senarai Singkatan ... 7

Prakata ... 9

1 Pendahuluan ... 11

2 Negara-bangsa dan Bangsa Malaysia ... 21

3 'Melayu' dalam Perjuangan Politik
Negara-bangsa ... 32

4 Negara-bangsa dan Persoalan
Sastera Nasional ... 51

5 Persoalan Negara dan Kuasa dalam
Sejarah Melayu ... 61

6 Transformasi Sosiobudaya dan Politik
serta Peningkatan Daya Saing Negara ... 80

7 Nilai, Pendidikan dan Pembinaan
Negara-bangsa ... 90

8 Pascamodenisme dan Persoalan
Negara-bangsa ... 103

9 Tradisi Intelektual, Pembinaan Negara-bangsa
dan Kebangkitan Semula Asia ... 114

Rujukan ... 125

Indeks ... 131

Senarai Singkatan

ASAS 50	Angkatan Sasterawan 50
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
BPKI	Badan Penyelidikan Usaha Pemimpin Kemerdekaan Indonesia
DEB	Dasar Ekonomi Baru
GAPENA	Gabungan Penulis Nasional
IPT	institusi pendidikan tinggi
IPTA	institusi pendidikan tinggi awam
IPTS	institusi pendidikan tinggi swasta
KDNK	keluaran dalam negeri kasar
KMM	Kesatuan Melayu Muda
MAPHILINDO	Gagasan Malaysia, Filipina dan Indonesia
PAS	Parti Islam Se-Malaya (kini Parti Islam Se-Malaysia)
PENA	Persatuan Penulis Nasional
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PUTERA-AMCJA	Gabungan Pusat Tenaga Rakyat dan All-Malaya Council For Joint Action
SITC	Sultan Idris Training College

Prakata

Buku *Negara-bangsa: Proses dan Perbahasan* terdiri daripada himpunan sembilan buah esei yang membahas persoalan negara-bangsa daripada pelbagai sudut yang telah saya hasilkan sejak tahun 1995 sehingga sekarang. Lima daripada esei ini (Bab 2, 4, 7, 8 dan 9) telah diterbitkan di dalam *Pemikir*, sebuah jurnal triwulanan terbitan Kumpulan Utusan Melayu Sendirian Berhad, yang bertujuan menggalakkan wacana mengenai beberapa persoalan serius dalam dunia pemikiran dan juga isu-isu masyarakat dan bangsa Malaysia khususnya dan dunia umumnya. Sejak penerbitan esei-esei ini di dalam jurnal tersebut, beberapa teman dan pelajar memberikan reaksi positif terhadapnya dan mendorong saya supaya mengumpulkannya menjadi sebuah buku tersendiri supaya ia lebih mudah diperolehi dan dirujuk. Saya menyambut saranan itu dengan senang hati dan buku ini adalah hasil daripada galakan mereka. Di samping itu, saya juga memuatkan di sini empat buah esei lain yang saya anggap mempunyai tema sepunya walaupun dikupas dari sudut yang berlainan. Dua daripada esei itu ialah kertas persidangan yang dibentangkan dalam dua seminar; sebuah (Bab 5) dibentangkan dalam seminar anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka manakala sebuah lagi (Bab 6) dibentangkan dalam simposium kebudayaan Indonesia-Malaysia di Universitas Padjadjaran, Indonesia pada Disember 1997. Dua bab baru yang khusus ditulis untuk buku ini ialah Bab 1 dan Bab 3. Kesemua esei yang diterbitkan di dalam *Pemikir* dan juga dua kertas kerja tersebut telah diperbaiki dan dikemaskinikan serta disunting semula untuk tujuan penerbitan dalam buku ini. Selain itu pembaca juga boleh merujuk kepada tiga buah esei saya dalam Bahasa Melayu mengenai tema yang berkaitan negara-bangsa dan globalisasi. Esei-esei itu iaitu 'Wacana Globalisasi', 'Negara-bangsa dalam Arus Globalisasi', dan 'Globalisasi, Negara dan Pembentukan Kelas di Malaysia', terkandung dalam buku suntingan Norani Othman dan Sumit Mandal berjudul *Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta atau Mangsa?* yang terbit dalam Siri Kajian Malaysia dan Antarabangsa oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2000.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para pelajar dan rakan-rakan saya di Jabatan Antropologi dan Sosiologi serta di IKMAS, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga di tempat lain yang sering bertukar-tukar

pandangan dengan saya mengenai persoalan negara-bangsa, globalisasi dan lain-lain. Saya juga ingin menyatakan terima kasih kepada Sidang Editor *Pemikir* kerana mengizinkan semula penerbitan esei-esei di atas dalam buku ini. Seterusnya, ucapan terima kasih saya tujukan kepada Saudari Nor Hayati Sa'at, kini pegawai penyelidik sosial IKMAS yang telah banyak membantu saya dalam pelbagai kerja penyelidikan, dan kepada Saudara Athi Sivan yang banyak membantu saya dari segi kerja teknikal.

Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pendahuluan

Persoalan negara-bangsa dan lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan bangsa Malaysia telah menarik perhatian pelbagai pihak untuk membicarakannya selama kira-kira satu dasawarsa ini. Walaupun sebelum itu ada sedikit sebanyak pembicaraan mengenainya, namun perdebatan secara lebih meluas hanya tercetus setelah Perdana Menteri Malaysia Dr. Mahathir Mohamad mengemukakan isu pembinaan bangsa Malaysia dalam ucapan beliau di Majlis Perniagaan Malaysia pada 28 Februari 1991 (Mahathir Mohamad 1991). Dalam ucapan beliau yang kemudian lebih dikenali sebagai Wawasan 2020, beliau menegaskan cabaran pertama dan paling asasi dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju menurut 'acuan sendiri' menjelang tahun 2020 ialah pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang diperkongsi bersama (dan menumpukan) taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut. Namun, dalam ucapan itu, baik persoalan bangsa Malaysia mahupun persoalan negara-bangsa tidak ditakrifkan, apalagi diperincikan. Ucapan itu lebih merupakan satu lontaran idea yang menjadi landasan wawasan yang perlu diberikan pengisian secara lebih terperinci.

Pelbagai pendapat dan reaksi telah diutarakan mengenai persoalan bangsa Malaysia sejak itu. Di satu pihak, terdapat golongan yang menyamakannya dengan konsep 'Malaysian Malaysia' yang dianjurkan dalam tahun 1960-an oleh mantan Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew ketika Singapura masih menjadi sebahagian daripada Persekutuan Malaysia. Oleh sebab itu, golongan ini bersikap reaktif dan bimbang bahawa pembinaan bangsa Malaysia akan melemahkan kedudukan bangsa Melayu sebagai bangsa peribumi yang sudah lama wujud dalam sejarah di rantau ini dengan peranannya sebagai pentakrif bangsa Malaysia yang sedang dibina tersebut. Namun, di pihak lain, terdapat sambutan positif, khususnya di kalangan etnik Cina dan India, yang melihat pembinaan bangsa Malaysia sebagai perkembangan baru ke arah mengakui hak

mereka sebagai rakan kongsi yang sama darjat dalam perjalanan jauh membina sebuah bangsa baru dengan identiti sepunya yang terdiri daripada semua kaum di Malaysia. Walaupun demikian, mereka masih mempunyai keraguan tentang persoalan bahasa dan budaya mereka di samping hak-hak lain dalam skema besar bangsa Malaysia.

Di peringkat wacana ilmu yang lebih serius, terdapat sambutan positif terhadap gagasan ini. Gagasan ini dilihat sebagai selaras dengan perkembangan sejarah dan perkembangan masa kini untuk membolehkan Malaysia menuju ke masa hadapan secara lebih bersatu padu. Pembinaan bangsa Malaysia dilihat sebagai jalan keluar bagi mengukuhkan negara Malaysia pada masa hadapan, dan proses ini boleh dilakukan dengan mengembangkan nasionalisme Malaysia. Untuk itu, nasionalisme Melayu pula harus didefinisi semula supaya ia boleh menjadi pentakrif nasionalisme Malaysia (Rustam A. Sani 1993).

Namun dalam perbahasan mengenai negara-bangsa dan bangsa Malaysia setakat ini, persoalan negara-bangsa secara konseptual menjadi permasalahan penting disebabkan terdapat beberapa kekeliruan mengenainya. Ada pihak yang melihat 'bangsa' daripada kacamata yang agak legalistik dengan merangkaikannya dengan konsep 'warga negara', seakan-akan isu bangsa satu perkara perundangan. Berdasarkan pengertian ini, bangsa Malaysia dikatakan boleh terbentuk dengan tiga syarat, iaitu menjadi warga Malaysia, mengamalkan cara hidup berlandaskan kebudayaan Malaysia dan menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa hariannya (Ghazalie Shafie 1995: 44). Ada pula pihak yang menyamakan konsep bangsa dalam gagasan bangsa Malaysia itu dengan konsep ras, iaitu satu konsep berdasarkan keturunan darah dan oleh sebab itu diujahkan bahawa pembentukannya amat sukar kecuali hanya apabila berlaku perkahwinan campur. (Pendapat seperti ini pernah dibentangkan oleh salah seorang pegawai muzium negeri yang menjadi pembentang kertas kerja di 'Seminar 35 Tahun Sabah dan Sarawak dalam Malaysia' yang diadakan pada 8 dan 9 Disember 1998 di Universiti Kebangsaan Malaysia). Di dalam penulisan popular kewartawanan media Inggeris di negara ini, 'bangsa Malaysia' juga sering diterjemahkan menjadi *Malaysian race*, iaitu pengertian yang menyamakan konsep bangsa dengan ras, dan bukannya *Malaysian nation* seperti sepatutnya.

Selain itu, istilah *bangsa* juga menjadi permasalahan penting kerana ketaksaannya. Dalam bahasa Melayu, bangsa mempunyai makna yang agak rencam yang boleh membawa maksud satu kelompok manusia berdasarkan ciri fizikal, iaitu ras dan keturunan. Selain itu, konsep ini

boleh bermaksud kaum yang bererti satu kumpulan etnik berdasarkan ciri budaya, dan juga boleh bermaksud satu komuniti politik dalam wilayah tertentu, seperti *nation* dalam bahasa Inggeris. Memandangkan ketaksamaan konsep ini, ada sarjana dalam pelbagai seminar dan juga tulisan menganjurkan supaya kita menerima pakai istilah *nasion* sebagai kata ganti bagi istilah bangsa untuk memaksudkan komuniti politik tadi (Sumit Mandal 1998). Mereka menghujahkan bahawa oleh sebab *nasion* adalah kata akar kepada istilah *nasionalis* dan *nasionalisme* yang sudahpun mantap penggunaannya dalam bahasa Melayu, maka tidak ada alasan yang kukuh untuk kita tidak menerima konsep tersebut dalam perbendaharaan bahasa Melayu. Namun, mereka menegaskan bahawa dengan penggunaan istilah *nasion* tidak bererti kita menyetepikan istilah *bangsa*. Saya sendiri bersetuju dengan saranan ini dan turut menggunakannya di dalam buku ini.

Pelbagai bab di dalam buku ini cuba menyumbangkan kepada wacana mengenai persoalan negara-bangsa dengan fokus diberikan kepada cabaran pembinaan negara-bangsa di Malaysia. Buku ini berpendirian bahawa sekalipun digugat oleh proses globalisasi dan pelbagai cabaran lain, negara-bangsa tetap akan terus relevan dan berperanan penting pada abad ke-21. Buku ini menyetujui pendirian beberapa orang penulis seperti G.A.Richards (1998) yang menegaskan bahawa orde baru global yang muncul kini ialah satu dunia yang terdiri daripada negara-bangsa. Untuk tujuan memberi pengertian akan konsep negara-bangsa, khususnya dalam konteks pembinaan bangsa Malaysia, buku ini mengutarakan tiga hujah utama (seperti diungkapkan khususnya dalam Bab 2, 3 dan 4) mengenai persoalan negara-bangsa secara konseptual dan sejarah.

Pertama, kita tidak boleh melihat bangsa dalam wacana ini sebagai bermaksud ras, kaum atau sebuah komuniti yang dibentuk secara undang-undang. Sebaliknya bangsa perlu ditafsirkan sebagai bermaksud nasion, yakni suatu komuniti politik yang terbentuk dalam sejarah yang mempunyai ciri-ciri kesinambungan dan juga perubahan. Oleh yang demikian, kita boleh mendefinisikan bangsa sebagai “satu komuniti orang ramai [yakni komuniti politik] yang terbentuk dalam sejarah, yang dipertautkan melalui perkongsian wilayah bersama, ekonomi bersama, serta mempunyai unsur-unsur subjektif bersama ... yang merangkumi bahasa, budaya, sastera, dan nama bersama yang dikongsi bersama” (Bab 4). Mengenai bangsa Malaysia pula, buku ini menganggap ia bermaksud bangsa yang terdiri daripada semua kaum di Malaysia yang terbentuk dalam sejarah dan “mempunyai perasaan sebangsa dengan nama kolektif (bangsa Malaysia)

yang sama serta berkongsi wilayah, ekonomi, budaya dan nasib masa depan bersama dengan rupa bangsa yang sepunya” (Bab 2).

Kedua, buku ini juga menghujahkan bahawa oleh sebab kekhususan pengalaman sejarah pembinaan bangsa di negara ini, kita perlu melihat persoalan bangsa Malaysia dari dua segi. Pertama, dari sudut politik masa kini bahawa bangsa Malaysia memang satu bangsa baru yang merangkumi semua kumpulan etnik di Malaysia. Akan tetapi, dari sudut lain, negara dan bangsa Malaysia tidak terbentuk dalam kekosongan, oleh sebab kedua-duanya mempunyai asas geografi yang luas dan asas kemasyarakatan yang lama dalam sejarah Nusantara. Kenyataan ini bermaksud bahawa jauh sebelum masyarakat Malaysia (ketika itu Tanah Melayu) menjadi masyarakat berbilang kaum sejak pertengahan abad ke-19 dengan kemasukan kaum Cina dan India, Tanah Melayu sudahpun mempunyai masyarakat peribumi dengan sistem kenegaraan sendiri yang utuh dan berdaulat. Oleh sebab itu, dalam mengkonsepsikan bangsa Malaysia pada hari ini, kita perlu mengambil kira kedua-dua aspek bangsa dari segi konsep politik kini, dan konsep bangsa dari segi sejarah. Konsep bangsa dari segi sejarah rantau ini bermaksud perkembangan bangsa daripada *ethnos* yang dipertautkan oleh salasilah, budaya dan sejarah sepunya kelompok etnik Melayu yang terbentuk dalam wilayah Alam Melayu (Bab 2, 3 dan 4). Melihat konsep bangsa dari sudut masa kini semata-mata akan menafikan tapak sejarah dan kesinambungannya, manakala melihat aspek sejarah semata-mata tanpa mengambil kira kenyataan masa kini akan menjadi kita mundur ke belakang.

Ketiga, buku ini khususnya dalam Bab 3, selanjutnya menghujahkan bahawa rantau alam Melayu atau Nusantara menunjukkan contoh yang ketara mengenai kesenjangan antara bangsa cita dengan bangsa yang lahir dalam kenyataan politik sebenar. Bab ini menunjukkan bahawa nasion adalah satu fenomena zaman moden dan ia tidak mungkin muncul pada zaman feudal walaupun kelompok *ethnos* sudah wujud. Walau bagaimanapun, sungguhpun terdapat asas sejarah dan budaya yang luas bagi pembentukan bangsa Melayu pada zaman moden, disebabkan pelbagai faktor seperti sejarah penjajahan, perubahan demografi, keadaan geografi dan sebagainya, maka trajektori sejarah negara-bangsa Melayu sudah diubah sehingga ia tidak memungkinkan lahirnya negara-bangsa Melayu pada zaman moden. Yang lahir ialah bangsa-bangsa yang pada asasnya Melayu yang menjadi penduduk utama di beberapa negara Asia Tenggara, khususnya Malaysia, Indonesia dan Filipina. Bab ini menyimpulkan bahawa hubungan orang Melayu Malaysia dari segi negara-bangsa mempunyai

nasib yang diperkongsikan bersama dengan kaum-kaum lain — Cina, India, Iban, Kadazan, dan lain-lain — bagi membina bangsa Malaysia dan mereka tidak memperkongsikan nasib politik yang sama dengan keturunan rumpun Melayu di Indonesia, Filipina, Brunei, Singapura dan sebagainya. Hanya dari segi sejarah, budaya dan juga agama, orang Melayu Malaysia mempunyai pertalian dengan saudara mara serumpun mereka di negara-negara berkenaan. Dengan kata lain, konsep ‘Melayu’ dari segi politik pada hari ini ialah satu konsep yang khusus, yang harus dilihat dalam konteks kenegaraan tertentu manakala dari segi budaya, ia mempunyai dimensi yang lebih luas merangkumi kelompok rumpun Melayu di Asia Tenggara dan tempat-tempat lain.

Hujah-hujah di atas menjadi intisari dalam kerangka pemikiran penulis apabila membicarakan persoalan negara-bangsa secara konseptual dan juga empirikal dalam buku ini. Untuk memberi perspektif bandingan, buku ini juga menarik perhatian kepada pengalaman berbeza-beza di antara pembentukan negara-bangsa di Eropah pada abad ke-18 dan ke-19 dengan pembentukan negara-bangsa di negara bekas tanah jajahan seperti Malaysia yang berlaku setelah pengunduran kuasa penjajah selepas Perang Dunia Kedua pada pertengahan abad ke-20. Sementara di Eropah, negara dan bangsa boleh disamakan, dan bangsa pula terbentuk dalam proses pembentukan negara kapitalis moden, di kebanyakan negara bekas tanah jajahan, keadaannya jauh berbeza. Selain itu, seperti ditunjukkan dalam Bab 3, pengalaman di kalangan sesetengah negara bekas tanah jajahan termasuk di rantau alam Melayu sendiri juga berbeza. Misalnya, pengalaman Malaysia berbeza dengan Indonesia. Di Indonesia, bangsa Indonesia terbentuk terlebih dahulu dalam perjuangan kemerdekaan melawan penjajah Belanda sebelum lahirnya negara Indonesia yang merdeka pada 17 Ogos 1945. Kita dapat melihat dalam ‘Sumpah Pemuda’ pada 1928 sudahpun ditegaskan bahawa rakyat Indonesia berjuang untuk pembentukan satu bangsa (bangsa Indonesia), satu tanah air (tanah air Indonesia), dan satu bahasa (bahasa Indonesia) dan bangsa ini berdiri dengan utuh apabila Indonesia diisytiharkan mencapai kemerdekaannya. Hal ini berlainan dengan di Malaysia. Di negara ini, apabila kemerdekaan tercapai pada 31 Ogos 1957, yang dilahirkan ialah negara, bukannya bangsa Malaya (ataupun bangsa Malaysia selepas pembentukan Malaysia pada September 1963). Pada ketika itu, seperti dihuraikan dalam Bab 2, kita hanya mempunyai negara Malaya (kemudian Malaysia) yang merdeka yang mempunyai kedaulatan ke atas warga negara dan wilayah yang ditetapkan menurut Perlembagaan, tetapi bangsa Malaysia belum lagi wujud.

Memandangkan kekhususan pengalaman Malaysia, boleh kita katakan bahawa berbanding dengan sesetengah negara lain, persoalan bangsa Malaysia jauh lebih rumit kerana kerencaman kaumnya yang pada mulanya mempunyai pertalian sejarah yang berbeza-beza dengan rantau ini dan juga disebabkan kedudukan ekonomi dan politik yang berlainan antara kaum. Keadaan sedemikian dirumuskan oleh sesetengah sarjana sebagai mencerminkan 'one state many nations' (sebuah negara banyak bangsa) yang mempunyai *nation of intent* (bangsa cita atau bangsa idaman) sendiri yang bersaing (Shamsul 1992). Sungguhpun demikian, hal ini tidak bermaksud bahawa pelbagai kaum yang menjadi penduduk Malaysia kini dan mempunyai persepsi berbeza-beza tentang nasion itu tidak boleh berkembang dan membina bangsa Malaysia. Mereka boleh membentuk satu bangsa baru setelah mereka mempunyai pengalaman hidup bersama dalam satu masa yang agak panjang dan membentuk perasaan subjektif sebangsa. Walaupun pada mulanya sejarah pelbagai kaum di negara ini berlainan, tetapi setelah mengharungi pengalaman sejarah bersama yang agak lama di sini, pelbagai kaum di Malaysia semakin menerima hakikat bahawa mereka berkongsi wilayah, ekonomi dan masa depan bersama, dan memiliki bahasa Melayu sebagai bahasa bersama. Seiring dengan itu, seperti ditunjukkan dalam Bab 4, unsur-unsur *intangible* seperti bahasa dan sastera memang memainkan peranan penting bagi mengembangkan faktor subjektif pembinaan negara-bangsa dan mencipta syarat psikologi bersama. Perubahan sosioekonomi dan psikologi boleh mendorong pelbagai kaum supaya beransur-ansur mengakui bahawa mereka mempunyai identiti sepunya dan nama kolektif sebagai bangsa Malaysia, lebih-lebih lagi apabila mereka berdepan dengan bangsa-bangsa lain di dunia. Perasaan kekitaan yang semakin mengikat mereka ini menjadi faktor penting kenapa peristiwa hitam seperti Peristiwa 13 Mei tidak berulang dan keadaan kegawatan ekonomi Malaysia yang tercetus pada 1997-98 tidak mempunyai kesan negatif yang ketara ke atas hubungan antara kaum, sedangkan di Indonesia, krisis itu telah mencetuskan rusuhan etnik yang dahsyat.

Dalam mewujudkan kesetiaan kepada bangsa serta memelihara iklim sosial yang stabil dan harmonis, negara dan pemimpinnya tidak boleh mengambil mudah isu ini dan menganggapnya sesuatu yang terberi. Sokongan dan kesetiaan perlu dipupuk supaya kepimpinan dilihat dan dirasai sebagai datang daripada rakyat dan mewakili mereka, barulah negara menjadi lebih teguh. Untuk tujuan ini, beberapa pengajaran daripada peristiwa sejarah kenegaraan Melayu sendiri boleh dimanfaatkan dengan

baik untuk mengelakkan yang buruk supaya peristiwa malang yang menimpa negara Melayu yang ulung dalam sejarah, iaitu Kerajaan Melaka, tidak berulang. Bab 5 buku ini secara khusus membincangkan pengajaran daripada *Sulalatus Salatin* (yang lebih dikenali dengan nama *Sejarah Melayu*) berhubung dengan persoalan negara, kuasa dan batasan kuasa. Bab ini menghujahkan bahawa prinsip paksi yang mendasari kuasa kerajaan Melayu zaman silam ialah *waad* atau perjanjian yang dimaterai di antara raja dengan rakyat, yang berasaskan permuafakatan dan keadilan. Walaupun zaman sudah jauh berbeza, akan tetapi semangat *waad* yang boleh mewujudkan kesepaduan trisakti, yakni raja, pembesar dan rakyat, amat berguna pada hari ini dalam pembinaan negara-bangsa. Bertolak daripada pengalaman sejarah tersebut, bab ini menyimpulkan bahawa kuasa yang dilaksanakan secara adil, saksama dan bijak boleh memakmurkan negara dan rakyat, manakala kuasa yang digunakan secara zalim dan tidak saksama akan membawa padah sebaliknya.

Setelah membincangkan asas-asas sejarah pembentukan negara-bangsa di Nusantara termasuk pembinaan bangsa Malaysia, buku ini dalam empat bab berikutnya membicarakan persoalan negara-bangsa dalam konteks kontemporari. Bab 6 buku ini membahas beberapa persoalan besar yang amat penting dalam proses transformasi Malaysia ke arah menjadi negara maju dan untuk meningkatkan daya saing bagi menangani arus globalisasi. Bab ini menyinggung persoalan transformasi sosiobudaya dan politik yang diperlukan untuk tujuan tersebut dan mengemukakan beberapa cabaran besar, khususnya dalam bidang pendidikan bagi Malaysia untuk meningkatkan daya saingnya pada masa depan. Di antara cabaran terpenting ialah meneruskan proses pendemokrasian sistem pendidikan khususnya di tingkat tinggi, mengatasi sistem yang masih berbentuk piramid yang menyebabkan wujudnya *bottleneck* di tingkat atas supaya sebahagian besar pelajar yang layak termasuk mereka daripada golongan miskin akan berpeluang mendapat pendidikan tinggi, manakala keseimbangan komposisi etnik di kalangan pelajar juga dapat diwujudkan. Bab ini juga menegaskan di samping memberi tekanan kepada pendidikan sains dan teknologi dan penguasaan bahasa Inggeris, bahasa Melayu sebagai bahasa nasional harus terus dipertahankan sebagai bahasa penghantar dan juga alat pemersatu negara-bangsa. Bab ini juga menegaskan supaya keseimbangan diwujudkan di antara tuntutan ilmu dengan tuntutan latihan kemahiran untuk pasaran, dan etos pasaran yang meresapi sistem pendidikan tidak harus dibenarkan mengorbankan nilai pendidikan untuk kemajuan tamadun manusia itu. Dari segi transformasi

politik pula, bab ini menegaskan perlu adanya ketelusan serta tindakan tegas ke atas gejala rasuah dan sebagainya. Sama ada semua ini dapat dilakukan dengan berkesan bergantung kepada perencanaan strategik yang luwes serta iltizam politik yang teguh pihak pemerintah dan pelbagai pihak lainnya.

Bab 7 pula membahas proses pembinaan bangsa Malaysia melalui sistem nilai dan pendidikan, khususnya pendidikan umum. Salah satu unsur yang timbul akibat dampak globalisasi ialah meluasnya nilai kuasa pasaran yang meresapi sistem pendidikan negara serta pertarungan nilai yang sengit di antara nilai penghomogenan global dengan nilai yang mempertahankan negara-bangsa. Bab ini menghujahkan bahawa pendidikan umum harus mengandungi kandungan untuk memahami proses globalisasi dan juga mengukuhkan pembinaan negara-bangsa, mempelajari falsafah ilmu pengetahuan dan sejarah pemikiran, mempunyai kandungan mempelajari tamadun dengan menggunakan pendekatan perbandingan dan sejarah, serta mengkaji budaya, nilai, identiti dan gender. Bab ini berpendapat kursus sedemikian menjadi lebih penting bagi masyarakat Malaysia yang pelbagai etnik dan budaya.

Dua bab terakhir (Bab 8 dan Bab 9) menyentuh soal perkembangan terbaru dalam bidang ilmu, iaitu teori pascamodenisme dan negara-bangsa, dan mengenai peranan golongan intelektual, iaitu kelompok sosial yang menggunakan akal dan pemikiran mereka untuk mempengaruhi dan mengubah masyarakat termasuk membina negara-bangsa. Dalam Bab 8 ditegaskan bahawa pascamodenisme secara langsung atau tidak langsung turut menyentuh persoalan negara-bangsa. Menurut teori ini, negara dan bangsa adalah metanaratif yang menolak naratif kecil, menekan golongan yang tidak berkuasa dan juga cuba menghomogenkan kepelbagaian. Oleh sebab itu, pascamodenisme mendekonstruksi konsep-konsep makro seperti negara dan bangsa tersebut. Bertolak daripada pendirian nyahpusat, pascamodenisme menganggap negara-bangsa sebagai satu projek golongan dominan untuk mewujudkan hegemoni ke atas golongan lain. Dari sudut ini, teori pascamodenisme berlawanan sama sekali dengan teori pembinaan negara-bangsa. Namun, seperti dinyatakan dalam bab ini, terdapat satu aspek dalam wacana pascamoden yang boleh dimanfaatkan. Pascamodenisme merayakan kepelbagaian dan menuntun memberi 'suara kepada yang tanpa suara', suatu pendirian yang berguna bagi negara sedang membangun seperti Malaysia dalam usaha membela nasib bangsa dan masyarakat yang ditindas oleh adikuasa imperialis seperti Amerika Syarikat. Selain itu, kecaman pascamodenisme terhadap

keangkuhan modenisme adalah satu sikap penting supaya kita lebih berhati-hati dan bersikap memilih apabila menerapkan modenisme dan industrialisme dalam pembangunan Malaysia untuk menjadi negara maju.

Dalam menganalisis kelompok masyarakat yang bergelut dengan pemikiran, iaitu golongan intelektual dan peranan mereka dalam konteks pembinaan negara-bangsa dan juga kebangkitan semula Asia termasuk Malaysia, Bab 9 menanyakan sama ada benar terdapat kebangkitan semula Asia atau sebaliknya, dan apakah peranan intelektual dan universiti dalam usaha tersebut. Bab ini menyatakan bahawa memang Asia termasuk Malaysia sudah bangkit semula, untuk menjadi rakan yang sama darjat dalam komuniti antarabangsa. Bab ini menunjukkan bahawa pengembangan tradisi intelektual dan universiti hari ini dalam kerangka mewujudkan kebangkitan semula Asia dan pembinaan negara-bangsa perlu mengambil kira sekurang-kurangnya dua perkara penting. Pertama, kita perlu memahami dengan jelas bahaya ideologi globalisasi neo-liberal yang bertekad melumpuhkan ideologi nasionalisme dan negara-bangsa, ideologi yang mendakyahkan negara-bangsa sebagai dinosaur yang menunggu saat ajalnya. Kedua, kita juga perlu berwaspada terhadap ideologi konsumerisme yang menjadikan masyarakat Asia termasuk Malaysia sebagai kelompok pengguna yang amat besar, sebagai pasaran terbesar yang begitu mudah ditawan bagi barangan dan perkhidmatan syarikat-syarikat transnasional Barat, termasuk produk intelektualnya. Kedua-dua ideologi ini harus kita tolak dengan tegas di samping perlu kita mengembangkan ideologi alternatif, mengembangkan nasionalisme dan patriotisme yang selaras dengan semangat zaman baru, yang memandang dunia sebagai tempatnya belajar dan memandang yang maju sebagai yang patut dicontohi. Bab ini menegaskan bahawa globalisasi ialah proses tidak terelakkan yang mempertalikan semua negara dan bangsa, tetapi ini tidak bererti proses ini tidak perlu ditakrif semula atau dikawal melalui usaha bersama. Sementara ideologi globalisasi neo-liberal perlu ditentang, proses globalisasi boleh dan harus dimanfaatkan untuk kebangkitan semula negara sendiri dan juga Asia dari segi modal, teknologi, kepakaran dan sebagainya.

Bab ini juga menunjukkan bahawa di kalangan bangsa-bangsa di Asia sudah terdapat emansipasi daripada jiwa hamba dan rasa rendah diri apabila berdepan dengan kuasa-kuasa Barat, iaitu bekas tuan mereka, dan emansipasi ini adalah hasil daripada usaha penebusan maruah atau harga diri bangsa. Emansipasi ini yang merupakan satu kekuatan rohaniah yang amat penting adalah hasil daripada tradisi intelektual Asia yang

berpegang kepada pentingnya mengembangkan ‘budaya wacana kritis’. Yang dimaksudkan dengan budaya tersebut ialah satu budaya yang mengutamakan daya fikir kreatif dan kritis, yang meneropong kelemahan-kelemahan diri di tengah-tengah kejayaan, “mengutamakan analisis dan penilaian yang wajar dan saksama ke atas sesuatu yang dinilainya serta kritikan bertanggungjawab ke atas apa yang patut ditegur dengan saranan-saranan yang membina untuk mengatasinya, dengan bertolak daripada nilai kebenaran, keadilan dan kecemerlangan yang mendasari budaya itu”. Budaya ini adalah satu prasyarat dalam usaha mewujudkan pembangunan dan kemajuan yang berterusan sesuatu bangsa dan masyarakat serta bagi pengukuhan tradisi intelektual dan mengatasi *mediocrity*.

Secara keseluruhannya, pelbagai bab dalam buku ini cuba mengetengahkan pemikiran secara terbuka terhadap persoalan negara-bangsa. Memang diakui sesetengah idea yang dilontarkan itu bersifat kontroversial dan mengundang polemik. Namun, inilah sifat wacana ilmu supaya idea baru boleh berkembang melalui perbahasan. Berfikir dengan mengutamakan kewarasan dan berpegang kepada budaya wacana kritis telah cuba dimanfaatkan oleh penulis ketika menghasilkan pelbagai bab yang dimuatkan di dalam buku ini. Adalah diharapkan buku ini dapat menyumbang sedikit sebanyak kepada perkembangan budaya ilmu yang sanggup mengupas pelbagai persoalan besar negara dan masyarakat serta persoalan ilmu secara sistematis dan kritis dalam usaha kita mengharungi abad ke-21. Sama ada buku ini berjaya atau sebaliknya untuk menyumbang secara positif kepada wacana mengenai negara-bangsa dan pembinaan bangsa Malaysia terpulanglah kepada para pembaca untuk mengkritik dan menilainya.

Negara-bangsa dan Bangsa Malaysia

Kerelevanan Negara-bangsa

Persoalan negara-bangsa tetap mengambil tempat yang penting dalam wacana yang menangani pelbagai cabaran abad ke-21. Sama ada sesuatu pandangan itu menekankan pentingnya peranan negara-bangsa mahupun sebaliknya, konsep ini tetap menjadi rujukan. Pendapat yang pro negara-bangsa akan menekankan kerelevanan konsep ini sebagai unit rujukan dan tindakan dalam menangani cabaran-cabaran global. Pandangan yang menganggapnya sebagai sudah tidak relevan pula akan berusaha membuktikan bahawa konsep ini tidak lagi penting, bahkan sudah ketinggalan zaman.

Antara penulis terkemuka yang menolak pentingnya negara-bangsa pada zaman kini ialah pakar strategi dan guru ilmu perniagaan, Kenichi Ohmae. Dalam bukunya *The End of the Nation State: The Rise of Regional Economies* (1995), Ohmae mengutarakan pendapat bahawa negara-bangsa ialah ciptaan abad ke-18 dan ke-19 dan dilihat dari segi sejarah, ia merupakan satu bentuk organisasi peralihan bagi mengendalikan hal ehwal ekonomi. Sambil menyokong pendapat Francis Fukuyama (1992) yang mengumumkan bahawa dunia selepas Perang Dingin telah menyaksikan 'berakhirnya sejarah,' Ohmae pula mengumumkan bahawa era penghujung abad ke-20 dan awal abad ke-21 sebagai 'era berakhirnya negara-bangsa'. Bahkan pada kulit dalam bukunya, negara-bangsa disifatkan sebagai 'dinosaur yang menunggu ajalnya'.

Menurut Ohmae, fakta paling pokok dan nyata pada zaman sejarah ini, ialah terbentuknya dunia tanpa sempadan dengan setiap negara terpaut dalam jaringan aliran maklumat secara global yang ditunjangi kecanggihan teknologi. Sempadan negara-bangsa tidak lagi bererti. Dengan pengaliran maklumat, jarak yang jauh tidak menjadi halangan bagi merebut pasaran; permintaan boleh tercipta sekalipun di tempat paling jauh, asalkan tempat itu terdedah kepada pengaliran maklumat. Dan apabila ada permintaan, ekonomi global akan mewujudkan rumah setempatnya di sana. Oleh itu,

tegas Ohmae, keunggulan negara-bangsa sudah roboh, dicabar dan didobrak oleh beberapa gerak kuasa baru ≡ yakni kuasa industri, pelaburan, pengguna dan maklumat ≡ yang menjadikannya tidak relevan dan tidak berkesan lagi sebagai pemikir, perancang, peserta dan pengurus ekonomi. Ohmae bahkan menganggap negara-bangsa hanya satu cereka nostalgik yang tidak mampu lagi mengagihkan kekayaan secara cekap, apa lagi untuk membuat sumbangan terhadap pengurusan ekonomi.

Apakah ganti negara-bangsa? Ohmae menegaskan bahawa peranan negara-bangsa telah diambil alih oleh *region state* atau negara-wilayah yang sedang dan akan memainkan peranan sebagai pusat pertumbuhan yang berhubung terus dengan dunia global. Negara-bangsa bukan lagi penggerak utama urusan ekonomi; negara-bangsa hanya sekadar pemangkin bagi aktiviti negara-wilayah tadi. Beliau mencadangkan wilayah patut diberikan autonomi kerana dengan mengutamakan logik global, wilayah boleh menjadi ejen perubahan yang diperlukan oleh zaman – yakni menjadi jentera kemakmuran dan peningkatan mutu hidup yang berkesan bagi orang ramai dalam ekonomi global (Ohmae 1995: 136-49).

Pembaca mungkin dapat mengesan bahawa hujah Ohmae mengandungi kontradiksi. Dalam bukunya beliau merujuk kepada pengalaman pembangunan Malaysia sebagai “*the most idustrially advanced Islamic nation in the world*” dan menghuraikan bagaimana *Malay dilemma* menjadi *Malay delight* (1995: 120-22) hasil pembangunan pesat itu. Ini benar. Tetapi anehnya sementara beliau menolak kepentingan peranan negara-bangsa dalam pembangunan ekonomi, di Malaysia peranan negara yang berorientasikan pembangunan itulah yang menjadi pemacu yang memungkinkan kemajuan tersebut. Dalam konteks Malaysia, sekalipun muncul wilayah-wilayah pertumbuhan, seperti Johor dan Pulau Pinang yang disebut olehnya, namun wilayah itu terlaksana dalam kerangka negara dan bangsa Malaysia, bukannya secara tersendiri.

Persoalan yang perlu dibahas di sini ialah: Dalam era yang dianggap pasca negara-bangsa kini, apakah negara-bangsa benar-benar sudah menjadi tidak relevan, bahkan sedang menunggu ajalnya? Apakah untuk menjadi pelaku global, seseorang atau sesuatu kelompok atau sesuatu negara itu perlu mengenyepikan pegangannya pada negara-bangsa sebagai titik tumpuan dan rujukannya, dan beralih kepada *region-state* yang sudah diintegrasikan dengan ekonomi global termaju?

Walaupun hujah Ohmae lebih tertumpu kepada persoalan luputnya peranan negara-bangsa dari segi ekonomi, namun implikasinya lebih luas seakan-akan negara-bangsa sudah hilang kerelevanan peranan lainnya

juga, seperti yang jelas tersurat dalam judul bukunya *The End of the Nation-State*. Hujahnya juga membawa implikasi seolah-olah pembangunan yang bererti hanyalah pembangunan ekonomi. Bidang lain seperti politik, budaya, sosial, rohaniah dan sebagainya = bidang yang memungkinkan negara dan masyarakat sivil bersama-sama memainkan peranan = tidak diberikan perhatian. Walaupun beberapa hujahnya bermanfaat untuk tokoh pemiagaan, para pemimpin dan ahli strategi, namun kita perlu bersikap kritikal terhadap implikasi hujah-hujah pokoknya. Oleh itu, kupasan tentang masalah ini tidaklah boleh dibatasi kepada isu peranan negara-bangsa dalam bidang ekonomi sahaja, tetapi memerlukan juga ulasan yang melewati hujah ekonomi.

Untuk membicarakan persoalan ini, marilah kita melihat senario yang menggambarkan beberapa ciri situasi antarabangsa hari ini. Pertama, dari satu segi memanglah benar syarikat-syarikat transnasiona melakukan perniagaan 24 jam sehari. Pengaliran maklumat berlaku tanpa henti, menembusi sempadan negara-bangsa. Migrasi melewati perbatasan berlaku terus menerus, dan pemerintah sesuatu negara tidak berupaya untuk mengawalinya. Memang benar juga, sejak kemunculan negara-bangsa tiga abad yang lalu di pentas sejarah dunia, kepentingannya sudah menurun.

Namun begitu dari segi *realpolitik* hari ini, negara-bangsa masih menjadi unit rujukan dan tindakan yang utama dan penting dalam pelbagai bidang – politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya. Globalisasi dalam batas tertentu telah melemahkan negara-bangsa, tetapi tidak mungkin dapat menggantikan atau mencampakkannya. Seperti yang dinyatakan oleh Paul Kennedy (1993: 134), negara-bangsa masih merupakan *locus* utama identiti bagi kebanyakan orang. Apabila berdepan dengan pelbagai cabaran baru, orang ramai secara seponan akan merujuk kepada negara-bangsa masing-masing bagi penyelesaiannya. Negara-bangsa tetap menjadi pelaku utama dan penting yang terus berusaha mencapai kedudukan yang lebih unggul dan mengatasi negara lain. Sehubungan dengan itu juga, nasionalisme pula tetap dianggap sebagai gerak kuasa politik paling hebat pada abad ke-20 dan berkemungkinan besar memainkan peranan yang sama pada abad ke-21 (Pfaff 1994).

Pendapat ini secara tidak langsung selaras dengan pendapat beberapa pengamat lain. Naisbitt (1994), misalnya, menganggap satu *trend* yang amat ketara yang menentukan perkembangan dunia hari ini ialah kenyataan bahawa seiring dengan dunia yang semakin global atau universal, manusia juga semakin cenderung bertindak secara *tribal*:

'The more universal we become, the more tribal we act.' Pengarang ini bahkan menyimpulkan bahawa semboyan hari ini *'think locally, act globally'* – yakni kita perlu berfikir secara lokal menurut kaca mata bangsa dan negara sendiri, tetapi ketika bertindak, kita perlu bertindak dalam konteks sejagat. Yang menjadi paradoks, tambah Naisbitt lagi ialah di satu pihak peri pentingnya negara-bangsa semakin merosot tetapi di pihak lain semakin banyak pula negara-bangsa muncul. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang bermula dengan 51 buah negara pada 1945 kini sudah dianggotai 184 negara – satu pertambahan lebih tiga kali ganda dalam kira-kira 50 tahun.

Kedua, runtuhnya negara kesatuan berbilang bangsa seperti Soviet Union ataupun negara persekutuan seperti Yugoslavia menjadi negara-negara kecil menurut sempadan bangsa yang mendiami wilayah berkenaan, tidaklah bererti bahawa negara-bangsa sebagai suatu konsep tentang kehidupan politik bernegara sudah lapuk. Malah sebaliknya, proses itu juga diimbangi oleh pembentukan semula negara-bangsa. Ini satu bukti empirikal tentang hakikat bahawa sentimen bangsa merupakan gerak kuasa politik dan budaya yang cukup kuat dalam menentukan arah perkembangan sejarah zaman ini di wilayah bekas blok Soviet, termasuklah di rantau Balkan. Di samping itu, negara industri yang sudah matang seperti Amerika Syarikat dan Britain pun masih dihantui masalah bangsa = contohnya persoalan bangsa kulit hitam di Amerika Syarikat dan perjuangan bangsa Irish di Britain. Contoh ini dan lebih-lebih lagi pengalaman peperangan di Bosnia dalam beberapa tahun ini, menunjukkan bahawa persoalan pembinaan negara-bangsa tidak boleh diambil mudah khususnya oleh negara-bangsa membangun.

Ketiga, berbanding dengan abad ke-19 yang digelar Abad Eropah dan abad ke-20 sebagai Abad Amerika, abad ke-21 diramalkan oleh ramai pemerhati sebagai Abad Asia. Ini kerana kekuatan perkembangan ekonomi, khususnya ekonomi negara-negara Asia Timur. Namun begitu perlu ditunjukkan di sini bahawa perkembangan negara-negara ini adalah dalam kerangka negara-bangsa dan tidak berlaku secara kebetulan serta terpisah daripada kerangka itu. Jepun, misalnya, menekankan pentingnya peranan negara dalam pembangunannya, sama ada pada zaman Kebangkitan Meiji selepas 1868, dan lebih-lebih lagi dalam pembangunan semula negara itu bermula tahun 1950-an, setelah kehancurannya dalam Perang Dunia Kedua. Begitu juga, negara merupakan kerangka rujukan dan tindakan, bahkan penggerak utama pembangunan ekonomi tiga buah 'naga' Asia Timur – Taiwan, Korea Selatan dan Singapura – termasuk

pembangunan ekonomi Malaysia. Selain itu, perang perdagangan hari ini di antara Amerika Syarikat dengan Jepun jelas menunjukkan keduanya bertindak dengan kepentingan ekonomi negara masing-masing sebagai titik tolak utama, sekalipun ekonomi mereka paling global sifatnya.

Keempat, dari segi bahasa, memanglah benar bahasa Inggeris sudah menjadi bahasa universal yang digunakan oleh lebih satu bilion penduduk dunia. Bahkan menurut Naisbitt, 60 peratus siaran radio di dunia, 70 peratus surat-menyurat, 85 peratus percakapan telefon antarabangsa dan 80 peratus data dalam beratus juta komputer adalah dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua bagi mereka yang bahasa ibundanya bukan bahasa Inggeris memang amat perlu. Tetapi, seperti yang ditegaskan juga oleh Naisbitt, semakin bahasa Inggeris menduduki status universal dan menjadi bahasa kedua kebanyakan orang, semakin penting pula tekanan yang diberikan kepada bahasa ibunda yang diperjuangkan dengan gigih oleh bangsa-bangsa berkenaan di merata dunia. Dengan kata lain, mengutamakan dan memperjuangkan bahasa sendiri sebagai bahasa kebangsaan yang moden dan bahasa ilmu dalam usaha pembinaan negara-bangsa menjadi arus yang selaras dengan arus global itu sendiri.

Berdasarkan senario itu, bab ini cuba meneliti persoalan negara-bangsa dan pembinaan bangsa di Malaysia dalam zaman globalisasi. Bab ini berhujah bahawa persoalan pembentukan bangsa Malaysia bukan sahaja relevan, malah menjadi satu kemestian sejarah yang amat perlu bagi menjamin keutuhan Malaysia sebagai salah satu pelaku utama di pentas dunia pada abad ke-21.

Proses Pembentukan Bangsa

Sejarah secara umumnya membuktikan bahawa pembentukan bangsa tidak berlaku melalui perancangan. Sesuatu bangsa tidak lahir daripada sesuatu wawasan atau projek, mahupun dikri atau perintah undang-undang. Bangsa lahir beransur-ansur secara semula jadi di bawah keadaan sejarah tertentu dan berkembang dengan ciri-cirinya sendiri di panggung sejarah yang dibinanya. Hakikat ini benar bagi pengalaman negara-bangsa di Eropah, tetapi di negara membangun, kerana kekhususan sejarah akibat penguasaan kolonialisme, pembentukan 'bangsa cita' atau 'bangsa idaman' negara-negara berkenaan adalah hasil wawasan yang dibentuk dalam perjuangan kemerdekaan dan perjuangan untuk mengisi dan memperkukuhkan kemerdekaan itu. Walaupun unsur perkembangan

semula jadi bangsa amat penting dan harus didorong prosesnya, namun arah perkembangannya tidak dapat tidak, menerima pengaruh daripada (bahkan perlu dipadukan secara sedar dengan) wawasan atau cita-cita tertentu menurut citra bangsa idaman yang diimpikan. Dengan kata lain, unsur semula jadi yang lebih spontan sifatnya perlu berpadu dengan aspek perancangan yang merupakan satu projek kejuruteraan sosial yang besar.

Ditinjau dari segi sejarah, bangsa Malaysia adalah satu konsep baru bagi rakyat berbilang kaum di negara ini. Gerakan kemerdekaan yang berjaya mengambil alih kuasa daripada penjajah tidak menjadikan secara eksplisit pembinaan bangsa Malaya ataupun bangsa Malaysia sebagai bangsa idaman yang mahu dibentuk dengan tersingkirnya penjajah. Apabila Malaya diisytiharkan merdeka pada 31 Ogos 1957, yang dilahirkan ialah sebuah negara, bukan bangsa. Begitu juga, apabila Malaysia terbentuk pada 1963, yang kita miliki hanyalah negara Malaysia, sedangkan bangsa Malaysia yang utuh dan bersatu masih jauh daripada terwujud. Bahkan pada hari ini, setelah lebih empat dekad merdeka, bangsa Malaysia masih juga dalam proses pembentukannya.

Sungguhpun demikian, keadaan ini tidak semestinya satu kelemahan. Kewujudan negara serta rakyat yang komited terhadap usaha ini boleh menjadi kuasa penggerak utama untuk menggembelng pembentukan bangsa Malaysia. Kalau sebelum ini pembentukan bangsa Malaysia hanya diutarakan oleh sesetengah kelompok nasionalis dan intelektual yang menganjurkan nasionalisme Malaysia sebagai gerak kuasa yang menggembelng pembentukan bangsa yang baru, hari ini usaha ini sudah menjadi komitmen pemimpin negara dan secara tidak langsung, hasrat pemerintah. Ini dinyatakan secara jelas dalam ucapan penting Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991 yang kemudian dikenali sebagai 'Wawasan 2020.' Seperti yang ditegaskan oleh Dr. Mahathir (1991), cabaran pertama dan paling asas ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 ialah "membentuk sebuah negara-bangsa (Bangsa Malaysia) yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang diperkongsi bersama..... (dan menumpukan) taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut."

Masalah yang timbul ialah: Apakah wajah atau identiti bangsa Malaysia itu? Bagaimanakah ia boleh terbentuk dan berkembang? Masalah ini boleh dibicarakan daripada pelbagai sudut; antara yang terpenting ialah persoalan kesinambungan sejarah, budaya dan juga bahasa. Ketiga-tiga unsur ini amat penting diambil kira dalam membicarakan identiti bangsa dan perasaan sebangsa. Memang benar negara Malaysia dalam bentuknya

sekarang ialah satu unit politik yang baru dengan sejarah kira-kira empat dekad sahaja. Namun begitu negara itu tidak lahir dalam suatu hampawa atau kekosongan. Hubungan sejarah, ekonomi, etnik dan lain-lain antara wilayah yang membentuknya memang sudah lama wujud. Dari segi bangsa pula, meskipun dari sudut politik semasa, bangsa Malaysia ialah bangsa baru yang merangkumi semua kumpulan etnik di Malaysia, namun bangsa ini mempunyai asas sejarah dan kemasyarakatan yang lama dan luas di Nusantara. Dalam konteks ini, perlu ditegaskan bahawa bangsa tidak boleh dilihat dari sudut politik semasa semata-mata, seolah-olah ia muncul dalam satu ruang baru, yang setiap orang, asalkan dia warganegara, boleh menentukan coraknya menurut kehendak sendiri tanpa mengambil kira kekhususan sejarahnya. Bagi negara bekas tanah jajahan seperti Malaysia, kita perlu membezakan dua konsep bangsa yang saling bertindih dan beroperasi serentak, iaitu konsep negara-bangsa dari segi politik kini dan konsep bangsa dari segi etnik yang dipertautkan oleh salasilah, budaya dan sejarah sepunya kelompok etnik itu yang terbentuk dalam wilayah alam Melayu. (Bandingkan pandangan ini dengan huraian A.D. Smith dalam *The Ethnic Origins of Nation* 1988).

Kemunculan dan Perkembangan Bangsa Melayu

Berdasarkan dua konsep ini, kita boleh berhujah bahawa dari segi pengalaman Malaysia, dua fenomena sejarah yang besar, iaitu kelahiran dan perkembangan bangsa Melayu dalam sejarah alam Melayu termasuk Tanah Melayu serta kelahiran masyarakat berbilang kaum sejak pertengahan abad ke-19, sangat penting diambil kira apabila kita membicarakan pembentukan bangsa Malaysia hari ini. Sesungguhnya ciri-ciri bangsa Malaysia itu harus merangkumi dan mencerminkan kedua-dua ciri-pensejarahan ini, yang mengandungi kedua-dua unsur itu, yakni kesinambungan sejarah dan keadaan masa kini. Oleh itu, untuk memahami dengan mendalam kekhususan bangsa Malaysia, kita tidak boleh semata-mata melihat situasi zaman selepas merdeka dan menekankan prinsip-prinsip universal sahaja tanpa merangkaikannya dengan kekhususan sejarah rantau ini dan kesinambungannya. Kita perlu mengintegrasikan prinsip universal itu dengan kekhususan masyarakat kita yang terbentuk dalam sejarah.

Seperti yang pernah dinyatakan dalam perdebatan sebelum ini, dari sudut etnik dan sejarah, yang disebut bangsa Melayu ialah rumpun manusia

yang mempunyai ciri-ciri sepunya dari segi sejarah, budaya, bahasa, nama dan perasaan sebangsa yang sama dan mendiami wilayah alam Melayu. Sama ada kita menerima teori 'penghijrahan' bahawa orang Melayu berasal dari Yunan, ataupun menolak teori ini dan menganggap alam Melayu sebagai tempat lahir dan tumbuh bangsa Melayu seperti diajukan oleh Wan Hashim Wan Teh (1995), satu fakta tidak boleh dinafikan. Fakta ini ialah bahawa sejak zaman prasejarah lagi, iaitu sejak zaman Mesolitik dan Neolitik, orang Melayu telah meneroka alam Melayu, membangun masyarakat dan akhirnya membina tamadun rantau ini. Dengan kata lain, mereka ialah pengasas masyarakat bertamadun alam Melayu sejak kira-kira dua ribu tahun dahulu dan telah mendirikan beberapa buah kerajaan feudal yang besar dan kuat selama lebih 1500 tahun. Peradaban Nusantara dicirikan oleh peradaban Melayu itu. (Untuk perbincangan lanjut sila lihat Bab 3).

Yang berlaku di alam Melayu berbeza sekali dengan yang berlaku di China. Di negara itu bangsa China (yang dimaksudkan di sini bangsa Han) dalam satu masa yang panjang, pernah hidup secara terpisah-pisah di bawah kerajaan feudal yang berasingan dan sering berperang antara satu sama lain. Namun begitu sejak zaman Dinasti Qin (221-207 Sebelum Masihi), bangsa China dapat disatukan di bawah Maharaja Qin, lantas berdirilah negara kesatuan yang besar dan kuat, dan mempunyai kekuasaan pusat tersendiri. Keadaan ini berterusan hingga abad ke-20 apabila ia berkembang menjadi bangsa moden setelah berdirinya Republik China pada 1911 dan Republik Rakyat China pada 1949. Sekalipun ada usaha kuasa-kuasa penjajah untuk melapah-lapahkannya sejak tahun 1840-an, namun bangsa Cina pada pokoknya tetap utuh sebagai satu bangsa hingga ke hari ini.

Di alam Melayu, sungguhpun bangsa Melayu mempunyai potensi menjadi bangsa yang besar dan bersatu serta membina negara-bangsa pada zaman moden ini, namun ia tidak dapat berkembang sedemikian atas sebab-sebab sejarah tertentu. Gerakan penyatuan bangsa yang terdapat dalam sejarah bangsa Melayu bukan sahaja tersekat bahkan beransur-ansur dihancurkan dengan bermulanya zaman penjajahan pada 1511 dan keruntuhan kerajaan Melayu. Kuasa-kuasa penjajah ≡ Portugis, Belanda, Inggeris, Sepanyol dan kemudian Amerika Syarikat dan Jepun ≡ masing-masing menguasai pelbagai bahagian wilayah alam Melayu dalam masa yang lama sehingga mengubah trajektori sejarah perkembangan bangsa Melayu yang sewajarnya. Penguasaan kuasa-kuasa Barat yang bermula lebih 450 tahun dahulu itu mengakibatkan

alam Melayu dilapah-lapah sehingga terbentuknya negara-negara berlainan pada zaman moden seperti Indonesia, Filipina, Malaysia, Singapura dan Brunei, menurut sempadan yang ditentukan oleh kuasa penjajah. Bangsa Melayu kehilangan kuasa politik dan kecemerlangan tamadunya. Inilah punca sejarah dilema Melayu.

Justeru hari ini jika kita bercakap tentang bangsa Melayu dari segi politik (yakni dari segi negara-bangsa), kita tidak lagi merujuk kepada keseluruhan bangsa Melayu dalam sejarah alam Melayu (seperti yang disebut sebelum ini) melainkan merujuk kepada kumpulan etnik Melayu yang menjadi komponen utama bangsa Malaysia, yakni bangsa dalam zaman moden. Hubungan orang Melayu di Malaysia dengan orang Indonesia dan Filipina atau dengan orang Melayu di Singapura, Thai Selatan, Kemboja dan Brunei ataupun dengan orang Melayu diaspora di Sri Lanka, Afrika Selatan, Surinam dan lain-lain bukanlah hubungan negara-bangsa, tetapi hubungan etnik dan budaya. Pertalian yang sama juga wujud, misalnya, di antara orang Cina di negara China dengan rakyat Malaysia keturunan Cina, atau orang Inggeris di Britain dengan orang keturunan Inggeris di Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand.

Sejak permulaan tamadunya lagi, orang Melayu tidak memperlihatkan kecenderungan ciri eksklusifnya. Justeru hari ini, di samping mewarisi kesinambungan ciri-ciri bangsanya dalam sejarah, orang Melayu juga telah membentuk ciri-ciri baru selaras dengan perkembangan dan perubahan baru di Tanah Melayu dengan kemunculan masyarakat majmuk atau masyarakat berbilang etnik sejak pertengahan abad ke-19. Ciri pluralisme ini adalah hasil langsung daripada dasar imigrasi bebas penjajah Inggeris yang mencetuskan perubahan ekonomi besar-besaran di Tanah Melayu menurut logik kapitalisme kolonial. Kemasukan begitu ramai buruh asing di Tanah Melayu telah mengubah ciri kependudukan masyarakat negara ini dalam beberapa dasawarsa sahaja dan mengubah trajektori sejarah rantau ini.

Pada zaman penjajah, dasar pecah dan perintah penjajah Inggeris serta sifat sementara (*transient*) orang Cina dan India pada peringkat permulaan sama sekali tidak memungkinkan terbentuknya gagasan satu bangsa baru yang dipersetujui bersama = satu bangsa idaman yang diimajinasikan – apa lagi menterjemah pembentukan bangsa itu sendiri menjadi kenyataan di kalangan pelbagai golongan etnik di negara kita. Namun begitu selepas 1930-an, pergerakan keluar masuk itu reda dan semakin ramai orang Cina dan India beransur-ansur memilih untuk menetap di sini. Perjuangan kemerdekaan, khususnya selepas Perang

Dunia Kedua, mempertautkan nasib orang Melayu, Cina, India dan lain-lain yang menetap di sini dalam kancah yang sama, iaitu membangunkan sebuah negara baru yang merdeka dan dikongsi bersama. Hasilnya ialah pencapaian kemerdekaan dan seterusnya pembangunan negara sejak itu hingga ke hari ini.

Pembentukan Bangsa Malaysia

Sebagai satu bangsa, orang Melayu memang mempunyai memori kolektif yang kental yang terbina dalam sejarahnya di rantau ini. Memori kolektif ini mendorong mereka memandang ke belakang, mengenang keagungan silam dan berasa nostalgik kerananya. Kegagalan melaksanakan agenda nasionalisme Melayu sering kali dikesali. Memori kolektif sesuatu bangsa itu memang penting. Akan tetapi, mana-mana bangsa pun tidak boleh hidup dengan memori semata-mata dan dibelenggu sejarah, melainkan bangsa itu harus menarik pengajaran daripada pengalaman sejarah supaya ia dapat dijadikan panduan membina masa depannya. Kita bukan hendak membina negara-bangsa dalam zaman lampau dan untuk generasi lampau. Kita membina negara-bangsa dalam zaman kini untuk masa depan, berpandukan pembentukan dan pengalaman zaman silam. Oleh itu, di samping memelihara kesinambungan sejarah zaman silam, orang Melayu juga perlu mengambil kira perubahan yang telah dan sedang berlaku.

Di segi lain pula, kita juga akan melakukan kesilapan besar jika ditolak ke tepi kesinambungan sejarah ini dan menganggapnya tidak penting. Sementara keasyikan nostalgia sejarah akan memabukkan, kebutaan sejarah pula akan menyesatkan. Seperti dirumuskan dengan baik dalam Pertemuan Dunia Melayu di Melaka pada 1982, 'sesuatu bangsa tidak mungkin mencapai maruah yang mulia dan martabat yang tinggi dengan mematikan kesinambungan sejarahnya.' Kesilapan sebegini bukan monopoli sesetengah orang bukan Melayu sahaja, kerana ia juga wujud di kalangan orang Melayu sendiri. Oleh itu paduan kesinambungan sejarah dan kekinian amat penting untuk menyediakan wadah bagi pembinaan masa depan bangsa Malaysia.

Gagasan bangsa Malaysia – iaitu anggota semua kaum harus mempunyai perasaan sebangsa dengan nama kolektif (bangsa Malaysia) yang sama serta berkongsi wilayah, ekonomi, budaya dan nasib masa depan bersama dengan rupa bangsa yang sepunya, mungkin menimbulkan reaksi berbeza-beza di kalangan pelbagai kaum dan lapisan masyarakat. Bagi orang bukan Melayu, khususnya Cina dan India, status mereka

sebagai komponen satu bangsa baru ≡ bangsa Malaysia ≡ memang sesuatu yang diharapkan oleh sebab hal ini memberi legitimasi kebangsaan bagi kedudukan mereka. Namun mereka dihantui kebimbangan dalam soal budaya dan bahasa kerana mereka akan ditenggelami oleh bangsa Melayu dan bumiputera lain. Oleh itu ruang bagi pengembangan budaya dan bahasa mereka juga yang sejajar dengan budaya bangsa Malaysia perlu dihormati.

Bagi orang Melayu yang rindu akan zaman keagungan silam dan mahu pewujudan agenda nasionalisme Melayu yang belum selesai, mereka tentu tidak senang dengan status yang 'dikecilkan' sebagai satu kaum, sekalipun sebagai komponen utama dan pentakrif bangsa Malaysia. Hal ini boleh dimengerti. Namun, oleh sebab keadaan telah berubah, orang Melayu perlu memandang ke depan dengan mengambil kira peranan penting kaum-kaum lain. Nasionalisme Melayu perlu dirumuskan semula dan ditingkatkan menjadi nasionalisme Malaysia manakala bangsa Melayu boleh menjadi pentakrifnya.

Dalam merumuskan nasionalisme Malaysia, persoalan budaya dan bahasa mesti dititikberatkan. Kedua-dua faktor ini memberi ciri khusus kepada wajah bangsa Malaysia yang mencerminkan kesebatiannya dengan ciri asal rantau ini di samping mengambil kira dan menyesuaikan dengan realiti semasa. Ketiga-tiga prinsip kebudayaan kebangsaan yang dirumuskan dalam kongres tahun 1971 memerlukan pengisian secara kreatif dan bersungguh-sungguh dengan mengambil kira beberapa perkembangan yang telah berlaku selama tiga dekad ini. Selain itu, bahasa Melayu harus berfungsi sebagai penyalur kebudayaan kebangsaan Malaysia moden yang memperlihatkan jiwa bangsa Malaysia.

Di sinilah wujudnya dilema baru bangsa Malaysia. Bangsa Malaysia menghadapi kekalutan baru yang perlu ditangani dengan bijak dan segera dalam konteks perubahan tekanan kepada bahasa Inggeris hari ini dan terus merebaknya budaya kepenggunaan yang dihasilkan oleh kuasa pasaran global yang menjejaskan usaha mengembangkan kebudayaan nasional. Untuk menanganai cabaran ini, nyata sekali peranan sejarah negara-bangsa masih sangat relevan dan cabaran yang terpaksa dipikulnya berat sekali.

'Melayu' dalam Perjuangan Politik Negara-bangsa

Konsep 'Melayu'

Di rantau Asia Tenggara, pembentukan negara-bangsa berasaskan rumpun Melayu adalah di antara perkara yang paling rumit dalam sejarah. Kerumitan ini bukan semata-mata disebabkan sejarah penjajahan yang lama yang dialami bangsa ini, perubahan demografi dan juga kedudukan wilayah yang luas dan dipisahkan oleh laut dan selat, tetapi juga disebabkan konsep Melayu itu sendiri bersifat problematik dan mengundang kontroversi. Bab ini akan membincangkan persoalan bangsa Melayu dalam kesedaran dan perjuangan politik negara-bangsa di Asia Tenggara berdasarkan pengalaman di Malaysia, Indonesia dan Filipina dengan mengambil kira persoalan-persoalan ini.

Konsep 'Melayu' mempunyai pengertian yang berbeza-beza dari satu zaman ke zaman yang lain, dan juga berbeza menurut tafsiran pelbagai pihak. Dalam perbincangan ini, kita akan mengemukakan tiga pendekatan tentang konsep 'Melayu' dan cuba mengaitkannya dengan persoalan politik negara-bangsa di Nusantara dalam sejarah dan juga pada hari ini. Pertama, pendekatan konsep 'Melayu' yang menggunakan kesamaan akar bahasa dan budaya untuk mentakrifkannya seperti terkandung dalam Pengantar *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Jilid 1, 1994). Mengikut pandangan ini, rumpun Melayu ialah rumpun manusia berkulit sawo matang, terdiri daripada pelbagai suku bangsa yang mendiami alam Melayu, dan secara linguistik menjadi kelompok penutur bahasa yang pada asasnya ialah bahasa Melayu-Polinesia. Dari segi geografis, alam Melayu (yang juga dikenali sebagai Nusantara) ialah kawasan yang terangkum di dalamnya tanah daratan dan kepulauan yang terentang dari selatan Pulau Formosa meliputi sebahagian besar daripada Asia Tenggara dan menganjur turun hingga ke Madagaskar. Bangsa Melayu pada hari ini membentuk sebahagian besar daripada jumlah penduduk Malaysia,

Indonesia, Brunei dan Filipina manakala di Singapura, Selatan Thailand, Vietnam, Myanmar, Sri Lanka, Madagaskar dan Afrika Selatan, mereka menjadi penduduk kumpulan minoriti.

Konsep Melayu sebegini yang menggunakan kesamaan asas bahasa sebagai pentakrif kepada rumpun bangsa itu adalah satu pentakrifan menurut perspektif budaya. Namun perlu diingatkan bahawa pelbagai suku kaum yang terangkum dalam istilah Melayu tidak semestinya menganggap diri mereka Melayu. Sebaliknya, mereka sering menganggap diri mereka mengikut suku kaum masing-masing seperti Jawa, Banjar, Minangkabau dan sebagainya.

Pendekatan kedua mentakrifkan Melayu berasaskan penggunaan nama Melayu bagi merujuk kepada nama panggilan kelompok mereka. Penganjur konsep ini menganggap istilah Melayu itu satu konstruksi sosial, atau satu ciptaan yang definisinya berubah dari satu masa ke satu masa yang lain. Untuk membuktikan hujah ini, mereka menggunakan sumber manuskrip tradisional Melayu, khususnya *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* untuk mengemukakan pendapat bahawa Melayu itu merujuk kepada kelompok manusia yang menjadi pengikut raja keturunan Bukit Siguntang yang mengasaskan Kerajaan Melaka pada awal abad ke-15. Nama Melayu dikatakan berasal dari nama Sungai Melayu di Bukit Siguntang, Palembang di Sumatera dan digunakan dalam sejarah jauh sebelum abad ke-17 lagi. Menurut pandangan ini, kelompok Melayu itu merujuk secara khusus kepada pengikut keturunan raja Melaka sahaja yang berasal dari jurai Bukit Siguntang. Dalam takrifan ini, Melayu tidak termasuk Melayu yang bernaung di bawah raja-raja lain serta tidak termasuk etnik Jawa, Banjar, Bawean, dan kelompok-kelompok suku kaum lain yang asas bahasa dan budayanya sama. Konsep Melayu yang diterima pakai pada hari ini tidak lagi sama dengan konsep Melayu yang asal seperti terdapat dalam manuskrip lama Melayu. Oleh sebab itu, ia dianggap sebagai konstruksi sosial yang ciptaannya dipengaruhi oleh perkembangan politik semasa (Shamsul 1999; Fernandez 1999).

Ketiga, konsep Melayu seperti yang dirumuskan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, iaitu dalam Fasal 160 dan Fasal 89(6) mengenai Tanah Simpanan Melayu (*Perlembagaan Persekutuan* 1989). Konsep ini berasal daripada definisi yang dilakukan oleh pihak berkuasa Inggeris untuk keperluan pentadbiran, khususnya dengan tujuan membentuk Enakmen Tanah Simpanan Melayu pada awal abad ke-20. Pentakrifan Melayu seperti ini muncul sebagai reaksi kepada kebanjiran migran Cina dan India ke Tanah Melayu hasil daripada dasar penjajah

Inggeris membawa masuk buruh asing bekerja di lombong dan ladang di Tanah Melayu. Definisi Melayu sebegini bertujuan untuk membezakan penduduk Melayu yang dianggap kelompok peribumi dengan para pendatang asing. Konsep ini kemudian terus digunakan dan dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka pada 1957 dan juga apabila Persekutuan Malaysia terbentuk pada 1963. Mengikut konsep ini, Melayu bermaksud mereka yang berbahasa Melayu, beragama Islam dan mengamalkan kebudayaan Melayu (Perlembagaan Persekutuan: Fasal 160).¹ Definisi Melayu menurut pendekatan ini sangat ketat dan khusus bagi maksud pentadbiran merezab tanah simpanan Melayu (Ghazali Shafie 1995: 34). Berdasarkan takrifan ini, sesiapa yang berketurunan Melayu tetapi tidak memenuhi mana-mana syarat yang ditetapkan, secara teknik boleh dianggap tidak tergolong dalam kelompok kaum Melayu.

Dari segi sejarah politik Asia Tenggara, pendekatan pertama dan ketiga dianggap penting serta menjadi asas percaturan politik dalam perjuangan kemerdekaan dan juga dalam pembentukan negara-bangsa manakala pendekatan kedua sering diterima pakai dalam wacana ilmiah pada hari ini.

Penjajahan dan Pemecahan Alam Melayu

Seperti kita lihat dalam sejarah, beberapa rumpun bangsa di dunia sering dikaitkan dengan kawasan geografi tertentu, misalnya, bangsa Arab dengan Semenanjung Arab, bangsa China dengan benua kecil China, dan bangsa Anglo-Saxon dengan benua Eropah. Demikian juga kita dapati bangsa Melayu dikaitkan dengan sebahagian rantau Asia Tenggara, khususnya alam Melayu ataupun Nusantara. Secara umum, *Nusantara* merujuk kepada habitat rumpun Melayu dan menjadi dunia Melayu yang terbentuk dalam sejarah di Asia Tenggara. Dari segi geografi, Nusantara terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian utara atau daratan yang meliputi rantau luas yang memanjang dari Indochina (selatan Vietnam dan Kemboja), menurun melalui Segenting Kra hinggalah ke selatan Burma dan Semenanjung Tanah Melayu, termasuk Tamasik (kini Singapura). Kedua ialah bahagian selatan, iaitu wilayah kepulauan yang dipisahkan oleh laut dan perairan selat. Bahagian ini terdiri daripada Pulau Kalimantan dan Kepulauan Filipina di Laut China Selatan ke arah tenggara di bahagian selatan, manakala di barat daya dan selatan merentasi Selat Melaka pula ialah gugusan Kepulauan Indonesia (*Ensiklopedia Sejarah dan*

Kebudayaan Melayu, Jilid 1, 1994). Hari ini, Nusantara terdiri daripada beberapa buah negara moden di Asia Tenggara yang menjadi kelompok utama negara-negara Association of Southeast Asian Nations (ASEAN), iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan Filipina, yakni negara-negara yang asasnya Melayu.

Seperti dinyatakan dalam Bab 1, terdapat dua teori tentang asal usul rumpun Melayu. Teori pertama ialah 'teori penghijrahan' yang menganjurkan bahawa rumpun Melayu berhijrah secara gelombang demi gelombang dari China Selatan ke Asia Tenggara sejak lebih 5000 tahun dahulu. Teori ini dianjurkan lebih seratus tahun yang lalu oleh sarjana Barat yang dipelopori oleh Sarasin bersaudara pada 1892 dan 1893, kemudian dikembangkan lagi oleh Heine-Geldern pada tahun 1932 dan pengikut-pengikutnya seperti M.W.F. Tweedie, G. de G. Sieveking dan beberapa orang sarjana lagi pada 1950-an dan 1960-an (Nik Hassan Shuhaimi 1999: 11-12). Teori ini mempunyai pengaruh yang kuat untuk satu masa yang lama dan diterima pakai dalam pelbagai teks sejarah untuk pendidikan menengah dan tinggi di Malaysia. Kesan daripada teori ini ialah ada pihak menghujahkan bahawa orang Melayu juga ialah 'pendatang' di rantau ini, satu hujah yang digunakan khususnya dalam proses tawar-menawar mengenai kedudukan masing-masing kaum dalam negara Malaya (kemudian Malaysia) yang merdeka pada 1957. Namun, teori penghijrahan ini mula dipertikaikan sejak tahun 1970-an oleh teori kedua yang memanfaatkan bukti-bukti arkeologi di Semenanjung Malaysia. Teori ini menghujahkan bahawa orang Melayu adalah peribumi rantau ini jauh sebelum zaman prasejarah lagi dan mereka berkembang secara evolusi, bukannya migrasi. Beberapa penemuan terbaru di bidang arkeologi dilakukan oleh sarjana tempatan, Profesor Nik Hassan Shuhaimi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia yang menjalankan penelitian arkeologi di beberapa tapak sejarah pra-Islam yang penting di pesisir Selat Melaka. Berdasarkan penemuan-penemuan baru ini, teori ini menghujahkan bahawa orang Melayu berasal dari rantau ini dan mempunyai sejarah yang lama melebihi 35,000 tahun di sini (Nik Hassan Shuhaimi 1999: 49). Implikasi daripada teori kedua ini ialah bahawa sejarah awal Tanah Melayu dan Nusantara perlu ditulis semula dan kedudukan sejarah pelbagai kaum di sini perlu diletakkan menurut perspektif sejarah yang baru yang lebih kukuh.

Walau bagaimanapun, seperti juga ditegaskan dalam Bab 1, tidak kira teori mana yang dipakai, satu fakta sejarah pokok ialah sejak Zaman Batu lagi (yakni zaman prasejarah), orang Melayu telah meneroka

Nusantara dan telah membina tamadun rantau ini. Hal ini bererti mereka adalah pengasas masyarakat bertamadun dan pembina peradaban Nusantara sejak ribuan tahun serta adalah pendiri beberapa buah kerajaan Melayu yang besar dan kuat pada zaman yang panjang selama lebih 1500 tahun sebelum ketibaan penjajahan Barat. Soalnya ialah mengapa rantau alam Melayu tidak mempunyai negara kesatuan Melayu yang besar dan kuat pada hari ini, berlainan dengan apa yang berlaku di beberapa rantau lain, misalnya, negara China di mana bangsa China mempunyai negara kesatuan yang besar dan kuat sejak 2000 tahun lebih yang lalu? Mengapa orang Melayu tidak dapat mendirikan negara-bangsa Melayu? Untuk menjawab soalan-soalan ini, beberapa faktor seperti geografi, penjajahan, demografi dan perkembangan sejarah yang berbeza-beza perlu diambil kira. Misalnya, dari segi geografi, wilayah Nusantara amat luas dan sebahagiannya terdiri daripada puluhan ribu pulau yang dipisahkan oleh laut yang luas yang menyulitkan perhubungan, lebih-lebih lagi pada zaman pra-modern. Selain itu, sejarah penjajahan yang lama sejak awal abad ke-16 hingga pertengahan abad ke-20 menjadi faktor penghalang terpenting. Oleh sebab faktor penjajahan, demografi rantau ini juga turut berubah dengan ketara dengan kedatangan para migran khususnya dari China dan India yang turut mencorakkan sejarah perkembangan politik negara-bangsa.

Akan tetapi, sekalipun negara kesatuan Melayu tidak dapat berdiri pada zaman moden, kita perlu akui bahawa terdapat beberapa usaha penyatuan Nusantara seperti terbukti dalam sejarah. Usaha penyatuan ini telah dilakukan sekurang-kurangnya pada zaman empat buah kerajaan Melayu yang besar dan masyhur dalam sejarah, iaitu Kerajaan Funan yang berpusat di Kemboja mulai awal abad Masihi hingga abad ke-7 Masihi. Selepas itu terdapat Kerajaan Sriwijaya (600-1294) yang berpusat di Palembang dengan penguasaannya meliputi Sumatera, sebahagian daripada Pulau Jawa, Semenanjung Tanah Melayu sehingga ke beberapa bahagian di Segenting Kra. Kerajaan Sriwijaya digantikan oleh Kerajaan Majapahit (1293-1400) yang berpusat di Jawa dan mempunyai kekuasaan meliputi Pulau Jawa, Sumatera, serta sebahagian daripada Kalimantan dan Semenanjung Tanah Melayu. Kerajaan Melaka (1400-1511) ialah kerajaan tua Melayu yang besar dan terakhir dengan kedudukannya yang strategik di Selat Melaka dan kekuasaannya pula meliputi Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Bentan dan Lingga di selatan semenanjung serta Rokan, Siak, Inderagiri dan Jambi di Sumatera. Dalam zaman pelbagai kerajaan Melayu ini, usaha penyatuan terpenting dan mempunyai

kesan menjangkau jauh berlaku khususnya pada zaman Majapahit semasa Patih Gajah Mada menjadi Perdana Menterinya dari tahun 1334 hingga 1364. Dalam 'Sumpah Palapa' (atau Sumpah Gagasan Nusantara) yang dilafazkan pada tahun 1336, Gajah Mada berikrar: "Jika telah menundukkan Nusantara, saya baru akan berisytirehat. Jika Gurun, Seram, Tanjung Pura, Haru, Pahang, Dempo, Bali, Sunda, Palembang, Tamasik telah tunduk saya baru akan berisytirehat" (*Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* 1999 Jilid 3: 1643-46). Pada zaman Kerajaan Melaka pula, tokoh pemersatu terpenting ialah Bendahara Tun Perak yang berkhidmat di bawah empat orang sultan selama kira-kira 50 tahun sehingga ke akhir abad ke-15. Beliau telah berusaha menyatukan sebahagian daripada wilayah alam Melayu di sebelah menyebelah Selat Melaka.

Oleh yang demikian, ketika penjajah menakluki pelbagai wilayah alam Melayu bermula dengan penjajahan ke atas Melaka pada 1511, negara dan peradaban Melayu sudah lama terbentuk dan berkembang serta terkenal di merata dunia Timur dan Barat. Akan tetapi, perjalanan sejarah tidak sentiasa lurus. Penjajahan yang lama di alam Melayu telah mengubah perkembangan trajektori sejarah rantau ini, menyebabkan negara Melayu kehilangan kemerdekaan dan kuasa untuk berkembang menurut kemahuan mereka sendiri manakala asas-asas penyatuan yang sudah terbentuk pada zaman pra-penjajahan telah dicerai-beraikan. Misalnya, di Tanah Melayu penjajahan Barat telah bertapak selama 450 tahun lebih bermula dengan penjajah Portugis pada 1511 hingga 1641, diikuti oleh Belanda dari 1641 hingga 1824, dan penjajah Inggeris mulai 1786 hingga 1957 (pentadbiran penjajahan Inggeris terputus selama tiga tahun lapan bulan iaitu antara Disember 1951 hingga Ogos 1945 semasa Jepun menduduki Tanah Melayu). Di Indonesia pula, pengaruh penjajah Belanda bermula pada 1596 apabila angkatan kapal pimpinan de Houtman muncul di Banten, Jawa Barat. Pengaruh Belanda menjadi lebih mendalam apabila pada 1605, mereka bertapak di Ambon, dan pada 1619, mereka mendirikan kota Batavia (Rickers 1993). Sejak itu, Belanda meneruskan penjajahannya ke atas Indonesia selama kira-kira 350 tahun lebih sehingga 1945. Sementara itu, Filipina pula mengalami penjajahan Sepanyol, yang kemudian digantikan oleh Amerika Syarikat. Ahli pelayaran Magellan telah tiba di Filipina pada 6 September 1522, dan pada 1529, Perjanjian Zaragoza antara Sepanyol dan Portugis ditandatangani untuk menentukan pembahagian pengaruh di antara dua kuasa penjajah ini dan mengakibatkan Filipina berada secara langsung di bawah penjajahan Sepanyol. Pada

1565, angkatan Sepanyol tiba di Cebu dan memaksakan perjanjian berat sebelah ke atas Raja Tupas, akhirnya petempatan Sepanyol yang pertama didirikan di Filipina. Walaupun Filipina mendirikan republik dan mengisytiharkan kemerdekaannya daripada Sepanyol pada 1898, akan tetapi, pada 1899, Amerika Syarikat pula menguasai Filipina sehinggalah selepas Perang Dunia Kedua apabila Filipina mengisytiharkan kemerdekaannya bagi kali kedua pada 1945 (Agoncillo & Guerrero 1977).

Perlu dinyatakan bahawa pelbagai kuasa penjajah tersebut meninggalkan kesan yang mendalam ke atas alam Melayu dan mencetuskan kesedaran bangsa yang tidak seragam di rantau alam Melayu. Alam Melayu dipecah secara umumnya menjadi tiga entiti politik yang besar yang akhirnya menjadi Indonesia, Filipina dan Malaysia. Walaupun ketiga-tiga negara ini mempunyai bangsa Melayu sebagai bangsa utamanya, dengan sejarah yang lama di sini, akan tetapi, tidak ada satupun negara-bangsa Melayu yang muncul di rantau ini. Sebaliknya, negara-negara moden yang disebut tadi menggunakan nama yang diberikan penjajah, bukannya nama Melayu. Negara itu juga tidak menurut sempadan bangsa yang berkembang dalam sejarah tersebut. Sebagai contoh, Indonesia ialah gabungan dua perkataan Greek 'Indo' dan 'Nesos' yang bermaksud 'Pulau-pulau Hindi' dan wilayahnya ditentukan mengikut garis sempadan berdasarkan Perjanjian Inggeris-Belanda pada 1824. Filipina pula mendapat namanya daripada nama ratu Sepanyol (Phillipe) dan wilayah Filipina ditentukan mengikut perjanjian antara kuasa-kuasa penjajah Barat, yang bermula dengan Perjanjian Zaragoza pada 1529. Tanah Melayu pula dinamai 'British Malaya' pada mulanya oleh Inggeris dan hanya mendapat nama 'Federation of Malaya' atau 'Persekutuan Tanah Melayu' pada 1948. Sungguhpun nama 'Malaysia' tidak begitu jelas asal usulnya, tetapi ia juga bukan nama yang diberikan oleh bangsa Melayu sendiri kepada wilayah yang pada hari ini membentuk negara moden Malaysia melalui Perjanjian Malaysia pada 1963.

Kuasa-kuasa penjajah tadi meninggalkan kesan yang tidak seragam ke atas alam Melayu. Di Tanah Melayu, walaupun Inggeris melucutkan kuasa sultan tetapi sistem kesultanan dikekalkan dan para sultan diberi kuasa atas urusan agama Islam. Akan tetapi, cara Inggeris melaksanakan pentadbirannya di Tanah Melayu, iaitu dengan membahagikannya kepada tiga unit pentadbiran yang berlainan — Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, dan akhirnya ketiga-tiga unit itu digabungkan di dalam Persekutuan Tanah Melayu pada 1948 — mempunyai kesan tertentu yang melambatkan

pertumbuhan kesedaran nasional dan pembinaan negara-bangsa. Pengaruh bahasa dan kebudayaan Inggeris amat mendalam di Malaysia, terutamanya di kalangan elit berpendidikan Inggeris, sungguhpun bahasa Melayu, khususnya bahasa Melayu Johor-Riau, menjadi *lingua franca*. Berlainan dengan dasar Inggeris, Belanda di Indonesia menggunakan cara yang lebih keras, menghapuskan institusi kesultanan dan mewujudkan kesatuan negara kepulauan. Walaupun pengaruh bahasa Belanda memang mendalam, tetapi bahasa Melayu dapat berkembang dan diterima menjadi bahasa penyatuan Indonesia dalam Sumpah Pemuda 1928 dan bahasa ini berjaya membina bangsa Indonesia. Di Filipina, penjajah Sepanyol juga menghapuskan sistem kesultanan di sana, mengenakan pengaruh bahasa Sepanyol dan agama Kristian (kebanyakan Katolik), kecuali di Filipina Selatan. Apabila Amerika Syarikat pula menjajah Filipina, bermulalah proses Amerikanisasi sejak akhir tahun 1890-an dan bahasa Inggeris Amerika dan budaya Amerika mempunyai pengaruh yang kuat di sana.

Kesemua ini menunjukkan bahawa proses berdirinya negara moden dan pembinaan negara-bangsa yang baru di Asia Tenggara, khususnya di Indonesia, Filipina dan Malaysia, amat dipengaruhi oleh pengalaman penjajahan tersebut.

Perjuangan Melawan Penjajahan dan Perkembangan Nasion

Dari segi teori, bangsa atau nasion ialah suatu komuniti yang diimajinasikan (Anderson 1986) tetapi ia harus mempunyai asas-asas objektif tertentu. Menurut Anderson, nasion lahir dengan kelahiran kapitalisme, khususnya *print capitalism* atau kapitalisme cetak yang membolehkan berkembangnya kesedaran subjektif yang menimbulkan perasaan kekitaan dan kesamaan nasib bagi anggota nasion berkenaan. Nasion sebagai satu kelompok manusia yang terbentuk dalam sejarah, yang dipertautkan melalui perkongsian wilayah bersama, ekonomi bersama, bahasa dan psikologi bersama boleh terbentuk dengan wujudnya kesedaran subjektif sedemikian. Nasion tidak sama dengan 'masyarakat' yang merupakan satu kelompok manusia yang terbentuk melalui interaksi ekonomi, sosial dan budaya, tetapi tidak semestinya mempunyai keterikatan politik tertentu. Nasion juga tidak sama dengan 'negara' yang merupakan satu kompleks kekuasaan yang mempunyai kuatkuasa ke atas penduduk dan wilayah tertentu dan ia berhak menggunakan kekerasan ke atas penduduknya.

Namun, dalam nasion mesti ada masyarakat dan nasion boleh berkembang dengan mengaitkan nasibnya dengan negara.

Memang terdapat perbezaan dalam perkembangan negara-bangsa atau *nation-state* di Eropah Barat dan di Asia Tenggara. Bahkan di kalangan pelbagai negara Asia Tenggara itu sendiri, terdapat perbezaan yang ketara di antara satu dengan yang lain. Di Eropah Barat, nasion lahir terlebih dahulu dalam perjuangan melawan kekuasaan feodal dan proses pembentukan sistem ekonomi kapitalis dan pasaran kapitalis. Apabila golongan kapitalis berkuasa, mereka membentuk negara moden (kapitalis), dan negara tersebut berdiri mengikut sempadan bangsa di wilayah berkenaan, dengan demikian, lahirlah *nation-state*. Sebagai contoh, nasion Inggeris terbentuk lebih awal sebelum lahirnya negara Inggeris (England) yang moden; begitu juga nasion Jerman dan nasion Perancis. Kesemua nasion ini muncul pada zaman perkembangan Revolusi Industri dan masyarakat industri serta perkembangan modenisme, dan oleh sebab itu, nasionalisme Eropah masa itu dikaitkan dengan kebangkitan kapitalisme dan kepentingan bangsa-bangsa moden tersebut.

Sejarah telah menunjukkan bahawa kapitalisme Eropah kemudian berkembang menjadi imperialisme yang melaksanakan dasar penjajahan atau kolonialisme ke atas benua-benua bukan Eropah, termasuk Asia. Dalam rangka inilah negara-negara di Asia termasuk di Asia Tenggara dan Alam Melayu satu demi satu jatuh ke tangan penjajah.

Walaupun negara-bangsa dan nasionalisme lahir terlebih dahulu di Eropah, ia bukannya fenomena Eropah semata-mata tetapi sesuatu yang universal. Kita boleh memahami masalah ini dengan mengambil kira tahap perkembangan sejarah yang berbeza-beza di antara Eropah dengan Asia Tenggara. Apabila penjajahan Barat bertapak dengan kukuh di Asia Tenggara, pelbagai negara dan masyarakat rantau ini masih berada pada tahap feodal ataupun pra-kapitalis. Sama seperti di Eropah di mana konsep nasion dan *nation-state* tidak wujud pada zaman feodal, begitu juga di Asia Tenggara, konsep ini belum lagi dan tidak mungkin muncul pada zaman itu. Pada zaman feodal, rakyat adalah pengikut raja dan mereka dikehendaki setia kepada raja. Sebagai contoh, dalam *Sejarah Melayu*, ditegaskan konsep waad yang dimaterikan di antara Sang Sapurba (Raja) dengan Demang Lebar Daun yang mewakili pembesar dan rakyat (lihat perbincangan dalam Bab 4). Apabila raja berpindah dan membuka negeri baru, rakyat akan berpindah mengikut baginda. Sebagai pengikut raja, rakyat tidak berupaya mempunyai kesedaran untuk membentuk nasion

sekalipun terdapat asas kesamaan keturunan dan ciri-ciri lain, oleh sebab *weltanचाung* atau pandangan dunia mereka dibatasi oleh ideologi kesetiaan tersebut. Setelah negara feudal dirobohkan ataupun menjadi lemah dan merosot, unsur-unsur pemodenan mula tersebar serta lahirnya golongan inteligensia, barulah terdapat bibit-bibit nasionalisme dan cita-cita pembentukan nasion. Pendek kata, nasionalisme, nasion dan *nation-state* ialah fenomena baru yang lahir pada zaman moden.

Berbeza dengan di Eropah di mana nasionalisme, nasion dan negara-bangsa lahir dengan kelahiran kapitalisme dan dalam perjuangan melawan feudalisme, di Asia Tenggara, nasion lahir daripada perjuangan melawan penjajahan, dan dalam perjuangan itu, ada segolongan raja dan bangsawan turut ikut serta. Pelbagai bentuk perlawanan awal telah meletus sejak kuasa penjajah bertapak di pelbagai wilayah alam Melayu. Di Tanah Melayu, terdapat perjuangan peringkat awal termasuk perang untuk menghalau penjajah, misalnya, Perang Hang Nadim di Melaka (1520-an), Perang Dol Said di Naning (1831), Perang Maharaja Lela di Perak (1875) dan Perang Bahaman di Pahang (1891-95). Di Indonesia terdapat pemberontakan dan perjuangan-perjuangan lain melawan Belanda. Di Filipina pula terdapat pemberontakan bersenjata yang awal di pelbagai tempat yang dipimpin oleh pembesar-pembesar tempatan dan pemimpin-pemimpin agama seperti pemberontakan Lakan Dula dan Sulayman (1574), Tamblot (1621-22) dan Bankaw (1621 atau 1622) (Agoncillo & Guerrero 1977: 118). Namun perlu dijelaskan bahawa perjuangan-perjuangan awal ini masih bersifat reaktif, yakni membela tanah air dan menyingkir penjajah, dan belum lagi bersifat perjuangan nasional yang didorong oleh semangat nasionalisme bagi pembentukan nasion atau bangsa yang bebas dan merdeka.

Perkembangan nasionalisme dan idea nasion di rantau alam Melayu tercetus dan berkembang setelah wujudnya kesedaran subjektif akan ciri-ciri bersama dan nasib bersama di kalangan anggota bangsa berkenaan, dan kesedaran tentang perlunya menghalau penjajah dan mendirikan negara baru yang berdaulat. Di antara ketiga-tiga unit politik di alam Melayu, nasionalisme dan idea nasion berkembang paling awal di Filipina mulai suku akhir abad ke-19 dengan perkembangan gerakan anjuran Jose Rizal, disusuli oleh perkembangan di Indonesia dan kemudian Tanah Melayu. Namun, ketiga-tiga perjuangan nasionalisme dan idea nasion ini berkembang menurut ciri-ciri khusus di tempat masing-masing sekalipun terdapat usaha ke arah penyatuan Nusantara melalui gagasan Melayu Raya dan kemudian Malphilindo.

Gagasan Melayu Raya dan Malphilindo: Bangsa Cita dan Negara-bangsa dalam Politik Nyata

Rantau Nusantara menunjukkan terdapat kesenjangan yang ketara di antara *nation of intent* (bangsa cita, atau bangsa idaman) dengan nasion yang lahir dalam dunia politik sebenar. Yang dimaksudkan dengan bangsa cita ialah konsep bangsa yang diidamkan oleh para pejuang nasionalis menurut visi sejarah, semangat dan ideologi perjuangan mereka dan yang mereka mahu lahirkan dalam dunia politik nyata. Akan tetapi, nasion yang lahir dalam realiti politik harus menurut keadaan khusus sejarah, demografi, keadaan ekonomi, geografi dan cita-cita perjuangan yang berubah. Walaupun terdapat nasion yang lahir di Nusantara mengikut gagasan yang dirancangkan (contoh: kelahiran bangsa Indonesia yang sudah dimaktubkan dalam Sumpah Pemuda pada 1928), tetapi tidak sedikit nasion yang dicita-citakan itu hanya tinggal bangsa cita sahaja serta tidak dapat lahir dan berkembang seperti yang dirancangkan.

Salah satu gagasan bangsa yang paling penting dan berpengaruh dalam sejarah Nusantara ialah gagasan Melayu Raya yang kemudian dihidupkan semula dengan nama Malphilindo (akronim Malaysia-Philippines-Indonesia). Gagasan bangsa ini ialah satu contoh bangsa cita yang mempunyai asas dalam sejarah dan budaya Nusantara, tetapi tidak dapat lahir dan berkembang menjadi negara-bangsa dalam kehidupan politik sebenar. Gagasan Melayu Raya memang berasaskan konsep Melayu sebagai kelompok penutur bahasa serumpun Melayu-Polinesia yang diterangkan dalam bahagian awal bab ini. Gagasan ini diungkapkan pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 oleh para nasionalis awal Nusantara. Konsep ini berkembang di tiga wilayah alam Melayu yang penting, khususnya Filipina, Tanah Melayu dan Indonesia. Walau bagaimanapun, di Filipina konsep Melayu berkembang dengan lebih meluas, sedangkan di Indonesia, konsep Indonesia menjadi lebih popular. (Untuk keterangan lebih lanjut, lihat Ismail Hussein 1990).

Perlu ditegaskan di sini bahawa walaupun nama yang digunakan adalah berlainan seperti 'Malaysia Irrendenta' di Filipina, 'Indonesia Raya' di Indonesia dan 'Melayu Raya' di Malaysia, kesemuanya mempunyai satu maksud, iaitu gagasan bagi pembentukan kelompok-kelompok dalam rumpun Melayu menjadi sebuah negara-bangsa besar di Nusantara. Gagasan 'Malphilindo' yang diajukan oleh Diosado Macapagal pada awal 1960-an dalam usaha beliau mengatasi konfrontasi Indonesia-Malaysia ketika itu juga mempunyai maksud yang sama, iaitu menghidupkan kembali

cita-cita pembentukan nasion Melayu yang digagaskan pada awal abad ke-20. Beberapa tokoh penting dalam perjuangan mewujudkan Melayu Raya boleh disebutkan di sini, seperti Jose Rizal, Apolinario Mabini, Wanceslao Q. Vinzons dan Diosado Macapagal di Filipina, Muhamad Yamin, Soekarno dan Hatta di Indonesia, serta Ibrahim Yaacob, Dr. Burhanuddin Al-Helmi, Mustapha Hussein dan Ahmad Boestamam di Tanah Melayu atau Malaya (Roff 1994; Rustam A. Sani 1975).

Jose Rizal yang diberi gelaran patriot dan 'tokoh kebanggaan bangsa Melayu' (Sarkisyanz 1996) mempunyai pandangan yang luas tentang perjuangan Melayu. Beliau mengkonsepsikannya bukan semata-mata dari sudut budaya tetapi juga politik. Dalam pengertian Rizal, 'Melayu' merujuk kepada bangsa besar serumpun di Nusantara dan dalam perjuangannya melawan Sepanyol, beliau mengutarakan pembebasan bangsa dalam rumpun Melayu dengan bermula di Filipina, dan kemudiannya diperluaskan untuk meliputi seluruh penduduk di Borneo, Indonesia dan Malaya. Perjuangan beliau mendapat sokongan rakyat tetapi amat ditakuti oleh penjajah Sepanyol yang akhirnya menangkap dan membunuh beliau pada 30 Disember 1896 dalam usia muda 35 tahun. Pengikut Rizal, iaitu Apolinario Mabini, juga seorang tokoh Revolusi Filipina, yang sejak 1898 lagi telah mencetuskan gagasan pembentukan Persekutuan Negara-Negara Melayu seperti yang diilhamkan oleh Rizal. Beliau juga sentiasa mengingatkan bahawa masyarakat Filipina tergolong dalam kelompok bangsa yang lebih besar, yakni kelompok bangsa Melayu. Pada abad ke-20, pejuang gagasan Melayu Raya di Filipina yang penting ialah Wanceslao Q. Vinzons (1910-1942) yang menubuhkan Kesatuan Filipina Muda yang bertujuan membebaskan negara-negara Melayu daripada cengkaman penjajahan dan merencanakan penubuhan persekutuan besar negara-negara Melayu yang merdeka. Vinzons menganggap kelemahan yang dialami kuasa penjajah dalam Perang Dunia Kedua akan memberikan peluang yang paling sesuai bagi melancarkan perlawanan untuk mendirikan Melayu Raya. Beliau mengimpikan, "... satu Negara Melayu yang penuh kesedaran akan bangun dan bergerak maju dengan bangsa-bangsa lain di dunia sehingga akhir zaman" (Ismail Hussein 1990: 26). Walau bagaimanapun, gagasan ini terbentuk akibat perkembangan realiti politik, iaitu cengkaman kuat kolonialisme Amerika Syarikat dan pendudukan Jepun yang telah membatasi perjuangan itu. Akhirnya yang lahir selepas Perang Dunia Kedua ialah negara Filipina dan bangsa Filipina pada 1945, bukannya Melayu Raya. Sekalipun Gagasan Melayu Raya ini dihidupkan semula oleh Diosado Macapagal pada 1963 ketika konfrontasi

Indonesia-Malaysia dengan menganjurkan gagasan Malphilindo, ia tidak mendapat sambutan dan akhirnya gagasan ini juga berkecai.

Di Indonesia pula, dalam abad ke-20, sungguhpun istilah 'Indonesia' menjadi unggul, ini tidak bererti cita-cita Melayu Raya tidak berkembang. Muhammad Yamin (1903-1962) memperjuangkan dalam Kongres Pemuda pertama pada 1926 supaya digunakan nama 'bahasa Melayu' sebagai bahasa pemersatu di Indonesia, tetapi nama itu ditolak dalam Kongres Pemuda kedua pada 1928 (dalam Sumpah Pemuda) yang menggunakan istilah 'Bahasa Indonesia'. (Walaupun namanya berbeza, tetapi bahasanya ialah bahasa Melayu). Gagasan Melayu Raya atau Indonesia Raya (yang bermaksud kesatuan Dunia Melayu) menjelma lagi dengan lebih hebat apabila para pejuang Indonesia membahaskan Perlembagaan Indonesia Merdeka pada 1945. Muhammad Yamin menganjurkan supaya Indonesia Raya merangkumi Indonesia dan juga Tanah Melayu dan supaya kemerdekaan Indonesia dan Tanah Melayu diisytiharkan secara serentak. Walaupun cadangan ini mendapat sokongan, disebabkan pelbagai faktor, khususnya kekalahan Jepun yang lebih awal, cadangan ini digugurkan pada saat akhir. Soekarno terus mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945 tanpa Tanah Melayu. Proklamasi kemerdekaan itu dengan bangganya menegaskan kata-kata: "Kami bangsa Indonesia dengan ini menyatakan kemerdekaan Indonesia" manakala dalam perlembagaan Indonesia, iaitu Undang-Undang Dasar 1945, dimaktubkan konsep bangsa Indonesia apabila ia menjadikan 'membentuk suatu pemerintahan negara Indonesia yang melindungi segenap bangsa Indonesia' sebagai matlamatnya. Dengan demikian, konsep 'bangsa Indonesia' menjadi mantap dan dilembagakan serta diidentifikasi dengan 'negara Indonesia'. Semenjak itu, gagasan Melayu Raya secara politik di Indonesia boleh dianggap tidak lagi menjadi isu perjuangan yang penting.

Di Malaysia (ketika itu Tanah Melayu), gagasan Melayu Raya menjadi bangsa cita bagi sejumlah tokoh nasionalis Melayu, khususnya Ibrahim Yaacob, Dr. Burhanuddin Al-Helmi, Mustapha Hussein, dan lain-lain. Pejuang terpenting Melayu Raya ialah Ibrahim Yaacob. Beliau menerima pengaruh daripada perjuangan di Indonesia sejak menuntut di Sultan Idris Training College (SITC) antara 1928 hingga 1931 di mana para guru dan bahan-bahan penerbitan dari Indonesia memberi pengaruh yang mendalam ke atasnya. Ibrahim mengkritik 'nasionalisme sempit' golongan feodal dan bangsawan dan menganggapnya sebagai penghalang bagi pembentukan negara-bangsa Melayu. Beliau dan rakan-raka

seperjuangannya menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada 1937 yang menganut konsep nasionalisme yang lebih luas dan cuba mengatasi fahaman kenegerian, menegaskan perjuangan anti-kolonial dan menganjurkan gagasan Melayu Raya atau Indonesia Raya (Ibrahim Yaacob 1951). Beliau meneruskan perjuangan konsep ini semasa pendudukan Jepun dan bahkan bekerjasama dengan Jepun untuk kemerdekaan Malaya bersama Indonesia (Ramlah Adam 1999: 54). Tindakan Jepun meletakkan Malaya di bawah pentadbiran yang sama dengan Sumatera menguatkan lagi cita-cita nasionalis Melayu untuk pembentukan Melayu Raya atau Indonesia Raya tersebut.

Pada Mac 1945, Jepun yang menyokong kemerdekaan Indonesia telah mengisytiharkan penubuhan Badan Penyelidik Usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia (BPKI). Badan ini menerima cadangan Muhammad Yamin yang mendapat sokongan oleh Soekarno supaya ditubuhkan sebuah Indonesia merdeka yang terdiri daripada Indonesia, Malaya dan Borneo (Sarawak, Brunei dan Borneo Utara). BPKI juga mengakui menerima perutusan daripada Ibrahim Yaacob pada 1945 yang Malaya hendaklah dimasukkan ke dalam Indonesia, dengan demikian, Soekarno mengumumkan bahawa rakyat Malaya menganggap diri mereka sebahagian daripada bangsa Indonesia dan mahu bersatu dengan Indonesia. Pada 12-13 Ogos 1945, delegasi Indonesia berada di Taiping, Perak menemui Ibrahim dan lain-lain dan berjanji akan mengisytiharkan kemerdekaan Malaya bersama-sama dengan Indonesia. Akan tetapi, apabila Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan pada 17 Ogos 1945, Malaya tidak dimasukkan. Menurut Soekarno, memandangkan Jepun sudah kalah dalam Perang Dunia Kedua, Indonesia tidak mendapat sokongannya lagi, dan ia tidak mampu melawan Belanda dan Inggeris serentak (Soda 1988).

Selepas Perang Dunia Kedua, walaupun gagasan Melayu Raya diteruskan lagi di Malaya, ia telah mengalami perubahan penting. Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang ditubuhkan pada Oktober 1945 memperjuangkan Melayu Raya dengan meluluskan dua usul di kongres penubuhannya berkaitan dengan Melayu Raya, iaitu (1) Malaya menjadi sebahagian daripada Indonesia Raya, dan (2) Sang Saka Merah Putih (iaitu warna bendera Indonesia) diterima sebagai bendera lambang nasional Malaya merdeka. Selain itu, dalam Perlembagaan PKMM ditegaskan Malaya hendaklah dimasukkan ke dalam Indonesia. Walau bagaimanapun, disebabkan keadaan yang sudah berubah selepas itu, gagasan ini semakin mengalami perubahan supaya sesuai dengan

perjuangan politik semasa di Malaya sendiri. Dengan demikian, apabila PKMM membentuk gabungan PUTERA-AMCJA (singkatan bagi Pusat Tenaga Rakyat dan All-Malaya Council for Joint Action) pada 1946, ia mengemukakan Perlembagaan Rakyat, dan di dalamnya konsep nasion yang dianjurkan ialah 'bangsa Melayu' yang terdiri daripada semua kaum yang mengaku Tanah Melayu sebagai tanah airnya dan menumpahkan taat setia kepadanya (Cheah Boon Kheng 1984: 85-90). Dengan pengisytiharan Darurat pada Jun 1948 dan tindakan Inggeris menghancurkan gabungan PUTERA-AMCJA dan pergerakan anti-kolonial lain, konsep Melayu Raya dan juga konsep bangsa Melayu sebagai nasion turut dimusnahkan. Akan tetapi, gagasan ini mendapat perhatian hangat semula pada awal 1960-an apabila Perdana Menteri Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman mengumumkan gagasan penubuhan Malaysia yang terdiri daripada Malaya, Singapura, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah). Bekas pemimpin PKMM, khususnya Dr. Burhanuddin al-Helmi yang pada ketika itu adalah pemimpin Parti Islam Se-Malaya (PAS) dan Ahmad Boestamam, pemimpin Parti Rakyat Malaya (PRM) (kedua-duanya juga ialah Ahli Parlimen Persekutuan Tanah Melayu ketika itu) mengecam idea penubuhan Malaysia sebagai berbau muslihat penjajah. Namun, sebagai langkah menolak gagasan itu, mereka mengusulkan supaya konsep Malaysia diperluaskan untuk merangkumi konsep Melayu Raya seperti yang mereka perjuangkan sebelum ini. Di Parlimen pada Mei 1961 ketika membahas usul penubuhan Malaysia, Dr Burhanuddin mengemukakan pindaan kepada usul Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan mencadangkan supaya Malaysia dinamai 'Melayu Raya' dan haruslah merangkumi juga Indonesia dan Filipina, bukannya terbatas kepada sebelas negeri di Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Sabah sahaja. Beliau mengingatkan kembali tentang sejarah Gugusan Pulau-pulau Melayu atau Nusantara serta gerakan penyatuan bangsa Melayu yang dipelopori oleh Jose Rizal pada akhir abad ke-19. Apabila gagasan Malphilindo dikemukakan kemudian oleh Macapagal Burhanuddin dan rakan-rakan beliau mendukung konsep itu. Walau bagaimanapun, baik gagasan Melayu Raya anjuran Dr. Burhanuddin dan lain-lain mahupun gagasan Malphilindo, kedua-duanya tidak menjadi kenyataan.

'Melayu' Hari Ini dan Masa Depan

Dalam perbincangan di atas, kita telah menghuraikan bagaimana konsep Melayu telah menjadi teras kesedaran dalam perjuangan politik rumpun bangsa Melayu di Nusantara dan tentang gerakan mendirikan negara-bangsa Melayu bernama Melayu Raya ataupun Indonesia Raya. Kita juga telah menunjukkan liku-liku perjuangan tersebut dan bagaimana ia akhirnya gagal, dan bagaimana negara-negara yang berasingan telah berdiri di Nusantara. Dalam bahagian akhir ini, kita akan membincangkan secara ringkas konsep Melayu seperti dimengerti pada hari ini dan kemungkinan perkembangannya pada masa hadapan.

Di Malaysia pada hari ini, Melayu bukan lagi konsep bangsa cita ataupun negara-bangsa seperti dalam sejarah. Seperti dihuraikan dalam Bab 1 dan 2, dari segi politik, kelompok Melayu ialah salah satu kelompok yang menjadi pentakrif bangsa Malaysia. Pada hari ini dan bagi masa hadapan, orang Melayu Malaysia dari segi negara-bangsa mempunyai nasib yang diperkongsikan bersama dengan kaum-kaum lain — Cina, India, Iban, Kadazan, dan lain-lain — bagi membina bangsa Malaysia. Mereka tidak memperkongsikan nasib politik yang sama dengan keturunan rumpun Melayu di Indonesia, Filipina, Brunei, Singapura dan sebagainya. Hanya dari segi sejarah, budaya dan juga agama, orang Melayu Malaysia mempunyai pertalian dengan saudara mara serumpun mereka di negara-negara berkenaan. Dengan kata lain, konsep Melayu dari segi politik pada hari ini ialah satu konsep yang khusus, yang harus dilihat dalam konteks kenegaraan tertentu manakala dari segi budaya, ia mempunyai dimensi yang lebih luas merangkumi kelompok rumpun Melayu di Asia Tenggara dan tempat-tempat lain.

Dalam dekad kebelakangan ini, terdapat dua perkembangan penting yang perlu dibincangkan berhubung dengan masa depan Melayu dalam konteks negara-bangsa dan juga dari segi pertalian budaya. Di satu pihak, seperti dapat kita saksikan pada hari ini, proses regionalisasi sedang berlaku dengan pesat di merata tempat di dunia sebagai tindak balas kepada proses globalisasi dan proses ini menyebabkan pelbagai negara terpaksa mengatur semula kedudukan mereka. Sebagai contoh, di Eropah, sekalipun pelbagai negara di sana sudah lama mencapai tahap negara maju, akan tetapi mereka kemudian telah bergabung membentuk Kesatuan Eropah, satu kesatuan ekonomi yang kuat dengan mata wang bersama (*euro*) yang berupaya menandingi dolar Amerika Syarikat. Di Asia Tenggara, proses regionalisasi juga sudah dan sedang berlangsung yang

terjelma dalam bentuk ASEAN bagi tujuan kerjasama serantau secara politik, ekonomi, budaya, pendidikan dan sebagainya untuk menghadapi era globalisasi. Berlainan dengan Kesatuan Eropah, ASEAN tidak mengusahakan penyatuan ekonomi dan mata wang, tetapi lebih tertumpu kepada usaha kerjasama khususnya dari segi ekonomi untuk menghadapi era globalisasi. Sungguhpun sebahagian daripada negara anggota ASEAN itu pada asasnya ialah negara Melayu, tetapi kerjasama di antara negara-negara berkenaan tidak bertolak daripada cita-cita serumpun. Sebaliknya ia bertolak daripada kepentingan bersama pelbagai negara anggota organisasi berkenaan dan kepentingan sebagai satu rantau bagi menghadapi kuasa-kuasa luar.

Satu soalan yang timbul ialah, apakah negara-negara seperti Malaysia, Filipina, Indonesia dan juga Brunei akan berusaha bergabung atas asas mereka berasal daripada rumpun Melayu? Soalan ini bukan semata-mata soalan akademik, tetapi juga soalan *realpolitik*. Walaupun kita bukan ahli nujum untuk membuat ramalan, kita boleh mencuba memberi jawapan berdasarkan tren perkembangan selama ini. Seperti dapat kita lihat pada masa ini, tanda-tanda menunjukkan bahawa negara-negara ini lebih cenderung bekerjasama dengan negara-negara jiran atas kepentingan serantau yang mengatasi kepentingan serumpun. Ada pihak bahkan menganggap mengendalikan hubungan antara jiran atas asas serumpun kadang-kadang lebih banyak menimbulkan masalah daripada menyelesaikannya. Oleh yang demikian, apa yang mungkin akan berlaku ialah pengembangan kerjasama serantau dalam kerangka ASEAN akan diteruskan, bukannya penyatuan atas asas mempunyai sejarah serumpun.

Di pihak lain, kita dapat saksikan bahawa idea serumpun ini tidak lenyap baik di kalangan rumpun bangsa Melayu mahupun rumpun bangsa-bangsa lain. Sebaliknya, idea ini terus berkembang untuk tujuan menguatkan perkembangan ekonomi global yang memanfaatkan jaringan budaya bangsa serumpun. Ada pengkaji menganggap pada hari ini timbul satu kesedaran baru di kalangan bangsa-bangsa besar yang anggotanya, melalui proses diaspora, kini terdapat bertaburan di serata dunia (misalnya, bangsa Inggeris, Yahudi, China, Jepun, dan India) dan mereka mempunyai kekuatan ekonomi tertentu yang mengatasi negara-bangsa. Joel Kotkin (1992) menggelar kelompok-kelompok bangsa besar seperti ini sebagai *global tribes* atau kabilah dunia yang diikat oleh idea bangsa serumpun tersebut. Kotkin menganggap dalam dunia hari ini, muncul satu jenis *tribalism* atau fahaman kabilah yang baru, yang dibentuk oleh kelompok etnik yang bertaburan secara global. Kelompok-kelompok ini, menurutnya,

tidak terbelenggu oleh pandangan setempat yang sempit, tetapi didorong oleh pandangan dan aktiviti yang luas dan kosmopolitan sifatnya. Sama seperti golongan penganjur globalisasi, beliau menganggap bahawa di bawah dampak kuasa ekonomi global kini, sempadan negara-bangsa dan serantau menjadi semakin lemah dan kurang penting, dengan demikian, kabilah global yang mempunyai jaringan bisnes dan budaya yang luas di serata dunia ini akan berperanan menentukan nasib masa depan ekonomi umat manusia. Bahkan mengikut Kotkin (1992: 4, 257) ekonomi global semakin mengambil kira kekuatan jaringan 'tradisional' kabilah dunia tadi.

Di Malaysia, idea Kotkin mendapat sambutan di kalangan beberapa pihak yang turut menganjurkan supaya bangsa Melayu juga menjadi kabilah dunia dengan memanfaatkan jaringan yang wujud di Dunia Melayu. Salah seorang penganjur gagasan ini ialah Wan Hashim Wan Teh (1996: 39) yang meramalkan bahawa selaras dengan matlamat negara untuk mencapai Wawasan 2020 dan dengan meningkatkan jaringan rangkaian kerjasama antara rumpun Melayu yang tersebar di merata dunia, besar kemungkinannya ras atau rumpun Melayu akan muncul sebagai salah satu daripada kabilah dunia atau *global tribe* pada abad ke-21. Prasyarat yang perlu dipenuhi, menurut beliau, ialah membentuk "rangkaiannya kerjasama dalam bidang ekonomi dan budaya antara kelompok ini merentasi sempadan geografi dan politik" di samping kelompok ini perlu mempertahankan "jati diri ... memperkukuhkan semangat nasionalisme dan rasa kekitaan" manakala generasi baru pula "perlu menguasai pelbagai bidang ilmu baru dalam bidang sains dan teknologi." Gagasan ini secara langsung atau tidak langsung adalah tanggapan kepada peranan apa yang disebut *bamboo network* ataupun *Chinese Commonwealth*, yakni kewujudan kerjasama dan kesetiakawanan di kalangan ahli perniagaan China di seluruh dunia yang memanfaatkan jaringan etnik dan budaya mereka bagi tujuan mengembangkan kekuatan ekonomi mereka, khususnya dari segi modal dan pasaran. Selain itu, ia juga reaksi kepada proses globalisasi yang terjelma dalam bentuk peluasan syarikat-syarikat transnasional menerobosi lingkungan negara-bangsa di mana jua di dunia, di samping reaksi kepada aktiviti usahawan-usahawan Melayu Malaysia yang melebarkan aktiviti mereka (terutamanya dalam satu dekad kebelakangan ini sebelum kegawatan ekonomi 1997-98) di beberapa tempat di benua Asia, Afrika, Amerika Selatan dan tempat-tempat lain.

Perlu kita perhatikan bahawa walaupun gagasan 'Melayu sebagai kabilah dunia' ini tidak dikaitkan dengan negara-bangsa secara politik, tetapi ia mengandaikan sokongan politik negara-bangsa untuk

menjadikannya satu kenyataan. Hal ini berlainan dengan kabilah-kabilah lain seperti China dan Yahudi yang bergerak berdasarkan jaringan yang terbentuk lama dalam sejarah dan tanpa mendapat dukungan negara-bangsa mereka. Selain itu, negara asal kabilah-kabilah ini tidak mempunyai masyarakat yang ciri majmuknya begitu rumit seperti Malaysia. Jepun juga tidak begitu rencam dari segi etnik dan pembinaan negara-bangsanya telah lama selesai.

Ditinjau dalam konteks Malaysia, anjuran gagasan Melayu sebagai kabilah dunia perlu mengambil kira masalah tugas pembinaan negara-bangsa dalaman yang belum selesai. Oleh sebab kekuatan usahawan Melayu yang bergiat di pentas global di luar negara itu tidak terpisah daripada dukungan negara asal mereka, maka kekuatan negara-bangsa di Malaysia perlu terus diperkukuh dan pembinaan bangsa Malaysia dijayakan. Kekuatan usahawan Melayu tidak dapat dibina sekiranya kekuatan negara Malaysia, khususnya asas sosialnya, menjadi lemah, seperti yang berlaku di Indonesia semasa krisis ekonomi dan politik baru-baru ini. Salah satu tujahan penting dalam pembinaan bangsa Malaysia ialah apa yang disebut 'perkongsian bijak' di antara Melayu dan bukan Melayu, bukan sahaja dalam bidang politik tetapi juga dalam bidang keusahawanan dan kemasyarakatan. Oleh yang demikian, di samping memandang keluar untuk berkembang sebagai salah satu kabilah dunia dan membina jaringan Dunia Melayu, kekuatan dalaman perlu terus dibina dan dikembangkan. Selain itu, dalam era globalisasi kini, kekuatan usahawan Melayu juga tidak lagi boleh dikembangkan menurut paradigma lama tanpa para usahawan itu sendiri meningkatkan kualiti daya saing masing-masing. Dilema di antara hasrat untuk berkembang ke luar dengan tuntutan mengukuhkan asas pembinaan negara-bangsa dan bangsa Malaysia ini perlu ditangani dengan bijak oleh para pemimpin dan pelbagai pihak lain yang berkenaan seiring dengan Malaysia memasuki abad ke-21.

Nota

¹ Menurut Fasal 160 Perlembagaan Persekutuan 'Melayu' ertinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap Bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan-

- (a) lahir, sebelum Hari Merdeka, di Persekutuan atau di Singapura, atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan, atau di Singapura, atau pada hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau
- (b) ia adalah keturunan seseorang yang tersebut.

Negara-bangsa dan Persoalan Sastera Nasional

Pengenalan

Persoalan sastera nasional di Malaysia memang kompleks dan penuh kontroversi. Yang kita bicarakan bukannya sastera ataupun sastera nasional secara umum, tetapi sastera nasional bagi sebuah negara yang khusus, yang merdeka dan berdaulat, iaitu Malaysia. Di Malaysia wacana mengenai sastera nasional pula bukanlah sesuatu yang baru. Malahan isu ini telah dibicarakan selama lebih lima dasawarsa. Soal sastera nasional dicetuskan oleh pejuang-pejuang bahasa dan sastera dalam Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) disambung oleh Persatuan Penulis Nasional (PENANA) dan Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) dan ia terus berlarutan hingga ke hari ini.

Dalam sejarah perjuangan kemerdekaan, arena sastera telah menjadi satu medan penting bagi menyalurkan idea nasionalisme antipenjajah, idea kemerdekaan, dekolonisasi dan pembangunan. Pelbagai *genre* sastera telah menjadi wadah yang mengolah tema perjuangan tersebut dan diterbitkan melalui akhbar dan majalah sejak tahun 1930-an lagi. Penulis merangkap wartawan adalah peserta aktif dalam perjuangan kemerdekaan dan telah meniupkan semangat nasionalis antipenjajah dalam karya-karya mereka. Bagi pejuang-pejuang ini, sastera memang satu wahana yang amat penting bagi pembebasan bangsa daripada belenggu penjajahan.

Sungguhpun demikian, hari ini setelah lebih 40 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan persoalan sastera nasional masih berbangkit. Golongan yang mahukan sastera semata-mata sebagai pernyataan ekspresif yang terbit daripada penghayatan pengalaman manusia, merasakan bahawa persoalan sastera nasional ialah sesuatu yang mengekang kebebasan kepengarangan dan pengarang itu sendiri. Mereka cenderung untuk meremehkan idea tentang nasion (bangsa), atau bahkan menyihkannya sama sekali daripada pembicaraan mereka.

Namun, dalam realiti kehidupan manusia, kita tidak boleh memisahkan aktiviti pengkaryaan dan temanya daripada konteks sosiobudaya, politik dan persekitaran yang menjadi lingkungan dunia sang pengarang. Oleh yang demikian, idea tentang nasion mahu tidak mahu akan muncul dalam karya seseorang pengarang itu, baik secara tersurat mahupun secara tersirat. Dengan kata lain, sastera tidak terpisahkan daripada persoalan bangsa dan aspirasi nasional.

Kerelevanan Sastera Nasional

Pada hari ini, perdebatan tentang bangsa dan negara-bangsa ditandai oleh beberapa ciri baru. Dalam dunia yang semakin global sifatnya, penganjur globalisasi neo-liberal menghendaki kita supaya mengimpikan sebuah dunia tanpa sempadan, suatu komuniti umat manusia yang umum, dan tentang planet Bumi yang tidak dipisahkan menurut sempadan negara-bangsa. Kepada para penganjur globalisasi tersebut, negara-bangsa sudah ketinggalan zaman dan patut dihumbankan ke dalam muzium sejarah.

Andai kata kita menerima anjuran ini, maka sudah barang tentu perbincangan kita tentang sastera nasional di Malaysia memang tidak relevan. Yang ada hanyalah sastera, mungkin ditulis dalam bahasa Inggeris, dan panggillah sahaja sastera itu sastera universal, kerana bahasa Inggeris dianggap titik tinggi peradaban moden.

Akan tetapi, bangsa dan negara-bangsa bukan semata-mata amat relevan di Eropah pada abad ke-18 dan ke-19, tetapi ia juga satu gerak kuasa yang ampuh pada abad baru ini, di Dunia Ketiga, termasuk di Malaysia. Oleh yang demikian agenda pembinaan bangsa amat relevan dan mendesak bagi negara-negara tersebut untuk menangani pelbagai cabaran yang muncul dalam sejarah dan juga cabaran hasil daripada perkembangan baru dunia yang semakin global sifatnya hari ini (Rustam 1993a; Abdul Rahman 1995a, 1997).

Dalam sejarah, kita dapat Britain telah membina kerjaya globalnya dengan membangun sebuah empayar dunia, dan telah memaksakan bahasa, budaya dan sastera Anglo-Saxon ke atas rakyat dan bangsa lain dengan alasan muluk-muluk seperti 'membawa peradaban kepada mereka yang tidak beradab.' Sekalipun bahasa, budaya dan sastera masyarakat peribumi mempunyai sejarah yang panjang, kaya raya dan segar dari segi isinya, ia diremehkan bukan sahaja oleh kaum penjajah, tetapi juga oleh ramai anak tanah jajahan sendiri. Ini berlaku disebabkan di kalangan anak tanah jajahan terdapat sejumlah mereka yang terperangkap dalam sindrom minda tertawan (Syed Hussein Alatas 1973).

Namun, roda sejarah terus berputar. Zaman pasca-Perang Dunia Kedua telah menyaksikan keruntuhan empayar Inggeris tersebut, dan kita kini berada pada zaman pascakolonial. Dengan kemerdekaan dan dekolonisasi, negara-negara bekas tanah jajahan seperti Malaysia perlu melakukan pembangunan material, di samping sekaligus membangun bangsa, budaya dan sastera nasionalnya. Pembinaan dan pengembangan bahasa, budaya dan sastera nasional adalah komponen yang bersepadu dalam agenda nasional untuk menyuntik unsur *intangibile* dalam proses transformasi pembinaan bangsa dan pemodenan budaya di Malaysia (Abdul Rahman 1995b).

Seperti dinyatakan dalam Bab 1 buku ini, sesuatu bangsa tidak wujud dalam *tabula rasa*, seolah-olah ia muncul dalam hampawa. Bangsa mempunyai ciri-ciri kesinambungan dan perubahan kerana ia berkembang dan terbentuk dalam sejarah. Sesetengah sarjana seperti Anderson (1993) berhujah bahawa bangsa ialah suatu komuniti yang diimajinasikan yakni imej bangsa wujud dalam imaginasi orang ramai. Hujah ini memang boleh kita terima. Sungguhpun demikian, kita tidak boleh mengimajinasikan sesuatu daripada kekosongan. Oleh itu, komuniti yang diimajinasikan ini memerlukan asas yang objektif. Berdasarkan kedua-dua faktor subjektif dan objektif tadi, maka boleh kita rumuskan bahawa bangsa adalah suatu komuniti orang ramai yang terbentuk dalam sejarah, yang dipertautkan melalui perkongsian wilayah bersama, ekonomi bersama, serta unsur-unsur subjektif bersama. Unsur-unsur subjektif ini merangkumi bahasa, budaya, sastera, dan nama bersama di samping destini yang dikongsi bersama. Bahasa, budaya dan sastera adalah komponen subjektif yang merupakan unsur *intangibile* sesuatu bangsa. Ia boleh memainkan peranan sebagai pemersatu, dan sebagai ramuan yang tidak boleh tiada untuk membina kesedaran kolektif, membentuk bangsa dan mencorakkan destininya. Bahasa, budaya dan sastera amat penting bagi sesuatu bangsa untuk mengukuhkan dan meningkatkan martabatnya dalam komuniti bangsa-bangsa yang merdeka dan berdaulat di dunia.

Malangnya, sesetengah negara yang baru merdeka menderita penyakit rabun sejarah lantas mereka menganut pandangan sejarah yang amat dangkal. Natijah daripada kedangkalan sejarah ini, maka mereka telah mengambil detik kedatangan kaum penjajah sebagai titik permulaan sejarah mereka. Kita di Malaysia seharusnya berwaspada terhadap penyakit kerabunan sejarah demikian dan jangan membiarkan ia menjangkiti kaum intelektual di sini. Sementara kita perlu mengambil kira realiti semasa, kita juga perlu mengambil pendirian jangka panjang, yakni satu perspektif kesejarahan yang menyeluruh.

Dengan bertolak daripada perspektif tersebut barulah kita dapat menghargai bahawa bangsa Malaysia yang berada dalam proses pembentukan kini sebenarnya mempunyai dasar sejarah yang panjang dan peradaban yang kaya raya yang bertunjangkan bumi alam Melayu. Sementara kita boleh berbicara tentang peradaban Anglo-Saxon, peradaban Arab, peradaban China dan peradaban India, begitu juga kita boleh berbicara tentang dunia Melayu dan peradaban Melayu yang merangkumi seluruh Nusantara dengan budaya, bahasa dan sastera Melayu yang menjadi pencorak dan pewarnanya. Kita dapati bahawa dalam sejarah, bahasa Melayu sudahpun berkembang menjadi bahasa persuratan sejak abad ke-7 Masihi lagi, lebih kurang sama masanya dengan bahasa Inggeris, dan hari ini bahasa Melayu ialah salah satu bahasa utama dunia yang digunakan oleh kira-kira 270 juta umat manusia. Bahasa ini pula amat hidup dan boleh digunakan untuk sebarang wacana termasuk wacana tinggi mengenai pelbagai perkara sekiranya kita mahu.

Perkembangan bangsa Malaysia memang telah melalui jalan yang rumit dan berliku-liku. Sungguhpun untuk ribuan tahun masyarakat Malaysia terdiri daripada masyarakat peribumi (dengan bahasa Melayu sebagai bahasa wacana yang menyalurkan karya sastera dan telah mencorakkan peradaban rantau ini), namun dengan kedatangan penjajahan dan kemasukan beramai-ramai kaum imigran, maka masyarakat peribumi tersebut telah mengalami transformasi yang mendalam. Hasilnya ialah kemunculan sebuah masyarakat majmuk pada zaman penjajahan dengan pelbagai golongan etnik yang mendiami enklaf masing-masing secara terpisah, dan hanya bertemu dalam interaksi ekonomi di pasar. Sungguhpun demikian, selepas merdeka, lebih-lebih lagi setelah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990), masyarakat majmuk tersebut sudah berubah menjadi masyarakat berbilang kaum yang lebih seimbang dan berintegrasi.

Kekuatan dalam Kepelbagaian

Apa yang perlu ditekankan ialah kedatangan penjajahan telah mengubah trajektori sejarah rantau alam Melayu. Akibat perubahan ini, maka Malaysia kini bukan semata-mata menjadi tempat tinggal masyarakat peribumi, dengan bahasa dan budaya mereka, tetapi ia juga telah diperkaya dengan kemasukan dan perkembangan bahasa dan budaya peradaban-peradaban lain, khususnya China, India dan Barat. Negara Malaysia bukan semata-mata tempat pertemuan monsun, tetapi ia juga tempat pertemuan

dan interaksi pelbagai peradaban besar dunia baik Barat, Timur mahupun Islam. Inilah kekuatan masyarakat Malaysia, yang membolehkan ramai di kalangan kita menguasai bukan semata-mata satu bahasa, tetapi beberapa bahasa sehingga membolehkan kita menikmati tulisan-tulisan dalam banyak bahasa bergantung kepada berapa banyak bahasa yang kita kuasai serta semangat membaca kita.

Akan tetapi, kekuatan yang terbit daripada kekayaan dalam kepelbagaian ini boleh berubah menjadi kelemahan dan batu penghalang sekiranya kita tidak mengembangkan minda kreatif dan membebaskan diri daripada minda tertawan. Oleh yang demikian, amatlah perlu kita merumuskan satu pendekatan yang fleksibel dan terbuka yang membolehkan kita menggembelngkan kepelbagaian ini, dan mengubahnya menjadi kekuatan nasional.

Seperti dihuraikan dalam Bab 3, pada masa lampau, selaras dengan sejarah rantau ini ketika itu, sesetengah pejuang nasionalis berjuang untuk pembinaan negara-bangsa Melayu yang menjadi bangsa cita mereka di Malaya yang dirancang untuk bergabung dengan bangsa Indonesia menjadi Indonesia Raya atau Melayu Raya (Rustam 1983). Akan tetapi perjalanan sejarah telah mengubah semua itu. Hari ini, sekiranya kita memperjuangkan pembentukan sebuah negara Melayu di Malaysia sebagai satu agenda politik seperti dilakukan oleh pejuang nasionalis pada tahun 1930-an dan 1940-an, langkah tersebut tentu sekali bersifat ke belakang dan tidak secocok dengan kenyataan kini, kerana kita sedang bergerak ke hadapan menjadi bangsa Malaysia. Pendek kata, nasionalisme Melayu perlu ditakrif semula dan berkembang menjadi nasionalisme Malaysia, serta memainkan peranan sebagai pentakrif nasionalisme Malaysia dan bangsa Malaysia.

Sebilangan orang Melayu di Malaysia hari ini dengan giat berusaha mewujudkan jaringan dengan Dunia Melayu (lihat Bab 3). Hubungan ini adalah berdasarkan kepentingan budaya, bahasa, agama, ekonomi dan kepentingan-kepentingan lain, bukannya satu hubungan politik antara satu negara-bangsa dengan negara-bangsa lain. Kesedaran di kalangan rumpun Melayu di Dunia Melayu hari ini untuk membentuk pelbagai hubungan dan jaringan seperti yang diprakarsai oleh Gapena dan Sekretariat Melayu Antarabangsa bukanlah satu agenda politik untuk menubuh sebuah negara-bangsa Melayu. Sebaliknya ia adalah satu pengakuan tentang diaspora Melayu yang telah berlaku dalam sejarah, yang potensinya boleh digembelng untuk membentuk pelbagai jaringan, sama seperti yang telah diwujudkan oleh 'kabilah' dunia lainnya, misalnya bangsa Yahudi, China,

Inggeris, Jepun dan lain-lain. Pembentukan jaringan sedemikian adalah satu proses yang tidak terelakkan memandangkan wujudnya kebangkitan kesedaran tribal di seluruh dunia, yang didorong oleh proses globalisasi. Kejayaan Dasar Ekonomi Baru dalam memperbaiki kehidupan orang Melayu, khususnya dalam mewujudkan kelas usahawan dan kelas menengah Melayu, serta rasa yakin diri yang baru di kalangan mereka telah menyediakan syarat yang perlu bagi peningkatan usaha tersebut. Pada masa yang sama, kepesatan pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam dekad-dekad kebelakangan ini serta peranan aktif Malaysia di peringkat antarabangsa, khususnya di kalangan Dunia Ketiga, juga turut memungkinkan usaha mewujudkan jaringan global di kalangan rumpun Melayu di atas. Anjuran supaya nasionalisme Melayu ditakrif semula dan harus berkembang menjadi pentakrif nasionalisme dan bangsa Malaysia, adalah perlu untuk mengukuhkan negara-bangsa Malaysia agar Malaysia dapat menjadi pemain global yang kuat pada abad ke-21 ini.

Pluralisme budaya dan bahasa mencerminkan keadaan masyarakat Malaysia hari ini, yang diwarisi daripada zaman penjajahan. Pluralisme, yang kini diperhebat lagi oleh globalisasi, adalah satu pola kehidupan dengan pelbagai kelompok etnik mempertahankan dan mengembangkan bahasa dan budaya masing-masing. Pengakuan akan pluralisme budaya dan bahasa di Malaysia adalah satu pengakuan akan realiti kepelbagaian yang kini wujud. Kepelbagaian ini tidak seharusnya menjadi masalah atau halangan dalam perkembangan budaya nasional dan sastera nasional. Walau bagaimanapun, masalahnya akan muncul sekiranya *multiculturalism* dan *multilingualism* diterjemah menjadi agenda politik, dengan perjuangan menuntut supaya semua bahasa, budaya dan sastera diberikan status dan kepentingan yang sama seperti yang diberikan kepada bahasa nasional dan sastera nasional, atas alasan bahawa prinsip demokrasi dan persamaan yang universal itu mesti dihormati. Pada hemat saya, agenda sedemikian juga sama mundur dan bersifat memecah-belah. Prinsip demokrasi dan persamaan yang sejagat ini adalah satu dogma yang abstrak yang tidak berguna sekiranya prinsip ini diterapkan secara tidak kreatif, tanpa mengambil kira sejarah dan ciri-ciri khusus mana-mana masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, sementara kaum Melayu perlu mentakrif semula nasionalisme Melayu, kelompok-kelompok etnik lain juga perlu mengatasi hambatan etnik dan ideologi masing-masing, serta bersama-sama menghayati dan mengembangkan semangat nasionalisme Malaysia.

Pada masa yang sama, kita juga perlu membahaskan dengan serius pendirian golongan dekonstruksionis. Pendirian dekonstruksionis menolak

idea tentang totaliti, tentang keseluruhan dan tentang pusat. Pendirian ini bukan semata-mata bersifat memecah-belah, tetapi juga nihilistik dan mempunyai kesan negatif ke atas pembinaan bangsa. Dalam konteks perbincangan kita tentang sastera nasional, pendirian dekonstruksionis sebenarnya menolak ideologi kerelevanan sejarah dan peradaban Melayu, meremehkan idea tentang negara-bangsa dan sastera nasional Malaysia, dan lebih teruk lagi, golongan tersebut mencabar kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia dan *lingua franca* rantau ini baik dalam teori mahupun dalam amalan mereka. Di satu pihak mereka mendakwa bahawa 'sastera perlu kekal sifatnya sebagai sastera dan harus bebas daripada politik' serta menghujahkan bahawa 'sastera nasional sebenarnya ialah satu definisi politik.' Di pihak lain, perlu kita tegaskan bahawa golongan dekonstruksionis sendiri sebenarnya mengambil pendirian politik, iaitu politik nihilisme yang mendekonstruksikan keseluruhan idea tentang bangsa. Mereka mencemuh para pendukung negara-bangsa yang antikolonial dan anti-Barat sebagai tidak konsisten kerana, kata mereka, negara-bangsa adalah ciptaan Barat. Golongan dekonstruksionis tidak nampak bahawa sungguhpun negara-bangsa moden yang pertama muncul terlebih dahulu di Barat, ini tidak bermakna bahawa negara-bangsa adalah khusus ciptaan Barat, dan konsepnya tidak boleh diterima pakai oleh mereka yang menentang kolonialisme dan imperialisme Barat. Andai kata kita menggunakan logik golongan ini, maka kita tidak harus memandu kereta dan menggunakan komputer kerana kedua-duanya terlebih dahulu dicipta di Barat. Logik sedemikian tentu sekali tidak masuk akal.

Kita tahu bahawa bangsa dan negara-bangsa bukanlah benda mekanikal seperti kereta dan komputer. Seperti dinyatakan di atas, bangsa dan negara-bangsa terbentuk melalui perjalanan sejarah, dan kecenderungan ke arah pembentukan bangsa dan negara-bangsa sudah pun wujud di banyak tempat di dunia, termasuk di Asia Tenggara, jauh sebelum ketibaan penjajahan Barat. Lagi pula, dalam masyarakat pasca-kolonial di Malaysia hari ini, kita berada dalam tahap pembinaan bangsa Malaysia, maka bahasa, budaya dan sastera nasional amat relevan untuk tujuan tersebut.

Untuk membina bangsa Malaysia dan melangkah ke hari depan, kita perlu melakukan perubahan dalam set minda kita. Akan tetapi, dalam masa yang sama, kita tidak harus melakukan pemutusan radikal dengan masa lampau atas apapun alasan. Kesenambungan sejarah harus menjadi dasar kita dan landasan ketamadunan kita, barulah kita dapat melangkah

ke hadapan dengan lebih mantap. Kesenambungan sejarah perlu menjadi tapak untuk memberi hala tuju yang jelas kepada perkembangan baru dan realiti kini yang terus berubah, termasuk realiti pembinaan dan pengembangan sastera nasional. Inilah yang dimaksudkan dengan mengambil kira kesinambungan sejarah dan juga perubahan masa kini.

Seperti dinyatakan di atas, sastera nasional adalah satu unsur yang amat penting dalam pembinaan bangsa, dalam mendorong perpaduan nasional, dan dalam membangun peradaban moden. Sastera nasional mengandungi pengalaman dan cita-cita rakyat sebangsa, dan berfungsi sebagai alat ideologi pemersatu bagi bangsa. Oleh itu, isi kandungan dan bentuk sastera nasional harus mencerminkan kedua-dua sejarah dan realiti semasa di samping cita-cita atau harapan bagi masa depan. Semua ini perlu disulami dengan daya imajinasi kreatif dan nilai-nilai estetika yang tinggi.

Isi Sastera Nasional

Isi kandungan sastera nasional amat penting. Pada hemat saya, karya sastera di Malaysia hari ini harus mengandungi cita-cita patriotisme dan nasionalisme Malaysia, yang bersifat terbuka dan progresif. Isi kandungannya perlu mengambil kira sejarah, kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat kini serta cabaran-cabaran baru yang muncul dalam dunia yang semakin global sifatnya. Isi kandungan sastera nasional patut memperjuangkan segala nilai yang baik seperti keadilan dan perpaduan kaum serta mengkritik rasuah, kejahatan akhlak, kepalsuan, dan sebagainya. Karya-karya itu tidak seharusnya menggambarkan kehidupan dan pengalaman satu kumpulan etnik sahaja, tetapi sebaliknya harus merangkumi kebanyakan ataupun semua kelompok etnik yang membentuk bangsa Malaysia. Sekiranya sesuatu karya itu mengenai satu kumpulan etnik sahaja, maka pengarang harus sentiasa mengambil ingatan akan masyarakat nasional yang lebih luas, harus mempunyai kesedaran tentang kewujudan masyarakat besar tersebut yang perlu dibayangkan sekurang-kurangnya secara simbolik. Tidak kurang pentingnva ialah keperluan supaya karya-karya tersebut bebas daripada stereotaip rasis dan *inuendo* yang rasis. Ringkasnya, sastera nasional Malaysia harus mengandungi segala nilai yang baik yang boleh membantu mengukuhkan imej subjektif nasional, membantu mengembangkan kesedaran kolektif, serta perasaan sebagai sebahagian daripada komuniti nasional yang besar, yang mempunyai destini bersama. Pendirian sedemikian bukan sahaja selaras

dengan usaha pembinaan bangsa Malaysia, tetapi juga selaras dengan konsep kemanusiaan yang progresif secara umum.

Namun, isi kandungan tersebut memerlukan satu wahana atau saluran penyampaian, yakni bahasa. Wahana penyampaian tersebut memang tidak neutral, kerana medium atau alat itu sendiri adalah satu mesej (McLuhan 1964, 1967). Dalam hubungan ini, medium (yakni bahasa) juga adalah satu ciri pentakrif bangsa. Sastera dan bahasa adalah semacam kembar Siam yang tidak boleh dipisahkan, sama seperti kita tidak boleh memisahkan irama dengan lagu. Sastera tanpa bahasa adalah ibarat panglima tanpa tentera. Dalam kes sastera nasional, adalah jelas bahawa sastera memerlukan kembarnya, iaitu bahasa nasional negara berkenaan sebagai alat penyalurnya. Di Malaysia, oleh kerana bahasa Melayu atau bahasa Malaysia adalah bahasa nasional, maka sastera nasional Malaysia sudah semestinya adalah sastera dalam bahasa Malaysia.

Pembinaan sastera nasional hari ini sudah mempunyai asas yang baik. Dalam khazanah sastera nasional negara, kita sudahpun mempusakai satu khazanah sastera yang kaya raya daripada nenek moyang kita dalam bentuk sastera klasik, misalnya hikayat-hikayat besar seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah* dan *Misa Melayu*, di samping himpunan pantun, syair dan lain-lain. Karya-karya ini harus dipopularkan dan diterima sebagai pusaka nasional sepunya oleh semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Khazanah ini merupakan asas yang terbina dalam sejarah bagi sastera nasional Malaysia. Karya-karya ini harus ditelaah secara kritis, dan dihayati bukan sahaja dalam konteks zaman yang menghasilkannya, tetapi juga sebagai benang jelujur rohaniah yang menghubungkan kita dengan zaman lampau bagi mengukuhkan akar umbi tradisi kita, khususnya bagi generasi baru.

Walau bagaimanapun, pendirian bahawa sastera nasional harus terdiri daripada sastera dalam bahasa kebangsaan (dengan isi kandungannya yang bersifat nasional dan progresif) tidaklah menyebabkan kita menafikan peranan bahasa-bahasa lain dan sastera yang dinukilkan dalam bahasa-bahasa tersebut. Pada hemat saya, seseorang penulis atau sasterawan harus berkarya dalam apa jua bahasa yang dia paling mahir. Kenyataan ini perlu dimengerti dengan baik, kerana pengkaryaan sastera adalah satu seni yang tersendiri, yang memerlukan penguasaan bahasa yang tinggi di samping bakat dan imaginasi kreatif. Natijah daripada pendirian ini ialah penulis di Malaysia boleh berkarya dalam bahasa Inggeris, Mandarin, Tamil dan bahasa-bahasa lain selaras dengan sifat kepelbagaian

masyarakat kita. Karya-karya ini — meminjam istilah Profesor Ismail Hussein — boleh dianggap tergolong dalam kategori ‘sastera sukuan’ dan ‘sastera daerah’ (Ismail Hussein 1971) dan berada dalam korpus sastera Malaysia. Karya-karya ini tidak bertentangan dengan sastera nasional, bahkan sebaliknya, ia membantu mengayakannya. Sungguhpun demikian, supaya karya-karya ini mempunyai tempat dalam sastera nasional dan boleh menyumbang kepada usaha pembinaan bangsa Malaysia, ia perlu disepadukan dengan sastera nasional bukan semata-mata melalui isi kandungan yang nasional dan progresif, tetapi juga melalui terjemahan ke dalam bahasa kebangsaan. Pada masa yang sama, sastera nasional juga perlu diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa lain.

Namun begitu, dalam analisis akhir, sebagai warga Malaysia, para penulis kita bukan sahaja seharusnya berkarya dalam bahasa yang mereka paling mahir, tetapi lebih penting lagi, mereka perlu berkarya secara langsung dalam bahasa kebangsaan. Mereka juga perlu mempamerkan taraf penguasaan yang tinggi akan bahasa kebangsaan. Andai kata sesetengah penulis tidak mahir ataupun belum lagi mahir dalam bahasa kebangsaan, mereka setidak-tidaknya jangan menjadi batu penghalang kepada usaha pembinaan sastera nasional dalam bahasa kebangsaan. Mereka sepatutnya berkongsi idea, konsep dan semangat sastera nasional tersebut, di samping menggalakkan generasi baru untuk berkarya dalam bahasa kebangsaan. Ini adalah satu cabaran bagi semua penulis di Malaysia, tanpa mengira latar belakang etnik mahupun latihan akademik mereka.

Bagi Malaysia, sastera nasional dalam bahasa kebangsaan, yang mempunyai isi kandungan yang bersifat nasional dan progresif, bukan semata-mata satu persoalan istilah dan konsep untuk dibebelkan dalam wacana akademik di menara gading. Persoalan sastera nasional adalah persoalan praktik, kerana ia ialah salah satu daripada prinsip pentakrif bagi pembinaan bangsa dan identiti nasional. Sastera juga mendorong dan mengembangkan lambang-lambang pemersatu, serta berfungsi sebagai penyalur dan pembina peradaban Malaysia yang moden.

Persoalan Negara dan Kuasa dalam *Sejarah Melayu*

Pengenalan

Sulalatus Salatin atau *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang ialah sebuah dokumen historiografi Melayu yang terpenting yang menerangkan peradaban dan peraturan kenegaraan Melayu pada abad ke-15 yang berpusatkan Melaka. Dalam *Sejarah Melayu*, persoalan kuasa, pemerintahan dan hubungan di antara Melaka dengan pelbagai negara diwacanakan secara tersurat dan juga tersirat. Bab ini akan membincangkan sosiologi sistem kerajaan Melayu yang tercermin dalam *Sejarah Melayu* dari sudut dinamika institusi kuasa, khususnya kuasa raja dan kesinambungannya, legitimasi kuasa dan batasannya, serta perlawanan terhadap kuasa yang disalahgunakan. Perbincangan mengenai pelbagai perkara ini akan sentiasa mengambil kira prinsip paksi yang mendasari kuasa kerajaan Melayu, iaitu waad di antara raja dengan pembesar dan rakyat, dengan tumpuan kepada pengajaran sejarah daripada pelbagai peristiwa dalam *Sejarah Melayu*. Pengajaran sejarah ini memang masih amat berguna dan patut dijadikan iktibar pada hari ini dalam konteks pembinaan negara dan bangsa Malaysia, khususnya dalam soal hubungan di antara pemimpin selaku golongan berkuasa dengan rakyat sebagai golongan yang dituntut mencurahkan kepatuhan dan kesetiaan mereka kepada pemimpin dan negara.

Sejarah Melayu dan Persoalan Tafsiran

Saya bersependapat dengan sesetengah sarjana yang menganjurkan supaya kita meneliti niat atau tujuan Tun Seri Lanang menghasilkan *Sejarah Melayu* agar kita dapat memahami makna di sebalik pelbagai kisah dan peristiwa dalam karya ini dengan lebih baik. Dalam cetera pertamanya lagi, Tun Seri Lanang sudah memberitahu bahawa beliau

mendapat perintah daripada Sultan supaya mengarang sebuah hikayat untuk mengisahkan peri peristiwa dan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali dengan tujuan “supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu, syahdan beroleh faedahlah ia daripadanya.” Melalui pelbagai cetera dalam *Sejarah Melayu*, Tun Seri Lanang berjaya mencapai maksudnya menjadikan karya ini satu bahan pengajaran sejarah terpenting kepada ‘segala anak cucu’ supaya ‘beroleh faedahlah ia daripadanya’. Teks yang saya gunakan untuk menyediakan makalah ini ialah *Sejarah Melayu* edisi W.G. Shellabear (1896) yang diterbitkan oleh Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, cetakan kelima pada 1979.

Keistimewaan sesebuah karya besar ialah ia bersifat *timeless*, yakni ia tidak terikat oleh keterbatasan masa. Karya itu hidup pada zamannya dan akan terus hidup pada zaman-zaman selepasnya. Hal inilah yang berlaku dengan karya *Sulalatus Salatin*. Walaupun ia sudah berusia hampir 400 tahun, tetapi ia masih hangat diperkatakan hari ini, dan besar kemungkinan juga pada masa mendatang. Walaupun karya ini sudah banyak dikaji, kita masih dapat mengkajinya lagi dan kita masih boleh mengetengahkan beberapa pandangan baru.

Dalam penelitian ke atas manuskrip klasik ini, kita memanfaatkan pelbagai alat analisis dan teori baru dan pandangan pengkaji-pengkaji sebelumnya untuk membantu kita membuat pelbagai tafsiran yang kita anggap wajar. Dengan kemajuan pemikiran dan alat analisis selaras dengan kemajuan ilmu pengetahuan manusia, mungkin kita akan terus menerus menemui perkara-perkara baru lagi di dalam karya ini. Walau bagaimanapun, sementara kita boleh menggunakan alat analisis dan perspektif baru untuk membicarakan manuskrip lama, kita perlu berhati-hati ketika mengemukakan tuntutan ke atas karya itu. Apakah kita mengemukakan tuntutan daripada pandangan hari ini, ataupun daripada pandangan zaman itu? Sementara kita tidak boleh *under-read* ataupun *over-read*, kita juga tidak boleh *over-demand*.

Memang dalam *Sulalatus Salatin* terkandung banyak naratif atau banyak suara: suara raja dan suara rakyat; suara lelaki dan suara perempuan; suara besar dan suara kecil; suara zaman silam dan suara hari depan; suara yang berkuasa dan suara yang dikuasai, dipaksa dan bahkan diperkosa; dan lain-lain lagi. Kesemua ini menunjukkan betapa rencamnya suara-suara yang diutarakan oleh pengarang karya ini. Suara mana yang hendak kita titikberatkan dalam kajian kita bergantung kepada minat dan tujuan kita.

Sementara karya *Sulalatus Salatin* bersifat *timeless*, pengarangnya pula adalah *time-bound*, yakni beliau hidup di dalam ruang dan masa tertentu. Oleh itu, konteks sejarah, masyarakat dan budaya yang mencorakkan wadah kehidupan dan pengkaryaan pengarang serta lokasi strategik pengarang sebagai seorang Bendahara dan sekaligus seorang pengarang, amat penting diambil kira. Sebagai tangan kanan sultan, beliau perlu mengambil kira kepentingan kuasa raja, manakala sebagai seorang pengarang, beliau mempunyai kebebasan kepengarangan untuk menyatakan kata hatinya. Ini bererti kita tidak boleh mengemukakan tuntutan hari ini dalam zaman kita boleh berbicara tentang keadilan, demokrasi, kebebasan, persamaan hak antara lelaki dan wanita, serta ketelusan selantang mungkin ke atas pengarang yang hidup hampir 400 tahun dahulu dalam zaman wacana seperti ini begitu asing sekali. Selain itu, bolehkah kita membandingkan seseorang dalam lokasi strategik seperti Tun Seri Lanang yang mempunyai dwifungsi itu, yakni seorang pembesar dan seorang pengarang, dengan seseorang yang lokasi strategiknya seperti Abdullah Munshi yang bukan sahaja berbeza dari segi zaman, tetapi juga tidak hidup di bawah kuasa raja? Tentu terdapat perbezaannya. Walaupun begitu, pendirian sebegini tidak menghalang kita daripada mencari sama ada terdapat wacana pelbagai suara tadi di dalam karya tersebut, lebih-lebih lagi naratif kecil, dan kalau ada suara itu, bagaimanakah wacana itu diungkapkan.

Karya ini akan benar-benar sebuah karya istimewa sekiranya sekalipun terdapat batas zaman, masyarakat, budaya dan lokasi strategik pengarang, ia masih dapat melampaui zamannya dan dapat mengolah isu-isu yang *timeless* dan universal sifatnya, tetapi diungkapkan dengan gaya yang mengambil kira keterbatasan zamannya. Misalnya, dalam waad yang diperteguhkan di antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun, kelihatan sepintas lalu terdapat ketidakseimbangan kuasa – waad itu lebih menitikberatkan suara raja, suara kuasa. Tetapi hal ini tidak menghairankan, kerana dalam zaman kekuasaan mutlak raja, memang begitulah semestinya. Namun, selain suara itu, terdapat suara rakyat yang menegaskan bahawa raja tidak boleh mengaibkan rakyat, dan sekiranya pihak raja mungkir janji, pihak rakyat juga berhak berbuat demikian. Selain itu, waad itulah dijadikan Demang Lebar Daun sebagai syarat bagi Sang Sapurba meminang Wan Sanderi, hingga Sang Sapurba akhirnya berjaya memperoleh dua orang putera yang kemudian menjadi jurai keturunan raja-raja Melayu. Tanpa waad itu, Sang Sapurba akan gagal sekalipun baginda dikatakan daripada keturunan Iskandar Zulkarnain, raja segala

raja. Menetapkan prinsip ini ke dalam waad pada zaman itu memang sesuatu yang begitu besar ertinya. Juga pengarang berulang kali kembali merujuk kepada waad ini dalam pelbagai episod dalam karya itu. Hal ini menunjukkan di samping beliau menceritakan jurai raja dan menyampaikan suara raja, beliau juga menyelitkan suara kecil rakyat yang dibungkam itu.

Seperti yang dinyatakan di atas, suara mana yang akan kita tumpukan bergantung kepada minat dan tujuan kita. Dalam bab ini, saya meneliti *Sulalatus Salatin* dengan tujuan untuk menimba beberapa pengajaran sejarah daripadanya berhubung dengan soal negara, kuasa dan batasan kuasa yang amat relevan pada hari ini dan mungkin bagi masa depan apabila membahaskan persoalan negara-bangsa. Kerana itu saya menumpukan perhatian kepada waad, prinsip di dalamnya, pelaksanaannya, kesan baik apabila mematuhi waad, dan padah buruk yang menimpa apabila ia diingkari.

Kuasa dan Institusi Kuasa

Kuasa dan institusi kuasa melibatkan satu kompleks hubungan, sekurang-kurangnya di antara dua pihak. Kuasa ialah keupayaan mengenakan kehendak sendiri ke atas pihak lain oleh yang melaksanakan kehendak itu dan menuntut kepatuhan pihak lain kepadanya. Kerana kuasa ialah satu hubungan yang melibatkan pihak lain, maka ia dengan sendirinya mempunyai batasan. Batasan ini berlaku kerana kuasa adakalanya dipatuhi dengan rela hati, adakalanya dipatuhi kerana terpaksa, dan adakalanya terdapat perlawanan.

Kuasa terletak pada diri individu dan juga pada institusi. Kuasa pada diri individu, misalnya, kuasa karisma, tidak begitu stabil, kecuali ia diinstitusikan. Melalui penginstitusian tersebut, maka barulah terdapat pengekalan dan pewarisan kuasa. Negara ialah keseluruhan kompleks institusi kuasa termasuk pemerintahan dan pelbagai jentera kuasa lainnya yang mempunyai jurisdiksi di dalam reruang tertentu (yakni wilayah) yang melibatkan penduduk yang menghuninya. Namun, penguatkuasaan jurisdiksi negara dan kuasa pemimpin adalah sesuatu yang rumit, dan justeru itu ia memerlukan legitimasi atau pengabsahan. Kewujudan sesebuah negara memerlukan keabsahan; begitu juga keabsahan diperlukan bagi kedudukan ketua negara, seperti raja dan kerajaannya dalam sistem tradisional.

Kuasa dan institusi kuasa umumnya cuba diabsahkan secara konsensus, iaitu apabila anggota masyarakat menerima secara ideologi bahawa sumber kuasa itu dan pelaksanaannya adalah sesuatu yang perlu dan sah. Akan tetapi, konsensus secara ideologi sahaja tidak memadai, maka kuasa itu turut diabsahkan melalui kekerasan ataupun ancaman penggunaan kekerasan.

Memang terdapat krisis legitimasi terhadap kuasa seseorang raja, namun krisis itu tidak mencabar institusi negara dan institusi sistem beraja, cuma mencabar individu raja sebagai pemegang kuasa. Dalam *Sejarah Melayu*, pengarang membezakan dengan jelas raja sebagai individu dengan raja sebagai institusi. Dalam karya ini, sekalipun raja sebagai individu bertukar ganti, ada raja yang adil dan ada raja yang zalim, ada raja yang merampas kuasa daripada saudaranya (seperti berlaku dalam kes Raja Kasim merampas kuasa daripada Raja Ibrahim), ada raja yang membawa kebesaran kepada negara (misalnya Sultan Mansor Syah), dan ada pula raja yang menyebabkan negara musnah dikalahkan musuh sehingga raja dan pengikutnya terpaksa berundur membuka negeri di tempat lain (misalnya Sultan Mahmud Syah). Namun, walau apapun peristiwa yang berlaku, institusi raja dan sistem politik beraja tetap terpelihara sungguhpun ia mengalami beberapa perubahan mengikut peredaran zaman, tetapi perilaku seseorang raja dan kuasa yang ada padanya tidak terlepas daripada penilaian pembesar dan rakyatnya.

Waad: Persetiaan Kuasa dan Legitimasi

Berlainan dengan sistem kenegaraan moden yang dikaitkan dengan negara-bangsa seperti Malaysia pada hari ini yang menerima pakai sistem perwakilan demokrasi bagi memastikan perjalanan kuasa dan pemerintahan, sistem kenegaraan tradisional menerima pakai sistem askripsi atau pewarisan. Kalau dalam sistem perwakilan negara moden seperti di Malaysia, pemimpin negara dan pemerintah mendapat pengabsahan melalui pemilihan umum, dan cara-cara lain, dalam sistem kenegaraan tradisional seperti dinyatakan di atas, pengabsahan menggunakan pelbagai cara tradisi, seperti mitos tentang genealogi, karisma, kepercayaan budaya seperti daulat, tulah, pelbagai amalan ritus dan sebagainya. Selain itu, cara tradisi yang berlandaskan ideologi dan budaya ini digemblengkan dengan kekuatan bersenjata dan kekerasan, ataupun ancaman penggunaan kekerasan.

Dalam *Sejarah Melayu*, asal usul raja Melayu dan sistem kenegaraan beraja Melayu yang diasaskan dan dikembangkannya memang menggunakan pelbagai bentuk pengabsahan yang diterangkan di atas. Namun, yang amat penting dalam keseluruhan wacana ini ialah kesediaan kedua-dua belah pihak – yang memerintah dan yang diperintah – untuk mencapai muafakat dan membuat persetiaan, yang dipanggil waad dalam *Sejarah Melayu*, ataupun *social contract* yang dijelmakan dalam bentuk perlembagaan negara-bangsa moden seperti yang dimengertikan dalam ilmu politik dan sosiologi. Waad inilah yang menjadi prinsip menentukan sistem kenegaraan dan sistem beraja Melayu yang menetapkan dengan jelas hak dan tanggungjawab raja, pembesar dan rakyat.

Namun, berlainan dengan konsep negara-bangsa hari ini yang mempunyai jurisdiksi ke atas wilayah dengan perbatasan yang tetap, negara Melayu pada masa itu mempunyai ruang kedaulatan dan jurisdiksi yang berubah-ubah, asalkan ia masih berlegar di dalam lingkungan rantau alam Melayu. Misalnya, Sang Nila Utama, putera Sang Sapurba boleh beralih dari Bukit Siguntang ke Bentan, lepas itu membuka negeri di Tamasik (atau Singapura), manakala keturunannya pula setelah kalah di Tamasik berpindah ke Melaka dan membuka negeri di sana. Ertinya, dalam *weltanchauung* manusia Melayu ketika itu, seluruh ruang alam Melayu boleh dijadikan tapak bagi pembinaan negara Melayu menurut wawasan raja yang menerajuiinya. Hal ini boleh dilakukan kerana belum ada lagi kuasa luar yang lebih kuat menghalangnya, khususnya kuasa penjajahan Barat yang datang melapah-lapah rantau ini dan membahagikannya menurut lingkungan pengaruh kuasa masing-masing sejak awal abad ke-16.

Dalam *Sejarah Melayu*, waad di antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun yang dimaterai di Bukit Siguntang Maha Meru yang terdapat dalam cetera kedua adalah prinsip asas kewujudan dan kesinambungan kerajaan Melayu. Waad ini merupakan lambang persetiaan bagi memungkinkan kewujudan dan kesinambungan institusi raja dan sistem pewarisan, ketaatan dan pendurhakaan, institusi pembesar, dan institusi rakyat di dalam kenegaraan Melayu secara turun temurun yang diceritakan dalam buku tersebut. Melalui persetiaan ini, muncullah gelaran ‘Yang Dipertuan’ bagi raja dan panggilan ‘patik’ bagi pembesar dan rakyat sebagai rujukan kepada diri sendiri apabila berkomunikasi dengan raja.

Dalam waad itu terdapat beberapa unsur, iaitu kuasa raja, hak raja menuntut kesetiaan, tanggungjawab raja sebagai imbalan kepada kesetiaan

yang dicurahkan serta syarat bagi rakyat membatalkan kesetiaan itu. Waad merupakan satu kontrak sosial yang memberikan kuasa kepada Sang Sapurba selaku raja untuk memerintah, manakala Demang Lebar Daun bagi pihak rakyat bersetuju untuk bernaung di bawah raja dan menyatakan taat setia kepadanya. Namun, kesetiaan itu bersyarat, bukannya mutlak, yakni ada batasnya. Ini dengan sendirinya menentukan batasan kuasa raja dan menunjukkan rakyat selaku yang diperintah juga mempunyai kuasa yang tersirat. Raja berkuasa kerana rakyatnya. Seluruh jalur pengkisahan dalam *Sejarah Melayu* menunjukkan bahawa kuasa raja akan selamat andaikata baginda bersehati dengan rakyat dan mengambil berat pandangan dan kepentingan rakyat.

Kita perturunkan di bawah ini beberapa perenggan dalam cetera kedua *Sejarah Melayu* yang mengandungi waad tersebut:

Maka sembah Demang Lebar Daun, 'Adapun Tuanku segala anak cucu patik sedia akan jadi hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan; hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu duli Tuanku. Dan jika ia berdosa, sebesar-besar dosanya pun, jangan difadhihatkan, dinista dengan kata-kata jahat; jikalau besar dosanya dibunuh, itupun jikalau berlaku pada hukum Syarak.'

Maka titah Sang Sapurba, 'Akan pinta bapa itu hamba kabulkanlah, tetapi hamba minta satu janji pada bapa hamba.'

Maka sembah Demang Lebar Daun, 'Janji yang mana itu, Tuanku?'

Maka titah Sang Sapurba, 'Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa hamba jangan durhaka pada anak cucu kita, jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalipun.'

Maka sembah Demang Lebar Daun, 'Baiklah, Tuanku. Tetapi jikalau anak buah Tuanku dahulu mengubahkan dia, maka anak cucu patik pun mengubahlah.'

Maka titah Sang Sapurba, 'Baiklah, kabullah hamba akan waadat itu' (halaman 19-20).

Sebagai proses memberikan legitimasi kepada Sang Sapurba, pengarang *Sejarah Melayu* menceritakan kemuliaan keturunan Sang Sapurba. Baginda dikatakan sebagai "anak raja yang turun dari keinderaan", keturunan Iskandar Zulkarnain, dan nisab Nabi Sulaiman alaihissalam. Segala mitos tentang keturunan Sang Sapurba adalah satu proses legitimasi yang amat penting yang meletakkan baginda begitu mulia di atas segala makhluk lain.

Akan tetapi, ada satu pengajaran penting yang diselitkan oleh pengarang *Sejarah Melayu*. Semulia manapun Sang Sapurba, keturunan Iskandar Zulkarnain ini, masih terdapat satu kelemahan besar yang tidak dapat diatasi baginda, iaitu baginda gagal apabila beristeri, dan ini bererti,

baginda tidak akan mempunyai zuriat. Sekiranya ini berterusan, ia bererti zuriat Iskandar Zulkarnain tidak dapat memerintah di alam Melayu. Seperti diceritakan dalam cetera kedua *Sejarah Melayu*:

Setelah itu maka baginda pun hendak beristeri; barang di mana raja-raja yang ada beranak perempuan yang baik paras diambil baginda akan isteri. Apabila beradu dengan baginda pada malam, telah pada hari dilihatnya putri itu kedal itulah sebab dijamah baginda itu, maka ditinggalkan baginda; dengan demikian kurang esa empatpuluh yang sudah diperisteri baginda, semuanya kedal juga (halaman 19).

Bagaimanakah masalah ini dapat diselesaikan? Dalam *Sejarah Melayu*, masalah Sang Sapurba ini hanya dapat diselesaikan oleh Demang Lebar Daun yang bersetuju menyerahkan anaknya Wan Sanderi untuk diperisterikan baginda dengan syarat Sang Sapurba bersetuju mematerai waad di atas sebagai syarat peminangan atau mas kahwin seperti berikut:

Maka sembah Demang Lebar Daun, 'Jikalau anak patik Tuanku peristeri, nescaya kedal ia; tetapi jikalau Tuanku mau berwaadat dengan patik, maka patik persembahkan anak patik ke bawah Duli Yang Dipertuan (halaman 19).

Melalui perkahwinan ini berjajalah Sang Sapurba sehingga baginda berhasil memperoleh empat orang anak, dua perempuan dan dua lelaki, salah seorang daripadanya Sang Nila Utama yang membuka Tamasik dan keturunan baginda kemudian menjadi raja Melaka.

Namun untuk membolehkan Sang Nila Utama sampai ke Tamasik, terdapat lagi percubaan yang amat besar. Dalam pelayaran ke Tamasik, baginda dipukul ribut kencang dan menghadapi kemungkinan sama ada akan hilang mahkotanya (lambang kebesaran dan kedaulatan raja) atau hilang nyawanya. Nyawa baginda terselamat, tetapi diselamatkan kerana kebijaksanaan rakyat. Seperti dikisahkan dalam *Sejarah Melayu*, dalam pelayaran Sang Nila Utama menuju ke Tamasik, perahu baginda dan rombongannya dipukul ribut dan hendak tenggelam. Sekalipun semua harta di dalam perahu itu dibuang untuk meringankannya, perahu itu masih tidak mahu timbul. Bagaimanakah hendak menimbulkan kenaikan itu supaya selamat semua orang di dalamnya termasuk Sang Nila Utama? Penghulu perahu itu mengusulkan kepada Sang Nila Utama supaya membuangkan mahkota baginda, iaitu lambang kebesaran dan kekuasaan raja ke dalam laut. Dengan terselamat dalam peristiwa di laut ini, sekalipun tanpa mahkota, Sang Nila Utama berjaya membuka negeri di Tamasik (yang dinamakan Singapura), dan zuriatnya seterusnya membuka negeri Melaka.

Tetapi pada akhir *Sejarah Melayu*, kerajaan Melaka juga kalah. Mungkin kita wajar bertanya: Apakah kehilangan mahkota yang diceritakan pengarang *Sejarah Melayu* pada bahagian awal cerita ini merupakan satu perlambangan bakal kehilangan kuasa kerajaan Melaka pada akhirnya setelah rajanya Sultan Mahmud Syah melanggar waad yang dibuat oleh nenek moyang baginda? Sama ada ini maksud pengarang atau sebaliknya, perkara ini akan dibincangkan dalam bahagian akhir bab ini.

Hubungan Raja, Pembesar dan Rakyat berlandaskan Waad

Prinsip utama waad, iaitu pemerintahan dan pengamalan kuasa berlandaskan keadilan dan permuafakatan berulang kali ditegaskan dan ditamsilkan dalam *Sejarah Melayu* dan berulang kali ditunjukkan padah buruk akibat raja melanggar prinsip ini. Hubungan raja, pembesar dan rakyat digambarkan sebagai hubungan trisakti yang berlandaskan prinsip keadilan dan permuafakatan. Hal ini menjadi semacam perjanjian tidak bertulis di antara ketiga-tiga pihak. Ini amat jelas dalam wacana raja Melaka yang paling penting, Sultan Mansor Syah, apabila baginda yang sedang gering menyampaikan wasiat kepada putera baginda Sultan Alauddin Riayat Syah.

Misalnya, dalam menegaskan prinsip keadilan, kesaksamaan, dan pentingnya pemeriksaan teliti terhadap sesuatu kes untuk mengelak fitnah dan penganiayaan terhadap orang tidak bersalah, baginda bertitah:

Adapun peninggalanku ini, hai anakku, hendaklah engkau berbuat sabar serta adil sangat-sangat, dan jangan tamakkan harta orang, kerana makan hak sama Islam itu terlalulah besar dosanya.... Jikalau kesukaran baginya, hendaklah engkau tolong; jikalau teraniaya ia, hendaklah engkau periksa baik-baik, supaya di akhirat tiada diberati Allah atas lehermu.... (S)egala raja-raja di akhirat lagi ditanya Allah taala daripada segala rakyat. Sebab demikian, maka harus engkau berbuat adil dan saksama, supaya akhirat jemah diringkatkan Allah taala kirakiramu (halaman 126-127).

Tentang permuafakatan pula, baginda menegaskan:

Dan hendaklah engkau muafakat dengan segala menteri dan segala orang besar-besarmu, kerana raja itu, jikalau bagaimana sekalipun bijaksananya dan tahunya, jikalau tiada muafakat dengan segala pegawainya di mana akan dapat ia melakukan bijaksananya? (halaman 127).

Tentang hubungan trisakti raja, pembesar dan rakyat, baginda menghuraikan seperti berikut:

Dan lagi tiada akan sentosa kerajaannya, kerana raja-raja itu umpama api, akan segala menteri itu umpama kayu; jikalau tiada kayu, di manakah api itu bernyala? ... [R]akyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri, demikian raja itu dengan segala rakyatnya (halaman 127).

Nasihat yang sama supaya berpegang kepada prinsip waad ditegaskan semula oleh Sultan Alauddin sebagai titah wasiat kepada puteranya Sultan Mahmud Syah, raja Melaka yang membawa Kerajaan Melaka menuju kehancuran. Titah Sultan Alauddin:

Dan segala anak Melayu, bagaimanapun besar dosanya, jangan kamu bunuh, melainkan dosanya durhaka; kerana segala Melayu itu tanahmu... Jikalau kaubunuh ia dengan tiada dosanya, bahwa kerajaanmu binasa (halaman 138).

Bendahara Paduka Raja Tun Perak, pembesar Melaka terpenting yang menciptakan kegemilangan Melaka juga menasihatkan Sultan Mahmud supaya berpegang pada waad. Kata Bendahara:

Dan segala anak buah patik petaruh patiklah ke bawah duli Tuanku; hendaklah Tuanku jangan dengar-dengaran akan sembah orang yang tiada sebenarnya. Jikalau Tuanku dengar-dengaran akan kata orang yang fitnah itu, Tuanku menyesal kelak. Adapun yang kehendak nafsu itu daripada waswas syaitan 'alaihī'la'nat. Banyak raja-raja yang besar-besar dibinasakan Allah kerajaannya sebab menurut hawa nafsunya (halaman 142).

Memang benar nasihat dan tuntutan supaya mematuhi prinsip keadilan dan permuafakatan yang disenaraikan sebagai contoh di atas disampaikan oleh raja dan bendahara sebagai wasiat semasa hendak mati. Situasi yang wujud semasa raja menyampaikan nasihat itu menyebabkan sesetengah pengkaji menganggap mereka (raja dan pembesar) hanya menjadi sedar dan insaf semasa menghadapi maut manakala semasa hidupnya raja dan pembesar berkenaan tidak mengamalkan prinsip itu. Namun, pandangan begini agak singkat dan bersifat pengertian harafiah. Kita perlu meneliti persoalan ini dalam keseluruhan konteksnya. Seperti dinyatakan di atas, sejak dari awal lagi, waad Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun telah dipersetiakan dan pemerintahan berasaskan prinsip keadilan dan permuafakatan itu telah dilaksanakan, lebih-lebih setelah raja Melaka Raja Kecil Besar memeluk Islam dengan memakai gelaran Sultan Muhammad Syah. Baginda ialah bapa Sultan Muzaffar Syah (Raja

Kasim) dan datuk Sultan Mansor Syah. Kerana pelaksanaan prinsip tersebut, Melaka sejak pemerintahan Sultan Muhammad Syah menjadi besar, kuat, makmur dan masyhur menjadi “tempat perhimpunan segala dagang.” Perkara inilah merupakan salah satu pengajaran terpenting daripada *Sejarah Melayu*. Seperti dilukiskan dalam *Sejarah Melayu*:

Sultan Muhammad Syah itu selama di atas kerajaan terlalu adil baginda pada memeliharakan segala manusia. Maka negara Melaka pun besarlah, dan jajahan Melaka pun banyak, yang arah ke barat hingga Beruas Ujung Karang, arah ke timur had Terengganu. Maka masyhurlah pada segala negeri dari bawah angin datang ke atas angin bahawa negeri Melaka terlalu besar lagi dengan makmurnya, dan rajanya daripada bangsa Raja Iskandar Zulkarnain, pancar Raja Nusyirwan Adil, raja masyrik dan maghrib... Maka segala dagangan atas angin dan bawah angin sekaliannya datang ke Melaka; terlalu ramai bandar Melaka pada zaman itu. Maka oleh segala orang Arab dinamainya Malakat, ertinya perhimpunan segala dagang, kerana banyak jenis dagangan ada di sana. Dan segala orang besar-besar pun sangat saksama (halaman 61; tegasan ditambah).

Kebesaran Melaka ini diteruskan di bawah pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansor Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah. Tentang Sultan Muzaffar Syah, pengarang *Sejarah Melayu* menulis:

[T]erlalu baik fiel baginda, dengan adil dan murah dan saksama pada memeriksa segala rakyat; dan ialah menyuruh membuat undang-undang supaya jangan lagi bersalahan adat segala hukum menterinya (halaman 66; tegasan ditambah).

Pada zaman itu, khususnya pada zaman Sultan Mansor Syah, bukan sahaja musuh tradisi Melaka seperti Siam dan Majapahit dapat didamaikan, bahkan Melaka dapat bersahabat dan bersekutu dengan Negara China. Pengarang *Sejarah Melayu* menceritakan Sultan Mansor Syah sebagai berikut:

[T]erlalu baik parasnya, serta dengan adilnya lagi murah; seorang pun raja-raja di dalam alam ini tiada sepertinya pada zaman itu (halaman 73; tegasan ditambah).

Dengan raja yang adil dan melaksanakan permuafakatan, negeri Melaka bersatu dan membesar dan rakyatnya dapat mengatasi pelbagai ujian dengan pintar. Kepintaran pembesar dan hulubalang Melaka seperti yang digambarkan oleh pengarang *Sejarah Melayu* dalam mematahkan pelbagai ujian muslihat raja Siam dan Betara Majapahit memang cukup mengkagumkan. Siam dapat ditundukkan tanpa perang dengan pelbagai muslihat bijak pihak Melaka. Setelah berdamai dengan Siam, Sultan

Mansor menitahkan “Sekarang adalah tetap hati kita; seteru sudah menjadi sahabat” (halaman 80). Kebesaran dan kehebatan raja Melaka Sultan Mansor Syah turut diakui oleh Betara Majapahit yang telah mengenakan pelbagai muslihat dan ujian, tetapi semuanya dapat digagalkan oleh orang Melaka. Kerana itu baginda akhirnya menyimpulkan “Terlalu cerdik Raja Melaka ini daripada raja yang lain” (halaman 87), “Orang Melaka ini terlalu cerdik daripada segala orang negeri lain” (halaman 90) dan “Terlalu cerdik segala orang Melaka ini, tiada tersemu oleh kita” (halaman 91). Dengan kehebatan itu, Betara Majapahit bukan sahaja mengambil Sultan Mansor sebagai menantu dengan mengahwinkan baginda dengan Raden Galoh Cendera Kirana, bahkan Melaka dianugerahkan Inderagiri dan Siantan oleh Majapahit.

Kisah bagaimana Melaka dengan negara China menjadi bersahabat dan China mengakui Melaka sebagai kerajaan besar dan setaraf dengannya amat menarik untuk diteliti. Misalnya, taktik jarum yang sarat sebuah pilu untuk menunjukkan kebesaran Raja China yang di dalam surat perutusan baginda ke Melaka mengatakan “[T]iadalah raja di dalam alam ini yang lebih besar daripada kita, tiada siapapun tahu akan bilangan rakyat kita; dan daripada sebuah rumah sebilah jarum kita pintaki” dibalas dengan taktik biji sagu rendang yang diisi sarat dalam pilu (perahu) China itu untuk dibawa pulang kepada rajanya untuk menyatakan bilangan rakyat Melaka sama banyaknya dengan biji sagu rendang tersebut. Bukan itu sahaja, taktik sayur kangkung tidak berpotong digunakan oleh utusan Melaka sebagai peluang untuk melihat dengan jelas rupa paras maharaja China yang bersemayam di atas singgahsana.

Perkara paling penting yang dikisahkan dalam *Sejarah Melayu* ialah bagaimana pihak Melaka dapat mematahkan upaya Raja China untuk membuat Raja Melaka berdatang sembah kepada baginda dan mengakui China lebih besar daripada Melaka. Raja China bersetuju mengambil Raja Melaka sebagai menantu dengan menyerahkan puteri baginda Hang Li Po, tetapi niat baginda untuk mendapatkan Raja Melaka menghadap ke China dengan alasan untuk disandingkan dengan puteri itu di sana dapat digagalkan. Utusan Melaka dengan bijak menyatakan Raja Melaka tidak dapat meninggalkan negeri kerana Melaka dalam permusuhan, dan meminta Puteri Hang Li Po dibawa sahaja balik ke Melaka, diislamkan dan dikahwinkan di sana. Selain itu, Raja China dikisahkan pula sebagai menderit gatal dan kedal terkena tulah Raja Melaka dan penyakit itu hanya sembuh setelah maharaja China meminum dan mandi air basuh kaki raja Melaka.

Perlu ditegaskan bahawa semua wacana di atas dalam *Sejarah Melayu* adalah wacana kuasa yang ditulis dari sudut kepentingan Kerajaan Melaka, dan memang agak meremehkan kerajaan lain, iaitu Siam, Majapahit dan China. Akan tetapi, yang penting ialah Melaka dapat berdiri tegak, besar, kuat dan dihormati negara-negara tadi kerana kuasa di tangan Raja Melaka dilaksanakan dengan adil dan saksama, raja, pembesar dan rakyat bersatu dan bermuafakat, dan orang Melaka menjadi kreatif dan bijak untuk memelihara kepentingan Melaka dan mengembangkan pengaruhnya. Yang sama pentingnya ialah prinsip adil dan muafakat dalam pemerintahan ini dapat dilaksanakan sekiranya raja dan pembesar mempunyai akhlak dan budi pekerti yang baik yang berlandaskan syarak.

Seperti dikisahkan dalam *Sejarah Melayu*, apabila prinsip waad tentang keadilan dan permuafakatan dilanggar, akhlak raja dan pembesar rosak, pemerintahan dijalankan dengan tidak adil dan didorong oleh hawa nafsu, maka keadaan sebaliknya berlaku. Hal ini jelas terbukti dalam peristiwa kejatuhan Tamasik dan Melaka.

Pengajaran daripada Kejatuhan Tamasik (Singapura)

Sejarah Melayu menunjukkan kebangkitan Singapura dan kejatuhannya, kemudian kebangkitan Melaka dan kejatuhannya. Singapura dibuka oleh Sang Nila Utama, anak Sang Sapurba di Bukit Siguntang, yang dikatakan keturunan Raja Iskandar Zulkarnain, raja segala raja. Kerajaan Singapura pada awalnya tidak dapat ditewaskan oleh kuasa luar seperti Majapahit, negeri Keling dan Perlak walaupun raja negara-negara berkenaan menggunakan pelbagai muslihat untuk menundukkan Singapura. Seperti dikisahkan dalam cetera kelima *Sejarah Melayu*, apabila Betara Majapahit mengirim sekeping tatal tujuh depa panjang yang tidak putus dan dibentuk seperti subang, memberi isyarat bahawa raja Singapura seperti perempuan dan lebih rendah daripada raja Majapahit, raja Singapura membalasnya dengan memanggil *pandai* menarah rambut di kepala seorang budak dengan kapak sampai licin di hadapan utusan Majapahit, sehingga Betara Majapahit terpaksa mengaku kehebatan raja Singapura. Cetera keenam pula mengisahkan bagaimana pahlawan Singapura, Badang, mengalahkan pahlawan dari benua Keling, Nadi Bijaya Pikrama, dalam pertandingan mengangkat batu, dan mengalahkan Benderang, pahlawan dari negeri Perlak, dalam gusti paha semasa jamuan. Peristiwa ini menyebabkan raja negeri Keling dan raja Perlak juga terpaksa mengaku kehebatan raja Singapura.

Akan tetapi, apabila raja menyalahgunakan kuasanya, memerintah dengan zalim dan melanggar waad, kerajaan Singapurapun runtuh. Seperti dikisahkan dalam cetera kesepuluh, kebinasan Singapura berpunca daripada dalam; ia disebabkan oleh kebodohan, keangkuhan dan kezaliman yang berada pada raja yang memegang kuasa. Hakikat ini ternyata daripada tindakan raja Singapura Paduka Seri Maharaja yang memerintahkan supaya dibunuh Tun Jana Khatib yang dikatakan menunjuk kehandalannya di depan permaisuri; dan supaya dibunuh budak pintar yang menyelamatkan Singapura daripada serangan todak kerana mempercayai hasutan menteri yang mengatakan budak itu apabila besar nanti akan merampas kuasa raja.

Tindakan terakhir yang membawa retak menjadi belah, yakni kekalahan Singapura kepada Majapahit ialah pembelotan Sang Rajuna Tapa, bapa mertua raja. Sang Rajuna Tapa berbuat demikian dan memberontak terhadap raja kerana raja mengaibkan keluarganya. Raja yang mempercayai fitnah konon anak Sang Rajuna Tapa yang menjadi isteri baginda berlaku curang telah memerintahkan isterinya itu disula. Sang Rajuna Tapa tidak dapat menerima pengaiban ini. Seperti dikatakannya, “Jika sungguh sekalipun anak hamba berbuat jahat, bunuhlah saja; mengapakah diberinya malu demikian?” (halaman 52). Ini mengingatkan kita kembali kepada salah satu prinsip dalam waad di Bukit Siguntang, iaitu raja sekali-kali tidak boleh menghina atau memalukan rakyatnya.

Pengajaran daripada Kejatuhan Melaka

Melaka jatuh kerana sebab yang sama, iaitu prinsip keadilan dan permuafakatan tidak dihormati oleh raja, raja mempunyai akhlak yang buruk dan mudah mempercayai fitnah, manakala pembesar pula suka menonjolkan kebesaran, bermewah-mewah dan berpuak-puak. Bahkan cetera ke-26 hingga cetera terakhir iaitu cetera ke-34 yang mengisi halaman 136 hingga 239 (lebih 40 peratus daripada seluruh buku ini) tertumpu kepada Kerajaan Melaka pada hujung zaman kebesarannya serta kejatuhan Melaka di bawah Sultan Mahmud dan beberapa peristiwa selepas itu termasuk pembukaan negeri Johor.

Sultan Mahmud Syah memang digambarkan dengan buruk dalam *Sejarah Melayu*. Apakah gambaran ini terpengaruh sedikit sebanyak oleh hakikat bahawa pengarangnya, Bendahara Tun Seri Lanang, ialah piut Bendahara Seri Maharaja yang dibunuh oleh Sultan Mahmud tidak

timbul di sini. Dalam cetera-cetera lebih awal, misalnya ketika menceritakan kejatuhan Singapura, pengarang juga melukiskan kezaliman rajanya dan betapa raja telah melanggar prinsip keadilan dan kebijaksanaan. Tumpuan yang lebih besar dalam buku ini diberikan kepada Sultan Mahmud adalah wajar kerana baginda bertanggungjawab atas kejatuhan Melaka, kerajaan Melayu terbesar dalam sejarah. Patut diperhatikan juga bahawa pengarang secara tidak langsung mengkritik Bendahara Seri Maharaja, khususnya gaya hidup Bendahara yang amat kaya. Misalnya, Bendahara menganggap kekayaannya begitu banyak sehingga 'datang kepada anak cucuku memakan dia tiada akan habis.' Selain itu, Bendahara suka menunjuk-nunjukkan harta, contohnya, berbanding emas dengan Raja Mendeliar dan memanja-manjakan anak cucunya dengan memberikan mereka segenggam emas seorang untuk bermain dan menggantikannya apabila emas itu hilang.

Seperti diterangkan dalam *Sejarah Melayu*, Sultan Mahmud ialah seorang yang tidak dapat mengawal nafsunya dan seorang kaki perempuan. Tindakannya menghukum bunuh Bendahara Seri Maharaja dan keluarganya tanpa usul periksa ialah kerana baginda berdendam dengan Bendahara Seri Maharaja yang tidak mempersembahkan Tun Fatimah menjadi permaisuri baginda, lalu dengan mudah sahaja baginda termakan fitnah bahawa Bendahara hendak merampas kuasa. Tindakan baginda menghantar rombongan untuk meminang Puteri Gunung Ledang dan kesanggupan baginda untuk memenuhi semua syarat pinangan yang dikenakan puteri itu kecuali semangkuk darah puteranya, Raja Ahmad, menunjukkan baginda sudah hilang segala pertimbangan waras — asalkan dapat memenuhi nafsu sendiri, penderitaan rakyat usah dipedulikan. Dan apabila Portugis datang menyerang, raja, pembesar dan rakyat Melaka sudah berpuak-puak, dan tidak dapat digemblengkan, dengan demikian, Melaka mudah sahaja dikalahkan oleh angkatan laut Portugis.

Memang terdapat suara dan tanda tentangan terhadap kerakusan Sultan Mahmud. Dalam peristiwa Sultan Mahmud bermain dengan isteri Tun Biajid, kata-kata Tun Biajid di hadapan baginda bahawa jikalau baginda bukan sultan, "jika tiada lembing ini kutumbukkan di dada bukannya hamba anak laki-laki" (halaman 143) menunjukkan suara tentangan itu. Tingkah laku Seri Dewa Raja yang tidak mematuhi arahan Sultan Mahmud dengan sengaja melengah-lengahkan masuk menghadap apabila dipanggil, dan bahkan membunuh Tun Isap sekalipun Sultan Mahmud memberikan isyarat dengan mengikat tangannya dengan daster raja supaya dia tidak diapa-apakan oleh Tun Isap, adalah tanda bantahan. Tindakan Maulana

Yusuf menutup pintu pagar halaman rumahnya apabila Sultan Mahmud yang datang bergajah untuk berguru dengannya, tetapi membuka pintu apabila baginda datang pada malam hari sebagai 'Fakir Mahmud', merupakan tindakan untuk menampelak sultan yang bejat akhlaknya dan mementingkan kebesarannya. Tindakan Puteri Gunung Ledang mengenakan pelbagai syarat yang sudah pasti tidak dapat ditunaikan oleh Sultan Mahmud sekalipun dia seorang raja yang besar dan berkuasa, adalah lambang protes yang halus terhadap kerakusan baginda. Memang benar apabila Sultan mengeluarkan perintah membunuh Bendahara Seri Maharaja, Tun Hassan Temenggong dan pengikutnya hendak memberontak, tetapi ditegah oleh Bendahara dengan alasan "adat Melayu, tiada pernah durhaka". Walaupun pemberontakan tidak berlaku, tetapi kezaliman raja telah mendesak rakyat baginda kepada suatu titik yang nyaris-nyaris mencetuskan pemberontakan.

Semua wacana di atas adalah suara bantahan terhadap kuasa raja yang memerintah tanpa menurut prinsip keadilan, permuafakatan dan kebijaksanaan yang termaterai dalam waad. Perkara ini menunjukkan batasan kuasa tersebut kerana pembesar dan rakyat membantah kuasa itu. Tetapi cabaran terhadap kuasa seseorang raja tidak membabitkan institusi beraja yang masih tetap dijunjung. Kerana Bendahara Seri Maharaja dan pengikutnya menerima institusi beraja sebagai sesuatu yang absah, maka beliau dan pengikut-pengikutnya menerima hukuman itu dan mencegah pemberontakan terhadapnya. Sekiranya pemberontakan berlaku, Melaka akan huruhara dan menjadi lebih lemah. Dilihat dari sudut ini, tindakan Bendahara yang rela mengorbankan diri demi kesinambungan institusi beraja memang mempunyai hikmatnya pada zaman itu kerana pemberontakan terhadap institusi tersebut pada masa itu akan lebih mempercepat Melaka jatuh ke tangan musuh, iaitu Portugis. Namun harga yang dibayar oleh beliau dan orang-orangnya amat besar dan tidak dapat ditebus kembali.

Dalam *Sejarah Melayu*, pengarang menyatakan di beberapa tempat bahawa Sultan Mahmud amat menyesal akan tindakan baginda membunuh Bendahara setelah diketahuinya bahawa Bendahara adalah mangsa fitnah. Namun, tindakannya sudah terlanjur dan padah buruk daripada tindakannya tidak dapat dielakkan lagi. Sebagai menyatakan kekesalannya, baginda mengambil langkah wajar, iaitu meletakkan jawatan dengan turun takhta dan berpindah ke hulu Melaka manakala urusan kerajaan diserahkan kepada puteranya, Raja Ahmad, yang bergelar Sultan Ahmad. Akan tetapi Sultan Ahmad bukanlah seorang raja yang bijak, "tiada kasih akan

segala hulubalang dan orang besar-besar”, yang dikasihinya orang-orang tertentu sahaja, dan baginda tidak pandai memimpin panglima dan hulubalang Melaka serta tidak pandai mengobarkan semangat mereka untuk menghadapi peperangan dengan Portugis. Oleh sebab itu, Melaka dapat dikalahkan dengan mudah oleh musuh, raja bersama rakyatnya terpaksa berundur sehingga hilanglah Melaka sebagai negara, cuma yang tinggal ialah jajahan takluk Melaka.

Kesimpulan

Memang banyak sekali pengajaran yang dapat ditimba daripada *Sejarah Melayu* yang berkisar di sekitar persoalan negara dan kekuasaannya yang boleh direnungi dalam persoalan negara dan bangsa pada zaman moden. Kuasa yang dilaksanakan secara adil, saksama dan bijak akan memakmurkan negara dan rakyat; kuasa yang digunakan dengan zalim, bodoh dan tanpa usul periksa serta mempercayai fitnah akan membawa padah sebaliknya. Kesepaduan trisakti, iaitu antara raja dengan pembesar dan rakyat, amat penting kerana dengan itu barulah negara menjadi kuat. Kesepaduan mereka itu haruslah berlandaskan waad atau persetujuan yang dibuat dan menjadi landas bagi kewujudan dan kesinambungan negara Melayu. Pada hari ini, semangat waad tersebut terkandung di dalam Perlembagaan negara dan perlu dihormati dan dilaksanakan.

Meneliti *Sejarah Melayu* dengan memahami tujuan atau rasional Tun Seri Lanang menulisnya memang berguna bagi kita memahami makna di sebalik pelbagai kisah dan peristiwa dalam karya ini. Pelbagai tokoh dan peristiwa yang beliau kisahkan tidak diselitkan secara sembarangan melainkan untuk memenuhi tujuan beliau mengarang, iaitu “supaya diketahui oleh segala anak cucu ... (dan) beroleh faedahlah ia daripadanya”. Karya ini jelas bukan sebuah teks sejarah dalam ertikata hari ini, walaupun ia mengandungi banyak fakta, peristiwa dan tokoh sejarah terpenting Kerajaan Melaka yang boleh digunakan dan disahkan dengan membandingkannya dengan sumber-sumber lain. Menggunakan kata-kata Tun Seri Lanang sendiri, “Maka fakir namai hikayat itu *Sulalatus Salatin*, yakni peraturan segala raja-raja” yakni buku tentang pemerintahan beraja mengenai bagaimana harus mengamalkan kuasa agar dapat memberi pengajaran kepada mereka yang memegang kuasa kemudian. Sayangnya hikayat ini lebih dikenali dengan nama *Sejarah Melayu* sedangkan nama asalnya tidak langsung merujuk kepada sejarah orang Melayu. Daripada tujuan pengarang buku ini dan isinya, ia lebih

merupakan sebuah hikayat pengajaran sejarah, bukan sangat sebuah hikayat yang bertujuan mencatatkan fakta sejarah.

Bertolak daripada kerangka analisis ini, maka kita boleh mengerti mengapa beberapa peristiwa simbolik yang seakan-akan tidak masuk akal diselitkan sebagai unsur penting di dalam hikayat ini. Misalnya, Raja Melaka Sultan Mahmud sebagai manusia tentu tidak boleh berkahwin dengan Puteri Gunung Ledang, seorang pari. Akan tetapi, episod ini amat penting untuk menunjukkan nafsu tidak terbatas Sultan Mahmud dan bagaimana nafsu itu dilawan secara halus melalui syarat-syarat yang dikenakan oleh Puteri Gunung Ledang.

Pada bahagian awal hikayat ini, kita berdepan dengan peristiwa Sang Nila Utama kehilangan mahkota yang dicampakkan ke laut untuk menyelamatkan nyawa baginda yang perahunya sedang dipukul ribut dan gelombang dahsyat. Menurut akal biasa, tidak mungkin perahu baginda boleh timbul setelah mahkota dibuang. Akan tetapi pengarang menyelitkan peristiwa ini untuk menyampaikan pengajaran tertentu. Mahkota ialah lambang kuasa raja tetapi ia terpaksa dibuang untuk menyelamatkan nyawa raja. Tidakkah ini satu mesej halus tentang hubungan antara manusia dengan kuasa, bahawa untuk menyelamatkan manusia, kuasa harus dibatasi kerana kuasa itu merosakkan pemegang yang tidak tahu menggunakannya dengan adil dan tidak mempunyai akhlak yang baik sebagai syarat mengendalikannya? Namun terdapat satu tafsiran lagi yang boleh diketengahkan. Sang Nila Utama yang kehilangan mahkota di laut selepas itu telah mendirikan Kerajaan Tamasik manakala anak cucunya pula membuka dan mendirikan Kerajaan Melaka yang kesemuanya akhirnya runtuh. Peristiwa simbolik kehilangan mahkota ini boleh ditafsirkan sebagai perlambangan awal tentang kesudahan akhir dinasti kerajaan keturunan Sang Nila Utama sekiranya tidak mematuhi waad.

Sesetengah pengkaji (misalnya, Sohaimi Abdul Aziz 1998) menganjurkan bahawa *Sulalatus Salatin* ialah sebuah karya metafiksiyen historiografik, sebuah karya pascamoden. Pada hemat saya, anggapan sedemikian bermasalah dari sudut teori dan juga metodologi. Tidak dinafikan memang terdapat dalam karya ini beberapa unsur seperti ideologi pengarang yang jelas; terdapat unsur kontradiktori; ada unsur sastera seperti mitos bersama-sama dengan unsur sejarah; tiada fokus yang jelas; dan terdapat naratif kecil, yang kesemuanya dianggap membolehkan karya ini digelar karya pascamoden. Akan tetapi, sekiranya kita menggunakan perspektif pascamoden, kita perlu menyedari bahawa salah

satu pendirian prinsipnya ialah pascamodenisme menolak dengan tegas metanaratif dan logosentrisme serta melancarkan kritikan keras terhadap keangkuhan modeniti dan kegagalannya (lihat bab 8). Pertama-tama, *Sulalatus Salatin* memang tidak mengkritik modenisme dan keangkuhannya. Perkara yang dikritiknya ialah keangkuhan dan kesembarangan kuasa absolutisme raja. Dialognya bukan dengan modeniti, tetapi dengan absolutisme. Dari segi ini, suara pengarang ialah suara pencerahan, suara akal dan kerasionalan. Berhubung dengan soal kuasa pula, ahli teori pascamoden Michel Foucault, misalnya, menganjurkan the *micropolitics of power* (kuasa politik mikro), yakni memasukkan 'suara kecil', dan Jacques Derrida menganjurkan *decentering* (nyahpusat, atau menolak pusat dan menganjurkan suara pinggir). Memang dalam *Sulalatus Salatin*, pengarang mengemukakan naratif kecil dan suara pinggir. Akan tetapi, apakah beliau menolak metanaratif atau naratif besar? Jawabannya tidak! Posisi suara kecil dan suara pinggir yang dikemukakan beliau diletak secara berbaringan dengan suara besar dan suara pusat (yakni metanaratif). Dalam karya ini, suara kecil dan suara pinggir dengan pelbagai cara, telah mengkritik individu raja yang zalim dan kuasa raja yang disalahgunakan (khususnya Sultan Mahmud Syah). Akan tetapi, karya ini tidak menolak institusi beraja, yakni 'kuasa pusat' yang merupakan naratif besar. Ini bermakna pengarang *Sulalatus Salatin* mengakui keabsahan institusi kuasa pusat (yakni prinsip logosentrisme); cuma yang diminta ialah naratif besar perlu disepadukan dengan naratif kecil dan naratif pinggir. Ini bermakna kuasa raja perlu dilaksanakan dengan keadilan, permuafakatan dan kebijaksanaan, berlandaskan waad dan prinsip trisakti, iaitu gabungan raja, pembesar dan rakyat. Dari sudut pandangan ini, agak sukar bagi kita menerima pandangan yang menganggap karya ini sebuah karya pascamoden. Ia lebih wajar dianggap karya historiografi tradisional yang menyuarakan kedua-dua naratif kecil dan metanaratif.

Transformasi Sosiobudaya dan Politik serta Peningkatan Daya Saing Negara-bangsa

Pengenalan

Pelbagai negara di dunia hari ini sedang mengalami proses globalisasi yang amat pantas dan mendalam yang menjadikan negara-negara itu semakin terangkum dalam sistem ekonomi global yang berintegrasi sifatnya. Globalisasi mempunyai dampak yang berbeza-beza bergantung kepada kedudukan sesebuah negara. Bagi negara maju dan kuat, globalisasi membuka peluang-peluang baru yang menguntungkan dalam pelbagai segi daripada ekonomi, teknologi dan perdagangan hinggalah kepada budaya dan pendidikan. Namun, dampak ke atas negara yang sedang membangun mungkin berlainan sama sekali. Seperti ternyata dalam kegawatan pasaran mata wang dan ekonomi yang dialami oleh pelbagai negara Asia Tenggara dan Asia Timur pada 1997-98, di bawah dampak globalisasi, negara-negara ini digugat oleh gerak kuasa yang berlawanan yang mendobrak dari dua sudut. Dari atas, negara itu didobrak oleh gerak kuasa global yang mengenakan pelbagai tekanan ke atasnya seperti tekanan liberalisasi pasaran kewangan, perdagangan dan lain-lain yang boleh menjejaskan kedaulatan dan keutuhan negara dalam pelbagai segi khususnya dalam segi pembuatan keputusan; dari bawah pula, ia digugat oleh gerak kuasa sentrifugal dalaman yang menjejaskan kesepaduan negara-bangsa. Kegawatan sedemikian akhirnya boleh memperlemah kedudukan negara-negara tersebut dari segi daya saingnya di arena antarabangsa.

Di bawah dampak globalisasi yang begitu mencabar, pelbagai negara perlu memberi tindak balas secara positif dan proaktif. Salah satu strategi proaktif dan positif dalam arus globalisasi kini ialah memulihkan dan terus menerus meningkatkan daya saing negara berkenaan dalam pelbagai segi. Peningkatan daya saing ini adalah prasyarat mutlak bagi menjamin

kedudukan setiap negara dan masyarakat yang sedang membangun, termasuk Malaysia yang berhasrat menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Bab ini akan membuat sedikit perenungan mengenai pokok persoalan meningkatkan daya saing ini daripada sudut transformasi sosiobudaya dan politik berdasarkan pengalaman Malaysia.

Saya kira kita semua menerima hakikat bahawa dimensi sosiobudaya dan politik bukan semata-mata sebagai pelengkap kepada dimensi ekonomi dan teknologi, tetapi lebih penting lagi, ia adalah pemangkin yang kuat bagi mendorong transformasi ekonomi dan teknologi. Namun, sosiobudaya dan politik bukan semata-mata bersifat instrumentalis bagi mendorong iklim persaingan, malah ia menjadi satu matlamat yang hendak dicapai dalam ertikata hari depan masyarakat dan manusia perlu dibangun dengan nilai budaya yang halus dan murni, politik yang menghormati kebebasan dan keharmonian serta peradaban baru yang tinggi dan maju bagi dinikmati semua orang.

Bab ini terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, satu sorotan ringkas ke atas transformasi sosiobudaya dan politik di Malaysia yang telah berlaku sejak kemerdekaan pada 1957 sehingga kini, khususnya dalam tempoh tiga dasawarsa yang lepas untuk menyingkapkan faktor-faktor utama yang meningkatkan daya saing ataupun iklim kompetitif Malaysia di arena serantau dan antarabangsa. Kedua, perbincangan mengenai beberapa cabaran besar yang dihadapi Malaysia kini dan masa mendatang untuk terus mengekalkan daya saingnya pada abad ke-21, khususnya dalam mengisi cita-cita Wawasan 2020. Tumpuan perbincangan ini ialah kepada dimensi sosiobudaya khususnya pendidikan tinggi.

Transformasi Sosiobudaya dan Politik

Sejak kemerdekaan sehingga kini, Malaysia telah mengalami proses transformasi yang besar, khususnya hasil pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990) yang merupakan satu rekayasa atau kejuruteraan sosial di samping pelaksanaan perindustrian berorientasikan eksport yang dilaksanakan sejak awal 1970-an. Dari segi ekonomi, Malaysia telah berubah daripada negara yang berasaskan ekonomi pertanian dan pengeluar bahan mentah kepada ekonomi yang berasaskan industri dengan membina sektor pembuatan dan perkhidmatan yang besar. Dilihat secara statistik, kalau pada 1970, sektor primer (pertanian dan perlombongan) menyumbangkan sebanyak 44.3 peratus kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK), pada 1995, sumbangan sektor ini telah

mengecil kepada 20.5 peratus, dan dijangka akan mengecil lagi kepada 15.5 peratus pada tahun 2000. Di pihak lain, sektor sekunder dan tertiar yang secara bersama menyumbangkan hanya 55.7 peratus pada 1970, telah meningkatkan sumbangannya kepada 79.5 peratus pada 1995 dan 84.5 peratus menjelang 2000.

Seiring dengan perubahan struktural tersebut, terdapat transformasi mendalam dari segi pola pekerjaan dan struktur kelas dalam masyarakat Malaysia dengan peratusan golongan pekerja kolar putih termasuk pekerja ilmu semakin meningkat manakala pekerja pertanian sudah mengecil beberapa kali ganda. Kalau pada 1970 sebelum pelaksanaan DEB, bilangan pekerja pertanian menjadi golongan terbesar berjumlah sebanyak 62.3 peratus, pada 1995 peratusannya mengecil sebanyak tiga kali ganda menjadi 21 peratus manakala pada tahun 2000, ia dijangka merosot lagi kepada 16.4 peratus. Namun pada sisi yang lain, golongan pekerja profesional dan teknikal serta pentadbiran dan pengurusan — golongan yang dianggap sebagai kelas menengah baru dalam masyarakat Malaysia — telah meningkat hampir tiga kali ganda selama tiga dasawarsa ini daripada 5.9 peratus pada 1970 kepada 13 peratus pada 1995 dan 15.3 peratus pada tahun 2000. Dalam pada itu, golongan pekerja kolar biru yang menjadi tunjang kepada sektor pengeluaran perkilangan juga telah meningkat daripada 27.3 peratus pada 1970 menjadi 32.2 peratus pada 1995 dan 33.6 peratus pada tahun 2020.

Pada masa yang sama, transformasi ekonomi dan pola pekerjaan ini turut merombak besar-besaran komposisi etnik dalam pola pekerjaan dan struktur kelas masyarakat Malaysia menurut rancangan rekayasa sosial DEB yang mahu menghapuskan identiti fungsi ekonomi dan pekerjaan menurut ciri etnik tertentu. Melalui transformasi ini, etnik Melayu dan Bumiputera lainnya yang dahulunya ialah masyarakat petani, kini telah menjadi masyarakat bandar dan terlibat dalam semua sektor pekerjaan bersama-sama etnik Tionghua, India dan lain-lain. Mereka menjadi tenaga penting di kalangan pekerja profesional dan pengurusan, serta menjadi bilangan terbesar di kalangan pekerja kolar biru. Secara politiknya, kalau pada akhir 1960-an, situasi gawat dan tidak stabil melanda Malaysia diakibatkan hubungan etnik yang memburuk sehingga mencetuskan rusuhan pada 1969, penggantungan parlimen dan pemerintahan Darurat selama lebih setahun, tetapi dalam tiga dasawarsa lebih ini, telah terdapat transformasi besar di mana wujud perpaduan nasional yang lebih baik manakala psikologi penduduk sudah berubah yang membawa peningkatan dan pengukuhan semangat saling mempercayai antara pelbagai etnik.

Kegawatan ekonomi yang baru berlangsung tidak menjejaskan hubungan antara kaum. Situasi baru ini menyumbang secara positif kepada proses pembinaan nasyon dan pengukuhan negara-bangsa yang lebih mantap. Apa yang tercapai dalam tiga puluh tahun lebih yang lampau meningkatkan daya saing Malaysia sebagai sebuah negara baru yang sedang pesat mengindustri.

Salah satu unsur terpenting dalam transformasi sosiobudaya yang meningkatkan iklim kompetitif Malaysia selama ini ialah peningkatan tahap pendidikan, perubahan nilai sosiobudaya dan strategi pemerintah yang memastikan penyesuaian dengan keperluan perindustrian dan modenisasi dalam konteks globalisasi.

Perindustrian dan modenisasi di Malaysia selama lebih tiga dasawarsa ini didukung oleh golongan pekerja profesional dan pengurusan yang semakin membesar di tingkat atas dan pertengahan serta pekerja kolar biru di tingkat dasar. Ciri utama pekerja profesional dan pengurusan ini ialah taraf pendidikan mereka yang tinggi dengan memiliki kelayakan tingkat universiti atau kolej dari dalam dan juga luar negara. Mereka berupaya mengisi jawatan-jawatan penting di sektor swasta dan awam dengan menjadi pengurus dan profesional lainnya di syarikat Malaysia dan syarikat multinasional. Sementara itu, pekerja kolar biru di pelbagai industri juga adalah pekerja yang mempunyai pendidikan sehingga tingkat menengah, dengan demikian membolehkan mereka menjadi penyumbang kepada proses perindustrian Malaysia.

Pertambahan bilangan pekerja kolar putih, khususnya kolar putih tingkat tinggi, yang mempunyai kelayakan yang tinggi adalah hasil proses pendemokrasian sistem pendidikan termasuk pendidikan tinggi. Daripada memiliki hanya sebuah universiti iaitu Universiti Malaya sebelum tahun 1969, Malaysia kini mempunyai 17 buah institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) terdiri daripada 11 buah universiti, sebuah institut bertaraf universiti, serta lima buah politeknik.¹ Selain itu, Malaysia mempunyai institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang berkembang dengan pesat khususnya sejak akhir 1980-an dan awal 1990-an untuk menampung bilangan pelajar yang ramai. Dalam sektor swasta, terdapat lima buah universiti² serta hampir 600 buah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) bertaraf kolej yang sebahagiannya menjalankan program berkembar dan program ijazah luar dengan pelbagai universiti di luar negara, khususnya di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia. Pendemokrasian pendidikan tinggi dalam dua dasawarsa lebih ini telah meningkatkan bilangan pelajar tingkat tinggi (khususnya universiti) daripada hanya kira-kira 1.5 peratus

daripada seluruh kelompok umur 18-22 tahun pada 1970 kepada 17.4 peratus daripada seluruh kelompok umur yang sama pada hari ini. (Sekiranya pelajar Tingkatan Enam dan Matrikulasi diambil kira, peratusan itu meningkat kepada 21.4 peratus). Secara mutlaknyanya, bilangan pelajar universiti yang berjumlah 52,810 pada 1990 bertambah kepada 79,330 pada 1995 dan dijangka meningkat kepada 114,700 pada tahun 2000. Jumlah ini tidak termasuk bilangan pelajar di luar negara yang pada 1995 berjumlah 50,000 orang kerana kekurangan tempat di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan. Peratusan remaja dalam lingkungan umur tersebut yang berada di IPT di Malaysia kini masih rendah berbanding dengan pencapaian di negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Jepun, dan pencapaian beberapa negara jiran seperti Hong Kong, Singapura, Filipina dan Thailand.

Di peringkat pendidikan menengah pula, peratusan pelajar daripada kelompok umur 12-18 tahun telah meningkat daripada kira-kira 48 peratus pada 1980 menjadi kira-kira 60 peratus pada hari ini. Ini adalah peratusan yang tinggi berbanding negara-negara ASEAN yang lain, kecuali Singapura dan Filipina. Oleh sebab pendidikan menengah dan tinggi melibatkan sejumlah besar penduduk, maka bilangan mereka yang memiliki sijil, diploma dan ijazah sudah meningkat. Menurut perangkaan rasmi, daripada seluruh penduduk berusia 15 tahun ke atas, bilangan pemegang ijazah di Malaysia telah meningkat daripada hanya tiga peratus pada 1980 menjadi lima peratus pada 1991. Bagi pemegang diploma dan sijil pula, bilangan mereka juga meningkat daripada dua peratus pada 1980 menjadi lima peratus pada tahun 1991. Bilangan pemegang ijazah, diploma dan sijil ini dijangka akan meningkat dengan lebih pesat lagi pada masa mendatang.

Meningkatkan Iklim Kompetitif Cabaran Masa Mendatang

Perubahan yang amat penting dalam senario ekonomi Malaysia dan rantau ini pada masa mendatang ialah peralihan daripada ekonomi berintensif buruh seperti sekarang ini kepada ekonomi berintensif modal dan teknologi. Perubahan sedemikian dianggap amat perlu untuk membolehkan Malaysia menjadi negara maju seperti diungkapkan dalam Wawasan 2020. Untuk menjayakan peralihan ini, peningkatan kualiti sumber daya manusia amat kritikal oleh sebab satu-satunya sumber daya terpenting mana-mana negara ialah manusia. Oleh itu, peralihan ekonomi ke arah teknologi tinggi ini dengan tegas menuntut transformasi terus menerus dalam bidang

sosiobudaya khususnya bidang pendidikan dan kemahiran sumber daya manusia di Malaysia.

Dalam transformasi ini, terdapat sekurang-kurangnya enam cabaran besar yang perlu ditangani dengan berkesan oleh pihak pemerintah, kepimpinan universiti dan juga para sarjana di IPT.

Pertama, meneruskan proses pendemokrasian sistem pendidikan khususnya di tingkat tinggi. Pada masa ini, walaupun sistem pendidikan sudah mengalami pendemokrasian besar, namun ia masih berbentuk piramid yang menyebabkan wujudnya *bottleneck* di tingkat atas. Oleh itu, sistem ini ia tidak dapat memenuhi sebahagian besar permintaan yang begitu banyak daripada kalangan pelajar yang layak untuk memperoleh pendidikan tinggi. Di Malaysia, pemerintah telah menetapkan matlamat untuk menambah bilangan pelajar tingkat tinggi daripada kira-kira 17.4 peratus daripada kelompok umur 18-22 tahun yang terdapat pada hari ini kepada 40 peratus menjelang 2020, yakni satu peningkatan sebanyak empat kali ganda dalam lebih dua dasawarsa ini.

Kedua, memastikan penekanan yang lebih besar kepada pendidikan sains dan teknologi supaya selaras dengan peralihan ekonomi kepada teknologi tinggi. Ini dilakukan dengan menambah terus menerus bilangan pelajar sains dan teknologi berbanding dengan pelajar bidang ilmu sosial dan kemanusiaan menurut nisbah 60:40. Seiring dengan usaha penambahan bilangan pelajar sains dan teknologi berbanding dengan bidang kemasyarakatan dan kemanusiaan ini, soal bahasa penghantar di tingkat tinggi juga sangat penting diurus dengan baik. Sementara penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain sangat penting ditingkatkan, bahasa Melayu sebagai bahasa nasional harus terus dipertahankan sebagai bahasa penghantar dan juga alat pemersatu negara-bangsa.

Ketiga, memastikan supaya dalam iklim kompetitif ini, golongan yang lemah dan kurang berada tidak dipinggirkan ataupun dimangsakan. Ini bererti pelbagai pihak berkuasa harus memastikan bilangan pelajar pelbagai lapisan masyarakat lebih-lebih lagi pelajar daripada keluarga kurang berada juga mendapat peluang pendidikan tinggi, sekalipun kos pendidikan semakin meningkat. Di samping itu, keseimbangan etnik menurut perkadaran dalam penduduk negara juga perlu diwujudkan dalam komposisi pelajar.

Keempat, dalam mengusahakan kuantiti, cabaran terbesar yang harus ditangani ialah memastikan kualiti atau mutu pendidikan terus dipertahankan dan tidak terjejas oleh peningkatan bilangan pelajar. Tuntutan mempertahankan kualiti ini sangat perlu dipenuhi oleh IPTA dan lebih-

lebih lagi oleh IPTS. Hal ini menuntut penyediaan yang mencukupi dari segi fizikal dan tenaga pendidik yang layak dalam bidang yang diperlukan, di samping meningkatkan terus menerus komitmen, ilmu dan kaedah pedagogi tenaga pendidik baik yang sedia ada mahupun yang baru.

Kelima, memastikan terdapat keselarasan di antara perancangan para pembuat dasar tentang keperluan sumber manusia dengan keperluan sebenar pasaran. Masalah serius yang wujud kini ialah persepsi para perancang terhadap keperluan pasaran mungkin tidak mencerminkan tuntutan pasaran yang sebenar, ataupun tuntutan pasaran itu berubah-ubah dengan begitu pantas sehingga IPT tidak dapat menyesuaikan diri dengannya. Ini akan menimbulkan situasi penyediaan bekalan yang melebihi tuntutan pasaran kerja dalam bidang tertentu.

Keenam, memastikan etos pasaran yang meresapi sistem pendidikan kini tidak mengorbankan nilai yang lebih besar bahawa pendidikan adalah untuk kemajuan tamadun manusia itu sendiri. Untuk tujuan ini, perlu ada tindakan yang mengawal *credentialism*, iaitu kecenderungan mengejar sijil sebagai produk akhir dalam pendidikan dan mengaitkannya semata-mata dengan nilai pasaran sehingga melupakan bahawa pendidikan itu sesuatu yang perlu seumur hidup dan sesuatu yang baik dan bernilai. Pendidikan bukan semata-mata untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, tetapi ialah untuk pembinaan insan dan pembinaan peradaban. Oleh yang demikian, cabaran ini perlu ditangani dengan cara mengimbangi tuntutan ilmu yang bersifat jangka panjang dengan tuntutan latihan kemahiran untuk pasaran.

Daripada kesemua enam cabaran di atas, cabaran keempat, iaitu mengusahakan supaya peningkatan kualiti pendidikan dapat dipertahankan melibatkan para pensyarah secara khusus. Perubahan dalam dunia ilmu begitu pantas sehingga kadang-kadang tidak termampu bagi kita mengejar dan menguasainya. Kebiasaan di kalangan mana-mana kelompokpun ialah kecenderungan ke arah *inertia*, yakni kekal di tahap lama tanpa menyesuaikan diri dengan memanfaatkan perubahan yang berlaku. Kecenderungan *inertia* ini — yang juga terdapat di kalangan akademik — boleh diatasi hanya dengan meningkatkan komitmen terhadap ilmu sebagai komitmen seumur hidup. Dengan komitmen sedemikian, para pensyarah akan terus menerus mengemaskini dan mengayakan ilmu masing-masing dengan memanfaatkan perkembangan terkini dalam dunia ilmu untuk disampaikan kepada pelajar, komuniti ilmuan dan masyarakat melalui pelbagai wacana, penelitian dan penulisan. Sekiranya ilmu tidak dikemaskini dan terus diperkayakan, kewibawaan para sarjana sebagai

satu komuniti ilmuan akan terjejas, dan ini melemahkan daya saing institusi ilmu berkenaan dan juga sistem pendidikan negara itu sendiri.

Cadangan ini dapat diatasi dengan pelbagai kaedah pentadbiran dan bukan pentadbiran. Dari segi pentadbiran, sistem pemantauan yang berterusan, telus dan adil dengan memberi ganjaran kepada yang benar-benar layak adalah perlu. Namun, di kalangan para pensyarah pula, iklim wacana yang rancak sangat perlu diteruskan. Untuk tujuan ini, kerjasama serantau dalam bentuk pertukaran antara para pensyarah dan cendekiawan melalui program sarjana atau cendekiawan tamu, program penyelidikan bersama atas satu-satu projek terpilih di kalangan mereka dalam bidang kepakaran yang sama serta pakar lain yang berkaitan amat baik sekali ditingkatkan.

Kesimpulan

Sama ada semua ini dapat dilakukan dengan berkesan atau tidak bergantung kepada perencanaan strategik yang luwes serta iltizam politik yang teguh pihak pemerintah. Di samping itu, ia juga memerlukan iltizam politik dan sokongan tegas pelbagai peringkat lainnya termasuk kepimpinan universiti, sektor swasta, ibu bapa, para pensyarah dan pelajar sendiri.

Namun, perlu diambil ingatan bahawa sebahagian besar daripada rencana yang diatur untuk menangani cabaran di atas telah dilakukan dalam masa kedudukan ekonomi dan kewangan yang baik sebelum berlakunya kegawatan ekonomi pada 1997-98. Dalam situasi kegawatan itu, pemerintah Malaysia pada awal Disember 1997 telahpun mengumumkan beberapa langkah drastis yang mempunyai implikasi ke atas rencana transformasi sosiobudaya khususnya di sektor pendidikan. Antara langkah drastis itu ialah pemotongan peruntukan dana pemerintah untuk kegunaan awam berjumlah 20 peratus. Pemotongan ini memberi kesan tertentu ke atas rencana pembesaran universiti khususnya penyediaan prasarana IPTA. Di pihak lain pula, IPTA terpaksa memikul beban yang lebih berat kerana pemerintah juga sudah memutuskan untuk mengurangkan sebanyak 80 peratus bilangan pelajar yang dibenarkan menyambung pendidikan tinggi di luar negara kerana kosnya yang terlalu tinggi. Ini bererti IPTA dalam negara, khususnya IPTA, terpaksa menampung bilangan pelajar yang bertambah itu ke dalam institusinya. Hal ini menunjukkan bahawa perkembangan sistem pendidikan amat bergantung kepada kemajuan ekonomi negara. Dengan pemulihan ekonomi yang berlaku sejak pertengahan 1999, peruntukan untuk pendidikan perlu mendapat pertambahan sewajarnya.

Satu lagi perkara yang perlu diambil kira oleh pelbagai pihak ialah sekalipun krisis ekonomi sudah pulih, apakah masa depan pelajar-pelajar yang akan memasuki pasaran kerja itu terjamin? Apakah mereka semua akan dapat diserapkan ke dalam sektor swasta dan awam seperti yang dijanjikan? Apa yang perlu dipastikan ialah tenaga anak muda yang menerima pendidikan dan latihan di tingkat tinggi itu dapat diserapkan dalam pasaran pekerjaan, supaya *credential explosion* yang sedang berlaku kini tidak bertukar menjadi kegawatan sosial yang boleh menjejaskan kestabilan negara dan iklim kompetitifnya.

Di bidang politik pula, transformasi penting yang perlu terus dilakukan ialah pendemokrasian yang lebih luas dengan cara meningkatkan usaha mengatasi korupsi atau rasuah, karenah birokrasi, situasi ketidaktelusan, serta kurangnya pertanggungjawaban. Proses ini penting agar semua pihak dalam negara termasuk rakyat ramai dapat memberikan komitmen mereka dan bekerjasama dengan kepimpinan politik untuk menangani cabaran-cabaran besar di muka.

Namun, menghadapi dampak globalisasi dan meningkatkan iklim kompetitif ini secara satu negara sahaja adalah jauh daripada mencukupi. Sesebuah negara hanya dapat bersaing secara sihat sekiranya wujud kerjasama yang baik dengan pelbagai negara di rantainya dan juga di dunia. Dengan kata lain, persaingan perlu berlaku dalam kerangka mengeratkan kerjasama secara sama darjat dan saling menguntungkan dengan memanfaatkan kekuatan masing-masing. Dalam konteks ini, meningkatkan kerjasama serantau dalam kerangka ASEAN dari segi politik, ekonomi, perdagangan, pendidikan dan kebudayaan adalah satu mekanisme yang baik untuk bersama-sama meningkatkan iklim kompetitif masing-masing negara pada masa kini dan masa mendatang.

Nota

¹ Dua belas IPTA bertaraf universiti itu ialah Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia (dahulunya bernama Universiti Pertanian Malaysia), Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Perguruan Sultan Idris, Universiti Teknologi Mara dan Institut Teknologi Tun Hussein Onn.

² Lima buah universiti swasta ialah Universiti Tenaga Nasional, Universiti Petronas, Universiti Multimedia, International Medical University (IMU) dan University of Monash (Sunway Campus) yang sudahpun beroperasi. Dua buah lagi universiti iaitu Universiti Sains dan Teknologi serta Universiti

Antarabangsa dan Komanwel sedang berada dalam perancangan. University of Nottingham juga membuka kampus cawangannya di Malaysia pada tahun 2000.

Nilai, Pendidikan dan Pembinaan Negara-bangsa

Pengenalan

Sebagai sebuah negara yang membangun dengan pantas, Malaysia kini sedang melaksanakan strategi perindustrian dan pemodenan yang pesat dalam usaha menjadi sebuah negara industri maju menjelang tahun 2020. Seiring dengan ekonomi Malaysia menjadi lebih berintegrasi dalam sistem ekonomi dunia yang begitu global sifatnya, masyarakat Malaysia juga sedang mengalami transformasi yang pesat di jalan pemodenan. Bidang pendidikan telah dikenalpasti sebagai wahana utama untuk membolehkan peralihan ini berlaku dengan berkesan dan juga dalam mencorak pembentukan negara-bangsa. Sungguhpun demikian, satu ciri penting yang muncul dalam proses peralihan atau transformasi ini ialah pertarungan yang tajam antara hubungan komuniti bersama budaya dan nilai lama yang sudah mantap di satu pihak, dengan hubungan sosial bersama budaya dan nilai baru yang bersifat kontraktual dan ditentukan oleh kuasa pasaran yang begitu berpengaruh di pihak lain. Pertarungan nilai ini juga tercermin dalam pelbagai bentuk di semua bidang, termasuk pendidikan. Dalam keadaan demikian, satu wacana yang serius tentang persoalan pertarungan nilai ini — sama ada nilai universal, nasional mahupun setempat — khususnya yang membabitkan bidang pendidikan negara Malaysia adalah sangat relevan dan perlu. Dalam bab ini, saya akan berusaha membuat sedikit perenungan tentang persoalan budaya, nilai dan pendidikan umum dalam konteks globalisasi dan perubahan sosial yang pesat, pertarungan antara pelbagai set nilai yang berlawanan dalam pembentukan negara-bangsa serta kaitannya dengan pendidikan umum.

Pendidikan dan Nilai

Para pakar dan pendidik telah banyak melakukan perdebatan tentang corak dan isi pendidikan bagi generasi muda dalam masyarakat yang

pesat berubah, termasuk Malaysia dan peranannya dalam pembinaan negara-bangsa. Perdebatan ini meletus di sekitar persoalan kunci iaitu bagaimanakah harus kita wujudkan keseimbangan antara matlamat jangka pendek dan praktikal untuk melahirkan individu dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran tertentu bagi membolehkan mereka memasuki pasaran pekerjaan di satu pihak, dengan matlamat jangka panjang yang lebih besar dan luas dalam pengisian negara-bangsa, iaitu melahirkan warganegara yang seimbang dan menyeluruh perkembangannya, yang bukan sahaja memiliki pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga memiliki sistem nilai yang unggul dan akhlak yang mulia. Individu sedemikian seharusnya mendapat pendidikan yang sempurna, mempunyai visi dan misi dalam hidup, dengan ilmu pengetahuan yang tidak sempit atau sehalu, tetapi pendidikan yang mempunyai asas yang luas dan melampaui bingkai disiplin pengkhususannya. Matlamat segera jangka pendek untuk melahirkan individu dengan pengetahuan dan kemahiran nyata sekali adalah bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan, manakala matlamat jangka panjang yang lebih luas menyentuh bukan sahaja isu melahirkan tenaga kerja terdidik, mahir dan berdisiplin, tetapi sama pentingnya, melahirkan individu yang selaras dengan tujuan pembinaan insan, pembina kewarganegaraan dan negara-bangsa, serta pembangunan sebuah tamadun yang moden dan penuh insani. Untuk membina sebuah masyarakat dan negara-bangsa Malaysia dengan tamadun yang moden, kita perlu menangani kedua-dua matlamat ini secara serentak tanpa membenarkan matlamat jangka pendek mengorbankan matlamat jangka panjang yang lebih unggul.

Pendidikan individu ialah sebahagian daripada proses sosialisasi sepanjang hayat, yang melibatkan bukan semata-mata persoalan menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga penyuntikan nilai. Nilai-nilai sejagat tentang kemanusiaan atau keinsanan, iltizam terhadap kepentingan bersama dan keprihatinan terhadap orang lain khususnya mereka yang terpinggir dan kurang bernasib baik, akhlak yang murni, kecintaan terhadap ilmu dan kemajuan, kecintaan terhadap sesama manusia dan sesama warganegara, keadilan sosial, serta kebebasan daripada kekejaman, penindasan dan kelaparan, dan lain-lain merupakan sebahagian daripada prinsip khazanah tidak ternilai yang terdapat dalam darjah yang berbeza-beza dalam semua tamadun besar dunia. Khazanah ini perlu dipelihara dan dikembangkan melalui sistem pendidikan negara dan juga cara-cara lain.

Sebagai institusi yang bertanggungjawab menghasilkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan, serta sebagai penjaga nilai-nilai

peradaban, universiti mestilah menjadi sebuah gedung bagi percambahan minda yang dengan tegas menjunjung tinggi nilai-nilai luhur di atas. Misi universiti ialah menghasilkan individu yang seimbang dan berpendidikan luas yang dilengkapi dengan akhlak mulia, manakala visinya pula ialah mencapai kecemerlangan dalam bidang ilmu dan sentiasa berusaha menembusi perbatasan ilmu. Dalam usahanya mencapai kecemerlangan akademik, sesebuah universiti seharusnya menggalakkan dan memelihara tradisi yang mendorong pembentukan golongan ilmuan yang menerajui bidang pemikiran serta mampu menjadi *frontier thinkers*. Dengan demikian, universiti berkenaan akan sentiasa dikenang dengan penuh mesra sebagai *alma mater* oleh mereka yang telah melalui sistem pendidikannya, manakala universiti pula dapat memandang dengan penuh rasa bangga siswazah-siswazahnya yang menempa nama dan mencapai kejayaan serta menjadi warganegara dan warga dunia yang mulia dan berjasa.

Nilai-nilai dan cita-cita di atas memang universal sifatnya dalam ertikata semua masyarakat dan tamadun, khususnya pada zaman moden kini, memelihara dan menjunjungnya. Akan tetapi set nilai dan cita-cita ini juga mempunyai sifat nasional dan setempat, dalam ertikata ia juga dipegang dan diperjuangkan oleh orang terbanyak, sungguhpun artikulasi mereka mungkin tidak sehalus berbanding dengan artikulasi golongan pakar dan pendidik. Tidak kira apa juga kedudukan sosial orang terbanyak tersebut, sama ada seorang bapa yang menjadi nelayan, seorang ibu yang menjadi penjaja, seorang abang yang menjadi pekerja kilang, ataupun mana-mana ibu bapa dan saudara tua dalam sesebuah keluarga semua kaum (Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan Orang Asli), mereka akan sentiasa mengimpikan anak-anak ataupun adik-adik mereka supaya membentuk akhlak yang baik dan mendapat pendidikan yang tinggi, yang kelak akan berusaha menjaga nama baik keluarga, masyarakat dan negara. Mereka semuanya meletakkan harapan yang tinggi ke atas sistem pendidikan — sekolah, maktab dan universiti — supaya sistem ini dapat mengubah anak-anak ataupun saudara mara mereka menjadi manusia yang berguna, yang mempunyai kemahiran yang perlu untuk pekerjaan di samping memiliki nilai-nilai mulia, dan menjadi insan yang setia kepada keluarga, komuniti dan bangsa. Kejayaan anak-anak atau saudara mara mereka demikian dianggap sebagai memenuhi cita-cita mereka sendiri juga. Dari satu segi, set nilai dan hasrat ini memang khusus kepada komuniti berkenaan, namun dalam kekhususan itu, terdapat pula unsur kesejagatan dan keumuman yang dikongsi bersama oleh ribuan juta umat manusia lain di muka bumi.

Sungguhpun demikian, hari ini, sistem pendidikan dan universiti menghadapi cabaran-cabaran berat yang perlu ditanganinya secara tuntas. Seseengah cabaran ini begitu hebat dan berada di luar kawalan universiti sendiri. Salah satu cabaran terbesar ialah globalisasi dan kesan daripadanya. Untuk memahami cabaran ini dalam konteks yang wajar, kita perlu membicarakan sepintas lalu persoalan globalisasi.

Globalisasi dan Perubahan Sosial

Globalisasi bukanlah satu fenomena baru, kerana prosesnya sudahpun bermula sejak kemunculan zaman moden pada awal abad ke-16 lagi. Namun globalisasi hari ini mempunyai beberapa dimensi baru. Globalisasi ialah satu proses yang menghubungkan manusia di lokasi yang berasingan di seluruh dunia tanpa perbezaan masa, memperhebat pemampatan masa dan ruang, dan mengatur semula kehidupan sosial. Globalisasi hari ini diperhebatkan lagi dengan kemunculan sistem media global, khususnya media elektronik. Globalisasi mencetuskan dalam hampir semua masyarakat, termasuk Malaysia, kecenderungan penghomogenan dan konvergen di satu pihak, serta perbezaan dan kesetempatan di pihak lain. Di bawah dampak globalisasi, pegangan atau pengaruh situasi lokal ke atas kehidupan manusia menjadi semakin longgar. Masyarakat kini tidak terelakkan mengalami perubahan sosial yang pesat, krisis nilai dan transformasi.

Nilai, norma, kepercayaan dan simbol ekspresif tergolong dalam bidang budaya dan pandangan dunia. Norma ialah satu set ukuran yang mengawal tingkah laku manusia dalam sesebuah masyarakat; nilai pula merujuk kepada ukuran yang dipegang oleh manusia yang menentukan baik buruk sesuatu. Kepercayaan merujuk kepada tanggapan dan pegangan manusia mengenai perjalanan alam semesta dan alam sekitarnya, manakala simbol ekspresif adalah perwakilan norma, nilai dan kepercayaan masyarakat itu sendiri (Grisworld 1994: 3). Nilai sebagai sebahagian daripada sistem budaya tidak harus diurus secara tersendiri dan berasingan, tetapi harus dibicarakan dalam hubungan dengan zaman sejarah dan ekonomi politik masyarakat berkenaan. Saling hubungan antara nilai dan ekonomi sangat penting. Seperti diujahkan oleh Daniel Bell, “perkara yang memberi arah kepada ekonomi ialah sistem nilai budaya yang menjadi wadah bagi ekonomi berkenaan. Dasar ekonomi hanya cekap sebagai cara; akan tetapi, sama ada (sistem) ekonomi boleh berlaku *adil* bergantung kepada sistem nilai budaya yang melenturnya” (Bell 1996: xii; huruf condong dalam asal. Terjemahan penulis).

Pada hari ini, disebabkan proses globalisasi, kita dapati penyebaran dan penerobosan set nilai dari masyarakat negara maju, khususnya Barat ke dalam pelbagai masyarakat di dunia berlaku dengan kederasan dan kehebatan yang menakjubkan, jauh lebih hebat daripada mana-mana zaman lain sebelumnya. Ditinjau dari segi sejarah, dalam masyarakat agraria yang berskala kecil, di mana interaksi bersemuka berlaku di kalangan anggota masyarakat, nilai disebarkan melalui tradisi lisan. Sistem nilai masyarakat yang agak seragam ini menjadi teras *conscience collective* yang mengikat anggota masyarakat tersebut dalam satu kesepaduan yang dinamakan Durkheim sebagai 'solidariti mekanikal'. Oleh sebab sifat mereka yang umumnya seragam, maka pertarungan nilai memang terbatas. Kemunculan literasi dan media cetak membawa perubahan besar. Sungguhpun tradisi lisan masih berterusan, tetapi sistem nilai mula menjadi lebih rencam dan penyebarannya lebih luas, melampaui batas negara dan juga zaman. Memang benar seperti ditegaskan oleh beberapa pihak bahawa teknologi cetak itu sendiri memungkinkan munculnya kemodenan (Grisworld 1994: 142). Kelahiran kemodenan memang dialu-alukan kerana ciri-cirinya yang rasional dan progresif, terutamanya sains, akal, logik dan keupayaan pengiraan rasional. Kemodenan sebagai peralihan daripada situasi penyerahan kepada nasib kepada penentuan pilihan (Sachs 1990; dipetik daripada Thompson 1995: 400) menjadi sesuatu yang *enabling* (membolehkan) dan membebaskan dalam usaha manusia mewujudkan kemajuan dan kesejahteraan. Dalam situasi baru ini, pertarungan nilai tidak dapat tidak menjadi ketara dan tajam, khususnya di antara apa yang dianggap nilai saintifik moden dengan nilai mitos dan jumud.

Namun zaman mutakhir ini menyaksikan perubahan baru yang lebih besar lagi. Kini, ekonomi masyarakat industri sudah beralih kepada ekonomi pascaindustri yang dicirikan oleh peranan utama sektor perkhidmatan dan maklumat dengan pengembangan media elektronik khususnya multimedia. Masyarakat di dunia dilontarkan pula ke dalam satu zaman baru, yang digelar oleh sesetengah sarjana sebagai zaman pascamoden, manakala sesetengah pihak pula menggelarnya 'tahap kemodenan tinggi'. Walau apapun istilahnya, dalam zaman kini, perindustrian telah diatasi oleh apa yang disebut sebagai *informatization* (informatisasi) (Cleveland 1985: 56), iaitu proses di mana Revolusi Maklumat menjadi pemacu utama perubahan dan kemajuan ekonomi. Dalam zaman kini, satu hakikat yang amat ketara ialah fenomena budaya dan kesedaran menjadi semakin dikomodifikasikan, dan diubah menjadi

satu industri besar yang begitu kompleks. Industri budaya masyarakat ini menghasilkan produk dan nilai, yang dibungkus terlebih dahulu dan dikomodifikasikan. Set nilai dan budaya ini tidak henti-henti menyerbu kita melalui peti television dan skrin komputer, papan iklan, media cetak, dan sebagainya. Semua ini mempengaruhi dan menentukan gaya hidup kita dan generasi baru. Set nilai yang dibentuk oleh kuasa pasaran dan globalisasi ini terus menerus menerobosi ke dalam sistem pendidikan dan universiti, sehingga mengubah universiti menjadi semacam pasaran, memautnya supaya lebih tunduk kepada kehendak nilai pasaran sehingga ia menyimpang daripada peranan asalnya sebagai benteng budaya serta pemelihara dan pembina tamadun. Semua ini menimbulkan pertarungan yang tajam di antara set nilai yang berbeza dan berlawanan. Kuasa pasaran inilah yang berkembang terus menerus di bawah pengaruh globalisasi dan mencetuskan proses penghomogenan dan konvergen yang kita saksikan di seluruh dunia kini. Proses ini melibatkan semua lapisan masyarakat, khususnya kelas atasan dan kelas menengah. Kuasa pasaran inilah juga yang telah memperhebat ledak “pemburuan sijil”. Kuasa ini juga yang bertanggungjawab mencetuskan perlumbaan untuk mengambil kursus-kursus yang dianggap bernilai pasaran, serta mengakibatkan peminggiran kursus yang *intangibile*, khususnya sains sosial dan kemanusiaan.

Pertarungan Nilai

Masyarakat Malaysia berbilang kaum dan budaya. Melalui pengalaman bersama dalam sejarah, setiap kelompok etnik memiliki set nilai sendiri yang mengikat anggota-anggota kelompoknya. Melalui pertembungan dengan pelbagai tamadun besar dunia sejak permulaan zaman sejarah, set nilai ini diperkaya terus menerus. Seperti dinyatakan oleh Sutan Takdir Alisjahbana lebih dua dekad lalu, kedudukan strategik Asia Tenggara (termasuk Malaysia) di persimpangan jalan antara Timur dan Barat, telah membolehkan rantau ini menjadi ‘pusat pertembungan dan peleburan’ tradisi budaya besar, dan menghasilkan apa yang disebutnya sebagai ‘budaya tinggi sekunder’ yang dibina berasaskan agama-agama besar, khususnya Islam sehingga berupaya melahirkan satu kehidupan agama, sastera dan intelektual yang subur di rantau ini (Alisjahbana 1965, 1983). Kebudayaan Islam juga telah mencetuskan perubahan besar dalam bidang ekonomi, undang-undang dan organisasi sosial masyarakat setempat, terutamanya kerana sifat Islam yang praktikal dan rasional

terhadap dunia kehidupan, di samping prinsip demokrasi. Nilai-nilai ini telah disepadukan ke dalam kebudayaan dan tradisi peribumi, sehingga ia menjadi sebatian dengan kehidupan masyarakat setempat. Dengan cara ini, unsur universal telah ditransformasi menjadi partikular sehingga set nilai itu mempunyai ciri-ciri setempat. Ini merupakan satu bentuk pesetempatan apa yang sejagat. Set nilai ini menjadi salah satu komponen khazanah warisan sejarah kepada masyarakat hari ini.

Seperti dinyatakan di atas, di samping menghasilkan penghomogenan, globalisasi juga menyebabkan diferensiasi dan pesetempatan, dan kadang-kadang 'mereka-cipta' (*invents*) perbezaan. Disebabkan proses tersebut, dalam zaman ini, manusia juga cenderung melihat ke dalam kepada sistem budaya dan nilai mereka sendiri, dan sering mendakwa konon mereka mempunyai ciri-ciri khusus dan unik daripada orang lain. Ini tercermin dengan nyata, misalnya, dalam wacana tentang 'nilai Asia'. Sungguhpun kita boleh mengerti tentang konteks dakwaan sedemikian, akan tetapi, kadang-kadang dakwaan tentang 'keunikan' ini agak dibesar-besarkan. Apa yang kadang-kadang dianggap khusus dan unik bagi sesuatu kebudayaan tidak semestinya unik, kerana perkara itu juga terdapat dalam kebudayaan lain. Sungguhpun demikian, ini tidak bererti bahawa kekhususan dan keunikan tidak wujud. Kekhususan dan keunikan bukan semata-mata satu pencerminan ideologi, tetapi ia memang mempunyai asas objektif. Masa dan ruang — iaitu tradisi, kekhususan sejarah dan ruang fizikal — memang memberi warna kepada ciri khusus sesuatu tempat dan kelompok manusia, dengan demikian mewujudkan perbezaan tersebut.

Pandangan di atas perlu diambil kira apabila kita membicarakan persoalan nilai, khususnya perbincangan yang sekarang menjadi fesyen tentang 'nilai Asia', iaitu bagaimana globalisasi memberi kesan ke atas 'nilai Asia' dan sebaliknya, sehingga mencetuskan pertarungan nilai. Seperti ditegaskan oleh sesetengah sarjana, kita tidak boleh membicarakan 'nilai Asia' seolah-olah nilai tersebut merupakan satu set nilai yang seragam, kerana nilai Asia sebenarnya adalah kompleks dan rencam sama seperti benua Asia itu sendiri (Chandra Muzaffar 1997). Sesetengah unsur yang didakwa 'unik bagi Asia' tidaklah unik oleh sebab unsur itu juga terdapat dalam kebudayaan lain.

Sungguhpun demikian, ini tidak bererti kita menafikan bahawa terdapat beberapa kekhususan tertentu dalam masyarakat Asia, di mana ia mendapat perhatian dan perlakuan yang lebih serius berbanding dengan sesetengah masyarakat lain. Dalam konteks ini, beberapa set nilai yang

mendasari masyarakat Asia termasuk Malaysia, telah disebut sebagai petanda identiti Asia. Set nilai seperti hormat kepada orang tua, orientasi kolektif, hubungan harmoni, menjaga air muka, serta orientasi keagamaan dianggap oleh sesetengah pengkaji sebagai set nilai sepunya yang menjadi akar masyarakat Asia termasuk Malaysia. Set nilai ini sering ditegaskan semula apabila kita merasakan terdapat ancaman terhadapnya daripada set nilai yang berlawanan (Asma 1996: xiv, 248-9) yang dibawa oleh globalisasi.

Namun begitu, nilai sebagai sebahagian daripada sistem budaya tidak statik ataupun direifikasi (diperbendakan). Nilai boleh berubah, lebih-lebih lagi di bawah dampak globalisasi. Dalam hubungan ini, terdapat beberapa kecenderungan yang berlaku dalam banyak masyarakat Asia, termasuk masyarakat Malaysia hari ini, yang mencabar dasar set nilai ini dan perlu diberi perhatian.

Pertama, terdapat kecenderungan dalam masyarakat bekas tanah jajahan termasuk Malaysia di mana ramai individu dan kelompok dalam keghairahan mengejar kemodenan, lebih beria-ia berusaha menjadi orang lain, dan malu untuk mengekalkan identiti diri dan tradisi masyarakat sendiri. Mereka tidak berusaha melakukan perubahan dengan cara mereformasi, mengayakan dan menyesuaikan khazanah budaya dan tamadun masyarakat mereka dengan situasi baru, dan menggunakan tamadun dan budaya mereka sebagai parameter pentakrif bagi pembinaan tamadun moden dan kedudukan masyarakat mereka dalam sejarah dunia sebagai negara-bangsa moden. Sebaliknya, pemodenan bagi mereka menjadi satu proses peniruan unsur-unsur asing, khususnya Barat. Pendidikan dan nilai yang mereka terima melalui sistem pendidikan serta pendedahan mereka kepada dunia moden nampaknya tidak berupaya mengubah ramai di antara mereka menjadi individu dan kelompok moden dengan identiti sendiri yang boleh mereka bangga. Sebaliknya, mereka lebih berbangga menjadi orang lain, dengan mengambil dan memperagakan nilai dan imej dari rantau 'pusat' (yakni Barat) — baik secara begitu ketara mahupun secara halus — dan menyebarkannya ke dalam masyarakat kawasan 'pinggir' (yakni negara sedang membangun).

Kedua, keadaan material dalam zaman sejarah yang berlainan melentur manusia dengan sikap dan nilai yang berlainan. Sering kali kita dapati bahawa dalam zaman yang sukar, manusia mempunyai idealisme yang meluap-luap dengan semangat kesukarelaan yang tinggi, dan mudah bersyukur apabila mereka tidak lagi terpaksa bergelut dengan perjuangan untuk mendapatkan beberapa keperluan paling asas. Akan tetapi, apabila

keadaan berubah dan masyarakat menjadi semakin mewah dan selesa, mereka pula boleh berubah menjadi *homo economicus* yang berpegang pada logika pasaran dan dipacu oleh nafsu tidak terbatas. Unsur kerasionalan yang muncul bersama zaman moden sehingga membolehkan manusia membuat perkiraan yang persis supaya matlamat dapat dicapai dengan cara tertentu, sering digunakan bukannya untuk kepentingan umum, tetapi bagi pembesaran tembolok dan keenakan diri sendiri.

Memang kuasa pasaran begitu hebat sehingga berupaya menjadi pentakrif set nilai dominan pada zaman kini. Nilai konsumeris yang ditentukan oleh kuasa pasaran menggalakkan kesetiaan kepada pasaran, wang dan prestij, atau dalam idiom popular, disebut sebagai pengejaran empat 'K' – kuasa, kereta mewah, kad kredit emas, dan kondominium — lebih-lebih lagi di kalangan golongan *nouveaux riche* atau orang kaya baru. Set nilai yang sudah sedia 'dibungkus' dan disebarikan secara sehalah oleh arus globalisasi melalui syarikat transnasional dan media ini dipaksakan ke atas pengguna dan ditiru oleh mereka. Set nilai sedemikianlah yang menggalakkan sifat tamak haloba, riak, ketidakpedulian terhadap susah senang orang lain, serta pandangan singkat dan rabun, yang semuanya menggalakkan rasuah, hedonisme serta pemusnahan dan pencemaran ke atas alam sekitar, tanpa mempedulikan tanggungjawab ke atas nasib generasi akan datang.

Kecenderungan di atas menunjukkan paradoks zaman kini yang menyakitkan. Dalam usaha kita membina negara-bangsa yang moden dan maju, kita cenderung meniru untuk menjadi orang lain yang kita anggap lebih unggul dan maju daripada kita. Seiring dengan kita mencapai kemajuan material, kita cenderung melupai pengajaran sejarah, lantas memilih untuk menyusuri jalan golongan orang kayu baru. Kedua-dua kecenderungan ini adalah manifestasi sebuah masyarakat yang dipenuhi dengan manusia 'watak tertawan' (Syed Hussein Alatas 1974), dan sebuah komuniti yang berubah menjadi masyarakat yang tamak.

Salah satu mangsa daripada kecenderungan di atas ialah set nilai yang amat penting bagi pembinaan dan pengukuhan negara-bangsa, khususnya set nilai nasionalisme dan patriotisme, keprihatinan bagi pembangunan kebudayaan dan tamadun kita sendiri serta pemeliharaan alam sekitar, di samping rasa bangga untuk mengguna bahasa kebangsaan dalam setiap bidang dengan baik, termasuk sebagai alat pembinaan bangsa dan identiti nasional. Perlu ditegaskan di sini bahawa berbangga dengan bahasa kebangsaan sendiri tidak bererti kita tidak mementingkan penguasaan bahasa-bahasa asing, khususnya Inggeris, sebagai alat untuk

menguasai pelbagai ilmu dan teknologi baru serta memperluas dan mengayakan ilmu pengetahuan umum. Akan tetapi, langkah menguasai ilmu, sains dan teknologi tidak harus dijadikan sebagai tabir asap untuk mewajar penggunaan bahasa Inggeris secara berleluasa dan tidak kena pada tempatnya, dan mengenenpikan bahasa kebangsaan. Langkah sedemikian juga tidak harus menjadi tabir asap bagi penyerapan dan penyebaran cara hidup yang kebarat-baratan, bersama dengan ciri-ciri konsumeris di atas dengan alasan konon semua ini perlu supaya kita dianggap 'moden dan maju' sehingga mengorbankan bahasa, kebudayaan dan identiti nasional sendiri. Sikap meniru-niru demikian menunjukkan ketiadaan keyakinan diri sebagai satu bangsa yang boleh menjadi moden dan maju dengan menjadi diri sendiri — dengan mempertahankan dan mereformasi sistem budaya dan tafsiran agama kita, serta mengayakan bahasa, kebudayaan dan cara hidup kita. Malahan kita akan dapat memperoleh lebih banyak manfaat daripada pertembungan kita dengan dunia luar dan integrasi dengan ekonomi dunia global sekiranya kita terus menerus mengukuhkan asas bangsa kita yang telah terbentuk dalam sejarah dan mengembangkannya selaras dengan situasi baru. Di samping itu, kita perlu menanam semangat yakin diri, serta semangat belajar secara kreatif daripada masyarakat dan peradaban lain, dan menyesuaikan atau mengubah apa yang dipelajari itu selaras dengan keperluan nasional dan setempat.

Satu lagi mangsa daripada kecenderungan di atas ialah merosotnya minda kreatif dan semangat kritis, semangat ingin tahu, serta semangat reka-cipta dan inovasi. Untuk menjadi masyarakat yang maju yang kaya dengan reka-cipta dan inovasi, serta masyarakat yang golongan ilmunya mempunyai keserjanaan yang bertaraf dunia, kita perlu mengkritik dan mengatasi ciri watak tertawan, sikap meniru-niru, dan nilai konsumerisme di atas, serta mengembangkan minda kreatif dan kritis.

Namun, satu perkara perlu ditegaskan. Kita perlu mengakui hakikat bahawa modenisasi adalah satu proses sejarah yang tidak terelakkan yang terus berkembang menurut logikanya sendiri, dan kita tidak boleh mengundur kembali roda sejarah. Oleh yang demikian, dalam usaha kita menjadi moden tetapi setia kepada diri sendiri dan tidak menjadi orang lain, kita perlu melakukannya dengan bijaksana dan selaras dengan keadaan. Kita perlu mengelak daripada terjebak dalam keghairahan primordial yang keterlaluan. Keghairahan yang keterlaluan untuk menentang 'unsur asing' dan memaksakan apa jua dari zaman lampau atas nama 'memelihara khazanah tradisi silam' atau keperibumian juga

tidak akan membantu. Hakikat ini perlu disedarai kerana memang banyak unsur asing yang baik daripada pelbagai masyarakat termasuk Barat yang perlu kita pelajari. Juga di samping terdapat banyak khazanah yang berharga daripada tradisi bangsa kita yang perlu dipelihara dan dikembangkan, juga terdapat banyak unsur silam yang mencengkam dan menghambat kemajuan yang perlu direformasi atau dirombak. Pembinaan mitos, pengagungan susur galur atau salasilah, penganugerahan berlebihan gelar-gelar tertentu yang direka-reka daripada tradisi feodal sebagai satu cara pembezaan status sosial, jiwa hamba, sindrom penaung-klien, amalan dan sikap tidak toleran terhadap perbezaan, serta pemaksanaan sebarang bentuk ektremisme, baik agama mahupun politik, ke atas masyarakat tidak akan membantu usaha pemodenan masyarakat Malaysia yang sedang berlangsung dan pembinaan bangsa Malaysia. Semua ini juga bercanggah dengan prinsip pendidikan umum.

Kesimpulan

Pendidikan umum menjadi salah satu isu hangat di Malaysia dalam kerangka mereformasi kandungan pendidikan. Apa yang perlu ditegaskan ialah konteks zaman dan transformasi masyarakat serta pertarungan set nilai yang berlawanan yang dibicarakan di atas perlu kita fahami dan ambil kira apabila kita membicarakan dan merumuskan kandungan pendidikan umum bagi generasi baru di Malaysia. Bidang pendidikan umum di universiti ialah satu medan yang subur di mana isu-isu di atas boleh ditangani secara tuntas. Pendidikan umum dan pendidikan pengkhususan (yang berasaskan disiplin fakulti) harus saling melengkapi dan saling mengisi; kedua-duanya tidak boleh bersaing atau berkontradiksi. Penguasaan pengetahuan dan kemahiran khusus adalah tanggungjawab fakulti di mana pendidikan pengkhususan diberikan, manakala pendidikan umum harus mencakupi persoalan ilmu pengetahuan yang penting dan serba meliputi yang tidak disajikan melalui disiplin pengkhususan. Untuk masa ini dan masa akan datang, bidang pendidikan umum di universiti-universiti Malaysia, pada hemat saya, boleh mengandungi komponen-komponen berikut:

Pertama, komponen mengenai falsafah ilmu pengetahuan dan sejarah pemikiran. Dalam sejarah ilmu pengetahuan, khususnya sejak berlakunya Revolusi Industri, *hiatus* atau jurang di antara sains natural di satu pihak serta sains sosial dan kemanusiaan di pihak lain telah berkembang menjadi semakin lebar. Dalam sistem pendidikan di Malaysia, jurang ini bermula

dengan *streaming* atau penjurusan daripada Tingkatan Empat ke atas, dan akan pasti berterusan pada masa hadapan, mungkin dengan lebih ketara lagi dengan adanya tekanan yang lebih kuat terhadap sains natural dan peminggiran sains sosial dan kemanusiaan. (Perhatikan ketetapan nisbah kemasukan sebanyak 60 peratus bagi pelajar sains berbanding dengan 40 peratus bagi pelajar bukan-sains di universiti). Komponen pengajian yang diwajibkan tentang falsafah ilmu pengetahuan dan sejarah pemikiran yang dicadangkan ini akan dapat menyumbang ke arah pengecilan dikotomi dan pengkotakan ilmu pengetahuan yang artifisial ini.

Kedua, komponen tentang pengajian tamadun. Sejarah umat manusia telah menunjukkan jatuh bangun pelbagai peradaban, tentang pentingnya agama besar dunia, serta tentang kebangkitan intelektual dan *renaissance* dalam pelbagai zaman dan tamadun. Hari ini, kita berada dalam dunia yang penuh dengan kepelbagaian, dan justeru itu, pemahaman dan penghayatan agama agung dunia khususnya Islam dan tamadun besar lainnya menjadi lebih penting untuk mendorong semangat humanisme, perpaduan dan saling pengayaan di kalangan umat pelbagai kepercayaan agama.

Ketiga, komponen tentang globalisasi, negara-bangsa dan pembinaan bangsa. Peri pentingnya kursus sedemikian memang sudah nyata memandangkan hubungan simbiotik yang tidak terelakkan di antara globalisasi di satu pihak yang menjejaskan negara-bangsa, dengan negara-bangsa serta tugas mendesak pembinaan bangsa di pihak lain. Kursus sedemikian harus menggunakan pendekatan perbandingan dan sejarah, iaitu di samping meneliti pengalaman Malaysia, kita juga perlu mempelajari pengalaman negara-negara lain dan menarik perbandingan dengannya.

Keempat, komponen tentang budaya, nilai, identiti dan gender. Komponen ini dapat membantu pelajar memahami dan menghayati kekompleksian kepelbagaian budaya dan isu gender, serta tentang persoalan identiti, nilai dan etika. Kursus sedemikian menjadi lebih penting memandangkan masyarakat Malaysia yang pelbagai etnik dan budaya, tentang pentingnya peranan lelaki dan perempuan, dan peranan nilai dan etika dalam kehidupan manusia.

Kelima, komponen tentang teknologi dan masyarakat. Tujuannya ialah untuk menunjukkan saling hubungan di antara teknologi dengan masyarakat, bagaimana teknologi boleh menjadi pemangkin perubahan sosial, dan bagaimana perubahan sosial pula boleh mendorong inovasi dan reka-cipta teknologi.

Keenam, komponen tentang pemikiran kritis dan kreatif. Tujuannya ialah untuk menggalakkan pemikiran yang kritis dan kreatif, semangat ingin tahu dan pemecahan masalah, semangat reka-cipta dan inovasi, serta semangat yang dapat mengatasi watak atau minda tertawan.

Satu perkara yang perlu ditegaskan ialah para perancang dan pelaksana program pendidikan umum tidak harus terlalu ghairah untuk memperbanyak bilangan kursus yang mereka mahu tawarkan kepada para pelajar. Dalam amalan sehari-hari, pendidikan umum harus dibezakan daripada 'pendidikan liberal' yang menawarkan pilihan bebas kepada pelajar untuk mengambil mata pelajaran di luar disiplin pengkhususan mereka tanpa mengambil kira matlamat besar pendidikan umum itu sendiri. Pendidikan umum seharusnya dikonsolidasi dan menyeluruh sifatnya untuk menyediakan pendidikan yang luas asasnya kepada pelajar sebagai pelengkap kepada disiplin pengkhususan mereka. Oleh yang demikian, pendidikan umum harus distrategi secara holistik dan kreatif, serta dibimbing oleh pandangan jangka panjang yang bukan semata-mata mengambil kira senario teknologi yang terus menerus berubah yang lebih bercorak *time-specific* atau terikat oleh masa, tetapi lebih penting lagi, mengambil kira isu peradaban, proses kesejarahan, globalisasi dan budaya, serta pembinaan insan yang terdidik dan seimbang. Sungguhpun pendidikan umum mungkin tidak berupaya mengatasi arus pasang set nilai 'pengejaran sijil' yang melemaskan institusi pendidikan tinggi hari ini, namun pelaksanaan pendidikan umum seperti disarankan di atas mungkin dapat menjadi semacam kawalan ke atas senario yang begitu terpacu oleh set nilai kuasa pasaran. Dengan cara ini, pendidikan umum boleh menyumbang secara positif untuk memastikan universiti dapat terus menerus memainkan peranan sejarahnya yang tidak lekang dek masa, iaitu menjadi pemelihara dan penjana kemajuan ilmu dan peradaban serta nilai-nilai murni yang berkaitan dengannya bagi mengukuhkan pembinaan negara-bangsa.

Pascamodenisme dan Persoalan Negara-bangsa

Pengenalan

Penduduk Asia termasuk Malaysia sejak penghujung abad ke-20 berdepan bukan sahaja dengan pelbagai masalah sosioekonomi termasuk kegawatan ekonomi yang meletus pada 1997-98 yang memperlemah negara-bangsa, tetapi juga dengan satu aliran pemikiran baru yang berpengaruh, iaitu pascamodenisme yang secara teori mempersoal negara-bangsa. Bagaimanakah kita harus menanggapi aliran pemikiran baru ini? Setakat manakah ia harus ditolak dan setakat mana pula ia boleh dimanfaatkan? Bab ini akan cuba menjawab persoalan ini dari sudut ilmu sosial, khususnya ilmu sosial di negara membangun termasuk Malaysia. Perbincangan ini akan melihat perkembangan pascamodenisme, dan mengaitkannya dengan persoalan negara-bangsa.

Pascamodenisme ialah aliran terbaru dalam wacana teori sosial yang muncul sejak dasawarsa 1960-an dan merebak dengan semakin meluas pada hari ini. Pemikiran pascamoden boleh dianggap satu usaha menembusi perbatasan ilmu (*knowledge frontiers*) yang diasaskan oleh sejumlah pemikir Barat sebagai respons kepada kegawatan perkembangan masyarakat dan pemikiran sosial di sana. Sebagai satu arus pemikiran baru, pascamodenisme begitu rencam, kompleks dan kadang-kadang bertentangan hujahnya, dan kerana itu, sama ada ia layak dianggap sebagai satu perspektif teori yang utuh masih diragui oleh ramai pengkaji. Walau bagaimanapun, pemikiran ini telah mencabar aliran pemikiran yang *established* dalam pelbagai bidang ilmu sosial sehingga rumpun ilmu tersebut menjadi defensif.

Secara analitis, persoalan pascamodenisme boleh dimengerti dengan melihatnya sebagai terdiri daripada tiga komponen yang saling berkait, iaitu, secara sejarah, ia merujuk kepada satu zaman baru yang lahir daripada zaman moden; sebagai perkembangan budaya, ia satu produk

budaya dan gaya hidup baru; dan sebagai cara pemikiran dan penteorian, ia satu cara pemikiran dan penteorian baru tentang kehidupan manusia dan masyarakat hari ini dan akan datang yang mencabar cara pemikiran dan penteorian ilmu sosial selama ini. Namun, pascamodenisme bukan satu alternatif kepada modenisme, tetapi sebagai lanjutan kepada modenisme. Ini bermaksud kita masih berada dalam kerangka modenisme dari segi zaman dan masyarakat, dan juga dari segi pemikiran teori. Pascamodenisme memberikan satu perspektif lain tentang masyarakat manusia, satu perspektif yang berlainan dan berlawanan dengan perspektif modenisme yang mendominasi selama ini.

Oleh kerana kelahiran pemikiran dan penteorian pascamodenisme berkaitan dengan perkembangan masyarakat, maka kita perlu melihat sepintas lalu perkembangan masyarakat daripada masyarakat moden dan industri kepada masyarakat pascamoden dan pascaindustri. Untuk memahami sifat dan cabaran pascamodenisme terhadap pemikiran sosial dan kemungkinan baru yang timbul daripada cabaran itu, bab ini akan membincangkannya daripada empat sudut. Pertama, kelahiran masyarakat moden-industri beserta kelahiran ilmu sosial yang cuba menghuraikan persoalan masyarakat moden-industri; kedua, kelahiran masyarakat pascaindustri dan pemikiran pascamoden; ketiga, cabaran pascamoden terhadap ilmu sosial; dan keempat, kesimpulan ringkas yang membicarakan respons ilmu sosial kepada cabaran pascamodenisme dan bagaimana kita boleh menanggapinya.

Kelahiran Masyarakat Moden-Industri

Kelahiran dunia moden dan zaman industri di Eropah dan Amerika Syarikat berlaku susul menyusul, iaitu sejak abad ke-17, ke-18 dan ke-19 dan mengambil masa lebih kurang dua abad untuk menyebarkan pengaruh industrialisme ke seluruh dunia. Dilihat dari segi isinya, dunia moden dicirikan oleh kemodenan budaya dan intelektual, manakala zaman industri dicirikan oleh kemajuan pesat dalam ekonomi dan teknologi. Di Eropah, ilmu sosial termasuk sosiologi ialah produk pemikiran zaman moden, dan boleh dikatakan sebagai anak kandung zaman pencerahan dan Revolusi Industri. Ilmu sosial khususnya sosiologi layak mendapat gelaran demikian bukan sahaja kerana ia lahir dalam proses perindustrian yang berlaku dengan pesat di Eropah Barat, tetapi sebagai satu bidang ilmu, ia menumpukan penelitian teoritis dan empirinya terhadap pelbagai aspek masyarakat yang dilahirkan oleh revolusi tersebut. Boleh dikatakan,

kelahiran dan perkembangan ilmu sosial ialah untuk memikul dan melaksanakan projek kemodenan yang menjanjikan kehidupan yang lebih baik bagi umat manusia dengan kelahiran masyarakat moden-industri.

Konteks kelahiran ilmu sosial di Barat dan agenda pemodenan yang dipikulnya dengan sendirinya menentukan bahawa ia harus menjawab beberapa persoalan dasar dalam pemikiran tamadun Barat dan juga dalam kehidupan masyarakat baru. Persoalan dasar ini berhubung erat dengan persoalan orde sosial yang dikehendaki wujud dalam masyarakat baru tersebut, manakala entiti terpenting yang bertanggungjawab memastikan kewujudan orde itu ialah negara dan pelbagai institusinya. Masyarakat dikonsepsikan sebagai satu organisme totaliti yang bersifat mengawal ke atas individu, manakala individu pula perlu mematuhi norma dan nilai yang menunjangi orde sosial yang dikendalikan di tingkat makro oleh entiti negara. Oleh sebab kebangkitan masyarakat moden-industri serta jentera negara di Eropah berlaku serentak dengan kebangkitan nasion dan nasionalisme, maka persoalan nasion dan nasionalisme juga turut menjadi persoalan utama dalam pelbagai bidang ilmu sosial.

Tokoh-tokoh pemikir sosial Barat seperti Hobbes, Locke, Comte, Marx, Weber dan Durkheim semuanya menumpukan penteorian mereka kepada persoalan-persoalan besar masyarakat moden, khususnya persoalan orde sosial, ciri-ciri orde tersebut, bagaimana ia wujud dan dikekalkan, jentera yang memungkinkan kewujudan orde sosial itu, dan sebagainya. Mereka menggunakan konsep-konsep makro seperti negara, bangsa, kelas, birokrasi, solidariti mekanikal dan solidariti organik, pembahagian kerja, alienasi, *anomie* dan sebagainya yang semuanya meneliti persoalan itu dari sudut mengekalkan orde sosial yang sedia ada, ataupun mengubahnya menjadi orde sosial yang baru. Marx, yang dikenali sebagai ahli revolusioner yang mahu meruntuhkan sistem kapitalisme, juga pada hakikatnya berbicara tentang orde sosial, sungguhpun orde sosial yang dimaksudkannya ialah orde masyarakat baru, iaitu masyarakat sosialis dan komunis yang diharapkan dapat dibina di atas keruntuhan kapitalisme.

Kelahiran masyarakat moden-industri membawa semacam *euphoria* bahawa peradaban manusia sudah terlepas daripada cengkaman zaman pertengahan serta zaman gelap, dan kini masalah umat manusia dipercayai boleh diselesaikan dengan sains, rasionaliti, perancangan dan juga peranan gerak kuasa pasaran. Jentera negara dalam masyarakat moden-industri disempurnakan supaya menjadi lebih kemas, kompleks dan kuat serta responsif kepada demokrasi dan hak manusia; masyarakat industri terus

dibangun dengan budaya moden-industri dan urbanisme yang meluas manakala kehidupan masyarakat diregulasi oleh putaran jarum jam. Secara keseluruhannya, idea keseluruhan organik, totaliti dan negara-bangsa serta kepatuhan individu sebagai warganegara kepada totaliti ini menjadi naratif besar yang mendominasi penteorian pelbagai cabang ilmu sosial sehingga ke hari ini.

Masyarakat Pascaindustri dan Kelahiran Pascamodenisme

Dunia selepas Perang Dunia Kedua sehingga ke akhir abad ke-20 dan awal abad ke-21 tidak lagi sama dengan dunia sebelumnya. Dari banyak segi, zaman kini adalah satu zaman baru sama sekali. Masyarakat Barat telah mengalami transformasi besar dengan rombakan ke atas beberapa struktur asas masyarakat industri, lebih-lebih lagi dalam dua dekad kebelakangan ini. Asas ekonomi industri yang berpaksikan institusi perkilangan telah ditransformasi menjadi ekonomi pascaindustri yang dicirikan oleh ekonomi perkhidmatan dan teknologi maklumat, iaitu sistem ekonomi yang melakukan deregulasi dan liberalisasi pasaran dan sistem digital. Dari segi susunan masyarakat pula, kalau dalam masyarakat industri, kelas pekerja menjadi golongan majoriti dan terpenting yang memastikan kilang dan lombong beroperasi, dalam masyarakat pascaindustri, jumlah terbanyak tenaga kerjanya terdiri daripada pekerja kolar putih, terutamanya pekerja maklumat yang bilangannya terus menerus meningkat mengatasi bilangan pekerja industri tradisional. Kemajuan sains dan teknologinya sudah memungkinkan pasaran menghasilkan pelbagai produk baru yang tidak lagi dicirikan produksi massa dan konsumsi massa, tetapi produksi untuk *niche market*. Bahkan kemajuan sains kini sudah mampu membuat pengklonan haiwan dan mungkin juga pengklonan manusia. Kemunculan teknologi multimedia khususnya internet bukan sahaja telah meningkatkan keupayaan simulasi dan hiper-realiti serta mengacaukan realiti dengan kepalsuan, tetapi juga telah menghasilkan satu situasi baru dengan fenomena *time-space compression* atau pemampatan masa dan ruang di tingkat global yang berlaku terus menerus sehingga mengikat semua negara dan masyarakat di dalam satu kesepaduan *instantness* atau kesertamertaan. Ini berarti apa jua yang berlaku di satu belahan bumi akan serta merta dirasai atau diketahui oleh penduduk belahan bumi yang lain justeru fenomena pemampatan masa dan ruang ini. Deregulasi, liberalisasi ekonomi,

pengaliran maklumat yang pantas dan tanpa batas, pemindahan modal wang khususnya wang panas menurut naluri pasaran serta pengaliran manusia melalui pelancongan dan migrasi transnasional telah mencairkan sempadan dan melemahkan kawalan oleh negara-bangsa. Keadaan ini jelas kelihatan dalam kegawatan ekonomi yang melanda Asia Timur dan Asia Tenggara yang meletus pada pertengahan 1997 di mana negara-bangsa yang terlibat tidak berupaya menentukan sendiri jalan keluar daripada krisis ini dan tidak berupaya mengawal pengaruh dan manipulasi dari luar.

Dari segi yang lain, *euphoria* kemodenan yang menjanjikan impian kehidupan yang aman dan penuh berperikemanusiaan menjadi satu mimpi ngeri dan keangkuhan. Impian ini dikecaikan oleh kekejaman golongan berkuasa yang memanfaatkan kekuatan ekonomi serta sains dan teknologi untuk mencetuskan perang dunia dan perang rantau yang membunuh jutaan umat manusia. Kebebasan individu yang dijanjikan itu telah menjelma menjadi tuntutan kepatuhan yang keterlaluan oleh negara atas nama 'keselamatan negara dan kepentingan nasional', lebih-lebih lagi dalam situasi perang. Dalam zaman mutakhir, keruntuhan blok sosialis dan berakhirnya Perang Dingin tidak membawa keamanan dan persamaan dalam Orde Baru Dunia seperti yang dijanjikan. Apa yang wujud dan berkembang ialah penjajahan dalam bentuk baru, ketaksamaan dan penindasan ke atas negara-negara kecil, kelompok-kelompok minoriti serta golongan miskin dan tanpa kuasa oleh adikuasa dunia dan golongan dominan.

Kesan daripada keseluruhan perubahan ini ialah kehidupan masyarakat menjadi semakin cair atau *fluid*, realiti dan tiruan bercampur aduk, manakala orde sosial yang dahulunya dimantapkan oleh negara dan institusi-institusinya menjadi problematik. Pesimisme mula meresapi pemikiran sosial yang meragui bahkan menolak janji-janji modenisme dan keangkuhannya. *Mood* zaman diselubungi ketidakpercayaan pada janji-janji modenisme, lantas lahirlah dekonstruksionisme dan nihilisme. Kuasa politik di tingkat makro yang dikendalikan oleh jentera pemerintah dan negara digugat oleh proses politik di tingkat mikro. Budaya industri yang cuba mencipta penghomogenan ditolak dan multikulturalisme dirayakan sebagai hak semua individu.

Perubahan-perubahan besar ekonomi dan masyarakat pada zaman pasca-perang ini, khususnya dalam dua dekad kebelakangan ini menyediakan syarat objektif bagi kelahiran pascamodenisme manakala *mood* zaman menyediakan syarat subjektifnya. Paksi penteorian

pascamodensime ialah pengakuan tuntutan hak individu serta kebebasan dan kepuasan dirinya. Beberapa konsep besar yang mantap dalam pemikiran sosial seperti konsep negara, negara-bangsa, totaliti, orde sosial, realiti, kebenaran, objektiviti dan sebagainya dikecam hebat, dengan semuanya dianggap sebagai naratif besar yang membungkam individu dan menghalang kebebasan mereka, lantas perlu didekonstruksi.

Cabaran Pascamodenisme terhadap Ilmu Sosial

Serangan ke atas ilmu sosial oleh pascamodenisme boleh dilihat daripada petikan berikut yang ditulis oleh salah seorang ahli teori pascamodenisme yang terpenting kini, iaitu Zygmunt Bauman (1997). Walaupun Bauman mengecam ilmu sosiologi secara khusus, tetapi kecamannya itu juga membabitkan ilmu sosial secara umum. Katanya:

Sociology has a long and distinguished record of sycophancy. Since its birth, it established itself as the principal poet-laureate of the state-centred and state-coordinated society, of the state bent on prohibiting everything which has not been first made obligatory. ... The orthodox consensus of sociology has been found guilty of aiding and abetting the all-too-often unwholesome practices of the nation-state. (Bauman 1997: 81-82).

Seperti ditegaskan di dalam petikan di atas, daripada sudut pemikiran pascamoden, ilmu sosial, khususnya sosiologi, yang lahir pada abad ke-19 di Eropah Barat adalah bayi intelektual yang cacat. Sebagai ilmu baru yang menganalisis masyarakat moden, sosiologi menjadikan negara, negara-bangsa dan pemerintah serta orde sosial sebagai pusat penterioran dan pembicaraannya. Pemikiran pascamoden menganggap sistem negara ialah suatu entiti yang semata-mata mementingkan orde, kerana kewujudan negara itu sendiri adalah untuk memastikan orde sosial, sebagai prasyarat bagi kelangsungan masyarakat. Lantas kerana itu, negara menjadikan segala-galanya obligatori, yakni harus dipatuhi oleh anggota masyarakat. Maka, sosiologi, sekalipun merupakan satu disiplin baru yang bersifat mencerahkan (*enlightening*) dan membebaskan (*emancipatory*), akhirnya dari sudut pandangan pascamodenisme dikatakan menjadi disiplin 'talibarut dan pengampu' yang memihaki negara-bangsa dan pelbagai jenteranya dengan segala kesan yang mengekang ke atas individu dan kreativiti mereka.

Prinsip pokok yang ditolak oleh pemikiran pascamodenisme dalam ilmu sosial ialah prinsip logosentrisme, yakni pemikiran teori yang

menganggap bahawa dunia dan alam pemikiran manusia mempunyai pusat tertentu dan ia mesti bertolak daripada prinsip pusat tersebut. Pascamodenisme mengecam logosentrisme sebagai berat sebelah dan tidak boleh diterima. Oleh sebab logosentrisme mengukur segala-galanya dari sudut pusat, ia meminggirkan apa yang tidak termasuk di dalam pusat. Prinsip logosentrisme menentukan norma bagi mengabsahkan baik buruk dan benar salah perlakuan individu dalam masyarakat, serta meletakkan label pada pemikiran dan tingkah laku para anggotanya. Oleh yang demikian, logosentrisme menjadi prinsip bagi satu wacana besar yang mengekang pemikiran dan diri individu serta kelompok dengan menuntut kepatuhan kepada pusat, dan menyingkirkan mana-mana kelompok atau individu yang tidak boleh diterima oleh pusat.

Untuk memahami secara lebih jelas cara penterioran pascamodenisme dan bagaimana ia mencabar pendirian asas teori sosial moden di Barat dan di negara membangun seperti Malaysia, kita akan memberi beberapa contoh. Dalam empat contoh berikut, kita dapat melihat bagaimana prinsip logosentrisme yang menjadi pemikiran teras teori sosial moden beroperasi dan bagaimana ia didekonstruksi oleh pascamodenisme.

1. Negara: Teori sosial moden mendefinisikan negara sebagai satu entiti yang berada di atas individu dan kelompok yang mempunyai kuasa mengekang konflik atau menyederhanakannya, serta mengenakan isbat demi menjamin kewujudan dan kelangsungan orde, kebebasan dan keselamatan individu dalam wilayah kedaulatan geopolitikanya. Maka negara perlu didukung dan dipatuhi oleh individu demi kepentingan bersama. Pascamodenisme menolak teori sedemikian kerana, menurutnya, dalam proses negara menuntut kepatuhan demi keselamatan umum, kebebasan diketepikan oleh negara lantas *Lebenswelt* atau dunia kehidupan berubah menjadi dunia tanpa kebebasan. Dalam menitikberatkan orde, negara mengurus orde secara keterlaluan dan tidak mentoleransikan ketidakpatuhan apalagi perlawanan yang boleh menggugatnyanya. Tuntutan negara terhadap orde adalah melampau sehingga menjadikan orde sebagai *end in itself* atau matlamat terakhir sedangkan orde adalah *means* atau cara untuk menjamin kebebasan dan keselamatan individu yang sepatutnya menjadi matlamat terakhir. Kerana itu, pascamodenisme menganggap negara dan orde akhirnya menjadi autoritarian yang tandus dari segi kebebasan dan kreativiti, yang menganggap perlawanan terhadap orde satu jenayah.

Tentang kebebasan, pascamodenisme menganggap ia wujud sebagai satu hubungan, iaitu hubungan dengan kuasa. Ahli teori pascamoden

berpendapat seseorang itu bebas sekiranya dan hanya apabila individu dapat bertindak menurut kehendaknya dan memperoleh maksudnya. Akan tetapi, kebebasan ini diukur secara relatif, iaitu secara perbandingan dengan orang lain yang lebih mampu untuk melakukan sesuatu bagi mencapai hasratnya. Oleh itu, pada akhirnya, kebebasan bergantung kepada siapa yang mempunyai kedudukan lebih kuat dari segi agihan kemahiran dan sumber-sumber material yang membolehkan keberkesanan tindakannya itu. Justeru dalam soal kebebasan, individu yang tidak mempunyai sumber material dan juga kemahiran untuk bersaing bukan sahaja akan terhad kebebasannya oleh tindakan jentera negara, tetapi juga oleh anggota-anggota lain dalam masyarakat yang mempunyai lebih banyak kuasa kerana kelayakan dan sumber material mereka yang lebih kuat. Oleh yang demikian, masyarakat moden yang diabsahkan oleh teori sosial moden hanya meneruskan penyisihan dan peminggiran ke atas mereka yang lemah.

2. Sejarah: Teori sosial moden menganggap sejarah sebagai satu usaha merakamkan proses, peristiwa dan pelaku masa lampau bagi memelihara memori dan tradisi supaya terdapat kesinambungannya dalam masa kini dan masa mendatang. Perspektif sejarah adalah penting kerana ia menunjukkan dinamika perkembangan dan perubahan masyarakat dan membolehkan perbandingan dilakukan serta pengajaran sejarah disimpulkan. Bagi pascamodenisme, sejarah ditanggapi sebaliknya, iaitu sebagai naratif besar yang memenangkan mereka yang berkuasa, mengagungkan mereka yang menang serta memburukkan yang kalah dan lemah. Dalam penteorian pascamodenisme, tidak ada objektiviti dan kebenaran serta hukum perkembangan dalam sejarah. Sejarah dan genealogi bersifat kabur. Kerana sifatnya satu naratif, maka sebenarnya tidak ada sejarah yang hak kerana apa-apapun tidak mantap, melainkan ia cair dan menghilang dalam keadaan ketidakpastian yang berterusan dan kekal. Pemikiran pascamodenisme ini bertentangan secara langsung dengan teori sosial moden yang menganggap sejarah mempunyai hukum perkembangannya dan sekiranya terdapat ketidakpastian, itu hanya satu fenomena gangguan yang bersifat sementara, dan kepastian diyakini akan wujud semula.

3. Konformiti dan devians: Teori sosial khususnya teori fungsional menganggap bagi kelangsungan masyarakat sebagai satu entiti yang berfungsi, anggota-anggotanya perlu konform atau akur kepada norma dan nilai masyarakat, yang harus diterima sebagai norma dan nilai sepunya.

Sesiapa yang tidak akur kepada set norma ini akan menerima label devians, iaitu mereka yang melakukan pelakuan pelencongan yang tidak selari atau bahkan bertentangan dengan norma sosial. Sebagai akibatnya, pelencongan didefinisikan sebagai masalah sosial, dan sekiranya masalah itu dianggap serius, ia akan ditangani dan diatasi melalui perundangan, yakni rehabilitasi dan bahkan penghukuman oleh pusat, iaitu jentera negara. Pascamodenisme menolak definisi berdasarkan satu set norma dan nilai yang dominan demikian. Berpegang kepada konsep kerelatifan, pascamodenisme menganggap tidak ada kebenaran mutlak dan norma mutlak; kebenaran adalah relatif kerana ia satu konstruksi sosial yang berubah-ubah menurut keadaan.

4. Bangsa dan nasionalisme: Menurut teori sosial moden, bangsa dan nasionalisme (ideologi dan semangat mencintai bangsa) muncul dalam pentas sejarah dengan kemunculan zaman moden dan masyarakat industri di Eropah. Pembentukan bangsa tersebut berlaku dalam kerangka geopolitik negara, dengan demikian wujudlah negara-bangsa yang diperkukuh dengan ideologi nasionalisme. Konsep bangsa dan nasionalisme memang menimbulkan banyak kontroversi di kalangan penulis dan juga ahli politik, lebih-lebih lagi dengan pengalaman dua kali perang dunia dalam abad ke-20 yang memusnahkan bangsa-bangsa tertentu serta perang rantau seperti pembersihan etnik di Bosnia. Kerana peristiwa sedemikian, ada orang dengan sinis menganggap bahawa bangsa ialah satu komuniti manusia yang disatukan oleh *delusion* (khayalan) tentang asal usulnya, dan oleh perasaan benci yang dikongsi bersama terhadap jiran tetanggannya. Pendirian pascamodenisme terhadap soal bangsa dan nasionalisme memang selari dengan pandangan ini. Ia menganggap bangsa dan nasionalisme sebagai satu istilah yang menjijikkan kerana kedua-duanya adalah totaliti dan naratif besar yang eksklusif, yakni menyingkirkan orang lain, dan memusnahkan mereka yang tidak akur kepadanya. Yang benar bagi pascamodenisme ialah humanisme, tetapi bukan humanisme ala-Kantian yang dilahirkan oleh zaman pencerahan Eropah dan yang diabsahkan kemudian melalui perundangan dan perisytiharan negara dan badan antarabangsa. Humanisme pascamoden ialah pengakuan ke atas hak individu untuk memilih identiti sendiri sebagai keuniversalan yang satu-satunya yang menjadikan tanggungjawab pemilihan itu hak individu. Pascamodenisme menolak identiti yang diberikan melalui perundangan oleh negara, dan juga identiti *tribal* yang diberikan oleh bangsa, dan menganggapnya sesuatu yang bersifat askripsi dan mundur ke belakang.

Daripada beberapa contoh di atas, kita dapat melihat bahawa kebangkitan pemikiran pascamodenisme memang merupakan satu cabaran baru dan kuat ke atas pemikiran asas teori sosial moden. Wacana pascamodenisme bukan sahaja menjadikan problematik pelbagai konsep dan teori yang mantap dan utuh dalam ilmu sosial selama lebih satu abad ini, tetapi lebih daripada itu, ia terus menerus mendekonstruksinya. Apa yang berlaku kini ialah pelbagai disiplin ilmu sosial termasuk sosiologi berada pada kedudukan *on trial* atau menghadapi pertuduhan di kandang orang salah di mahkamah pascamoden dan perlu dipanggil untuk membela diri.

Kesimpulan

Dilihat secara objektif, kebangkitan pascamodenisme dan serangannya ke atas pelbagai bidang ilmu termasuk sosiologi telah membawa pelbagai disiplin tersebut kepada satu perbatasan baru. Dua kemungkinan muncul daripada cabaran ini. Di satu pihak, perkembangan ilmu sosial akan menjadi lebih rancak dan segar dengan memanfaatkan wacana yang tajam ini; manakala di pihak lain, akan berlaku ketidakstabilan, pelenyapan dan mungkin transformasi beberapa teori dominan sebelum ini tetapi yang sudah ketinggalan zaman. Beberapa tesis dalam penteorian pascamoden memang menggugat pemikiran yang sudah lama dipegang, misalnya, tesisnya tentang penolakan metanaratif, penolakan prinsip foundationalisme atau logosentrisme (termasuk persoalan negara-bangsa), dan pengagungannya terhadap relativismenya. Namun, pengiktirafannya akan kepelbagaian serta pendirian nyahpusat pascamoden yang memberi suara kepada yang tanpa suara adalah bersifat aktivis dan menarik minat mereka yang berada di pinggir dan disisihkan. Pendirian ini adalah sesuatu yang wajar dan berguna bagi kita di negara sedang membangun lebih-lebih lagi dalam usaha kita membela nasib negara-bangsa dan masyarakat yang ditindas oleh adikuasa dunia. Kecaman pascamodenisme terhadap keangkuhan dan kemunafikan modenisme adalah suatu sikap penting supaya manusia akan lebih berhati-hati dan bersikap memilih apabila menerapkan modenisme dan industrialisme ke dalam kehidupan mereka. Kita boleh memanfaatkan pemikiran pascamoden dalam konteks ini dan juga kritiknya terhadap keangkuhan modenisme. Dari sudut perkembangan ilmu, penteorian pascamoden memberi satu perspektif lain untuk menganalisis masyarakat dan pelbagai isu utamanya seperti oder sosial dan kuasa, identiti dan sebagainya.

Pemikiran pascamoden sudah merebak ke semua bidang ilmu di semua negara termasuk Malaysia. Bagi kita di Malaysia, cabarannya berada pada dua tingkat. Pertama, kita perlu mengambil tahu tentang perkembangan ini dengan membaca, menelaah dan memikirkan implikasinya. Sikap mengambil tahu ini sangat penting kerana sebagai hasil daripada proses globalisasi, pascamodenisme sebagai satu zaman baru, satu budaya dan gaya hidup baru, dan sebagai cara penteorian baru sudah berada di tengah-tengah kita. Di dalam masyarakat Malaysia, tiga zaman wujud serentak dan seiring, iaitu zaman pramoden yang sedang pesat berubah, zaman moden, dan zaman pascamoden yang merangkumi zaman pascaindustri dan globalisasi. Sikap menutup mata atau menolaknya begitu sahaja tanpa penelitian kritis hanya akan membuat kita sempit dan ketinggalan daripada perkembangan mutakhir di perbatasan ilmu.

Kedua, untuk menangani cabaran aliran pascamodenisme dan meletakkannya pada tempat yang sesuai dalam kerangka ilmu yang sedia ada, kita perlu melibatkan diri dengan wacana pascamoden dan membicarakan pascamodenisme secara kritis dengan rasa yakin diri. Melalui proses perdebatan tersebut, kita akan lebih berkeyakinan diri kenapa beberapa bentuk metanaratif dan logosentrisme seperti negara-bangsa itu mesti terus dikembangkan, dan relativisme yang keterlaluan perlu dikritik. Namun, ini tidak menafikan perlunya kita menghormati kepelbagaian dan kerelatifan dalam konteksnya yang betul. Pada hemat saya, pascamodenisme perlu ditanggapi bukan sebagai antitesis ataupun alternatif kepada modeniti, tetapi sebagai dimensi terbaru dalam modeniti atau lanjutan kepada modeniti. Dengan kata lain, kita bukannya perlu membina satu himpunan ilmu sosial yang pascamodenis sifatnya, tetapi mengembangkan pengertian secara ilmiah mengenai pascamodenisme. Ini bererti kita perlu mengembangkan pengajian pascamodenisme sebagai satu bidang pengajian substantif dalam ilmu sosial, sama seperti kita telah mengembangkan dan memantapkan pengajian pembangunan melalui sosiologi dan ekonomi, pengajian sastera dan masyarakat melalui sosiologi sastera dan sebagainya.

Tradisi Intelektual, Pembinaan Negara-bangsa dan Kebangkitan Semula Asia

Pengenalan: Dua Wajah Asia

Abad ke-20, khususnya zaman pasca-Perang Dunia Kedua, ialah zaman kelahiran negara baru dan pembinaan negara-bangsa bagi sebahagian besar bekas tanah jajahan baik di Asia mahupun di Afrika. Pada zaman ini, banyak negara Asia termasuk Malaysia, mencapai kemerdekaan daripada kuasa penjajah. Namun demikian, oleh sebab sejarah penjajahan yang lama, negara-negara ini masih mewarisi pelbagai masalah besar seperti kemiskinan dan kemunduran serta masalah perpaduan nasional dan pembinaan negara-bangsa.

Boleh kita katakan bahawa pada abad ke-20, kita telah dapat menyaksikan dua wajah Asia. Pertama, wajah Asia yang miskin dan mundur, kerana penjajahan, peperangan dan perpecahan. Perang Pasifik tamat dengan kehancuran Jepun di bawah ledakan bom atom Amerika Syarikat. Berakhirnya perang tersebut masih belum membawa keamanan di banyak negara Asia. China menghadapi perang dalam negeri sehingga 1949, manakala Semenanjung Indochina mengalami perang pencerobohan oleh Perancis dan kemudian Amerika Syarikat sehingga awal 1970-an. Perang dan pemberontakan juga berlaku di negara-negara Asia yang lain seperti India, Pakistan, Afghanistan, Filipina dan Burma. Di bawah keadaan begini, sekalipun jumlah terbanyak negara di Asia termasuk Malaysia sudah mencapai kemerdekaan politik dalam era pasca-Perang Dunia Kedua, rakyatnya terjerumus ke dalam jurang kemiskinan dan kemunduran dan prospek masa depannya suram. Ahli ekonomi dan intelektual Swedish yang termasyhur, Gunnar Myrdal telah meneliti masalah ini sehingga 1960-an dan menyimpulkannya sebagai *Asian drama* (Myrdal 1972). Beliau menganggap 'revolusi hasrat melambung' yang meledak di negara-negara Asia dengan berakhimya kolonialisme dan

tercapainya kemerdekaan telah bertukar menjadi 'revolusi hasrat terkandas.' Situasi sedemikian juga terdapat di Malaysia pada zaman itu.

Kaum intelektual di pelbagai negara termasuk Malaysia telah membuat sumbangan yang tidak kecil untuk mengubah wajah Asia yang jelik ini. Mereka bangkit menyatukan rakyat melawan penjajahan, memerangi momok perang, menganalisis dan mengemukakan idea tentang masalah masyarakat masing-masing serta meneroka jalan keluar bagi membina negara-bangsa mereka. Zaman sejarah tertentu melahirkan tokoh-tokoh intelektual tersendiri. Nama-nama besar seperti Soekarno dan Hatta di Indonesia, Ghandi dan Nehru di India, Rizal, Mabini dan Vinzons di Filipina, Sun Yat-Sen, Mao Ze Dong dan Chou En-Lai di China, Ibrahim Yaacob, Burhanuddin Helmi dan Onn Jaafar di Tanah Melayu — sekadar melontar beberapa nama perintis pada zaman awal, serta zaman sebelum dan selepas perang — adalah contoh-contoh intelektual yang telah membuat sumbangan tersendiri menurut keadaan dan keperluan zaman masing-masing demi hari depan tanah air dan bangsa mereka dan juga umat Asia. Mereka telah mengasaskan tradisi intelektual tertentu — memperjuangkan keadilan, kebebasan, kesejahteraan dan kecemerlangan, sungguhpun kepercayaan politik masing-masing berbeza.

Intelektual-intelektual ini serta rakan-rakan yang seangkatan dengan mereka semasa hayat masing-masing tidak sempat menyaksikan wajah Asia yang kedua, wajah dan jiwa Asia yang sudah berubah, yang kita saksikan pada hari ini. Mereka tidak sempat menyaksikan apakah tradisi yang mereka asaskan ataupun kembangkan itu telah berhasil membawa keadilan, kebebasan, kesejahteraan dan kecemerlangan yang diimpikan bagi negara-bangsa masing-masing khususnya dan bagi Asia umumnya.

Walau bagaimanapun, dalam kira-kira tiga dekad sejak 1960-an, sesuatu yang besar berlaku yang mengubah wajah dan jiwa Asia, khususnya Asia Timur dan Asia Tenggara termasuk Malaysia, sehingga memberikan wajah baru kepada rantau ini. Senario suram yang dipaparkan oleh Myrdal pada 1960-an telah dihumban ke tepi. Perubahan besar ini cuba diungkapkan dengan istilah-istilah yang mempesonakan seperti 'kebangkitan Asia', 'Abad Asia', '*renaissance* atau kebangkitan semula Asia' dan 'nilai Asia'. Bank Dunia bahkan mengisytiharkan pembangunan pesat Asia Timur dan Asia Tenggara dalam tempoh ini sebagai satu 'keajaiban', dan membuat pelunjuran bahawa pada tahun 2020, tujuh daripada sepuluh kuasa ekonomi terbesar di dunia adalah dari Asia. Pada tahun itu juga, mereka meramalkan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar di dunia mengatasi Amerika Syarikat. Oleh sebab itu, mereka

mengisytiharkan bahawa abad ke-21 akan menjadi Abad Asia. Dengan demikian, fenomena kebangkitan Asia, lebih-lebih lagi Asia Timur dan Asia Tenggara sebelum kegawatan ekonomi 1997-98 menjadi keasyikan yang menambat imaginasi para pemimpin, ahli *think tank*, sarjana dan intelektual serta ahli nujum di merata tempat di dunia termasuk di Malaysia.

Persoalan yang relevan bagi kita ialah: Di sebalik pelbagai wacana yang kadang-kadang bersifat retorika ini, apakah benar berlaku kebangkitan semula atau *renaissance* Asia? Apakah ciri-ciri kebangkitan tersebut mencerminkan satu *renaissance*? Bagaimanakah kedudukan dan peranan kaum intelektual dan universiti zaman kini di Asia umumnya dan Malaysia khususnya dalam kebangkitan semula tersebut? Dan bagaimanakah kebangkitan itu boleh mencorakkan pembinaan dan pengukuhan negara-bangsa di rantau masing-masing? Persoalan-persoalan ini akan dibahaskan secara ringkas dalam bab ini.

Asia Berwajah Baru

Memang diketahui umum bahawa Asia mempunyai beberapa keistimewaan. Asia adalah benua yang paling ramai penduduknya dengan jumlah 3.45 bilion, atau 61 peratus daripada 5.7 bilion penduduk dunia pada 1995. Dua negara terbesar di dunia dari segi penduduk, iaitu China (1.22 bilion) dan India (0.93 bilion), juga terdapat di Asia. Jepun, negara Asia yang mencabar Barat dalam Perang Dunia Kedua dan menakluki negara-negara Asia lain, telah muncul daripada keruntuhan perang menjadi kuasa ekonomi kedua terbesar pada hari ini selepas Amerika Syarikat. Pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNGK) sebelum kegawatan ekonomi 1997-98 adalah paling tinggi khususnya di kuasa-kuasa ekonomi yang sedang muncul di Asia Timur, contohnya, Korea Selatan (9.9 peratus), China (9.8 peratus), Malaysia (9.3 peratus) dan Singapura (9.0 peratus) berbanding dengan pertumbuhan yang rendah di ekonomi-ekonomi yang sudah matang, seperti di Amerika Syarikat (4.2 peratus) dan Britain (2.1 peratus) (angka pada Januari 1996).

Adalah benar dalam beberapa segi, Asia sudah bangkit. Daripada benua yang terdiri daripada negara-negara yang pernah dijajah (kecuali Jepun), negara-negara Asia sudah mencapai kemerdekaan politik susul-menyusul khususnya selepas Perang Dunia Kedua, dan sebahagian daripadanya terpaksa merebut kemerdekaan melalui revolusi bersenjata. Negara China yang dahulunya dilekatkan label 'pesakit Asia' kini sudah menunjukkan kedinamikannya sendiri. Negara-negara Asia lain seperti

India dan Indonesia adalah pengasas Pergerakan Negara-Negara Berkecuali, satu pergerakan yang kemudian menjadi kuasa penentu dalam forum antarabangsa, khususnya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Fakta sejarah ini, ditambah dengan kekuatan ekonomi yang dicapai oleh Asia, khususnya Asia Timur dan Asia Tenggara pada zaman pasca-merdeka, tentu sekali menjadikan benua ini lebih kuat dan berwibawa.

Satu perubahan lagi yang ketara di Asia ialah kemunculan rasa keyakinan diri yang baru, satu perubahan yang dianggap sebagai 'revolusi psikologi-budaya' (Noordin Sopiee 1995: 19). Revolusi ini telah membawa perubahan asasi dalam set minda Asia yang terjelma dalam usaha mereka mengatur sendiri corak dan hala tuju kemajuan negara-bangsa dan masyarakat mereka secara bebas daripada dominasi Barat. Negara-negara berkenaan berusaha menjadi rakan yang sama darjat dalam komuniti antarabangsa. Emansipasi daripada jiwa hamba dan rasa rendah diri apabila berdepan dengan kuasa-kuasa Barat ini terbit hasil daripada usaha penebusan maruah atau harga diri negara dan bangsa dan merupakan satu kekuatan rohaniah yang amat penting. Bahkan Asia dianggap "sudah dewasa ... dan kini berada di ambang kebangkitan semula" (Naisbitt 1995). Seiring dengan kemunculan keyakinan baru inilah terdapat usaha untuk membicarakan dan mengetengahkan apa yang dikatakan 'nilai Asia' dan *renaissance* Asia. Antara penganjur penting *renaissance* Asia dan 'nilai Asia' ialah Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad.¹

Perlunya Budaya Wacana Kritis

Namun keghairahan membesar-besarkan kebangkitan semula Asia, pada hemat saya, di samping mempunyai manfaatnya sebagai daya seru untuk mengobarkan semangat dan menggembelngkan kekuatan negara-bangsa, ia sebenarnya boleh menimbulkan beberapa kesan yang tidak diingini. Di satu segi, ia boleh menimbulkan kebimbangan dan kegerunan di pihak kuasa-kuasa bukan Asia khususnya Barat tentang saingan daripada Asia seperti yang pernah dinyatakan oleh Dr. Mahathir dalam ucapannya di Beijing pada pertengahan 1996 mengenai 'Abad Asia - Satu Pandangan Malaysia' (Mahathir 1996b). Di pihak lain, ia boleh menimbulkan rasa bangga diri yang menjurus kepada kealpaan di kalangan negara-negara Asia sendiri, satu sikap yang juga turut meresap di kalangan pemimpin negara dan kaum intelektual di negara-negara berkenaan. Keghairahan ini menebalkan lagi aliran pemikiran yang secara berat sebelah cenderung

mengutamakan pertumbuhan material — keterpesonaan terhadap pertumbuhan ekonomi dan kecanggihan teknologi serta pemupukan ideologi materialisme — tanpa mengimbangi ataupun memadukan pembangunan itu dengan pembangunan kemanusiaan, iaitu pembangunan yang meliputi dimensi moral, agama, sosial, budaya, seni, sastera dan intelektual dalam kerangka pembinaan negara-bangsa dan tamadun yang menyeluruh serta pembangunan masyarakat sivil.

Pandangan sedemikian tidak mendorong perkembangan sikap refleksiviti dan satu *culture of critical discourse*² atau budaya wacana kritis di kalangan para pembuat dasar dan intelektual, sedangkan budaya ini amat perlu di kalangan mereka. Budaya wacana kritis ialah satu budaya wacana yang mengutamakan daya fikir kreatif dan kritis yang meneropong kelemahan-kelemahan diri di tengah-tengah kejayaan agar dapat melestarikan kejayaan yang dicapai dan mengusahakan kejayaan baru. Budaya wacana kritis ini bukannya satu budaya kritikan negatif atau destruktif. Budaya ini mengutamakan analisis dan penilaian yang wajar dan saksama ke atas sesuatu yang dinilainya serta kritikan bertanggungjawab ke atas apa yang patut ditegur dengan saranan-saranan yang membina untuk mengatasinya, dengan bertolak daripada nilai kebenaran, keadilan dan kecemerlangan yang mendasari budaya itu. Budaya tersebut adalah satu prasyarat yang tidak boleh tiada dalam usaha mewujudkan pembangunan dan kemajuan yang berterusan sesuatu negara-bangsa dan masyarakatnya serta bagi pengukuhan tradisi intelektual dan mengatasi *mediocrity*. Pihak berkuasa perlu menghargai betapa pentingnya pemupukan budaya ini, harus memberi ruang kepada percambahannya di universiti dan di kalangan intelektual serta tidak harus menganggapnya sebagai suatu ancaman.

Kebangkitan Seimbang dan Menyeluruh

Akan tetapi, perlu kita tegaskan bahawa senario kebangkitan Asia hari ini berlainan dengan senario *renaissance* di Eropah pada zaman pencerahan. *Renaissance* berprasyaratkan pembinaan dan pengembangan tradisi intelektual yang kukuh. Ia satu proses pertumbuhan segar budaya, intelek, seni, sastera, sains, falsafah dan segala perkara yang bersangkutan dengan akal budi dan kekreatifan minda dan tamadun manusia. Sejarah peradaban manusia menyaksikan *renaissance* tersebut di Eropah pada abad ke-15 dan ke-16, yang kemudiannya membawa kepada pemodenan dan teretusnya Revolusi Industri dan zaman industri

serta zaman sains. Ia adalah satu zaman keserlahan kehidupan baru, satu percambahan intelektual yang amat segar dan dinamik. *Renaissance* itu bangkit daripada kekuatan dalaman, sungguhpun pengaruh luaran, iaitu tradisi intelektual Yunani dan Romawi serta tradisi Islam juga penting.

Asia, khususnya Asia Tenggara termasuk Malaysia ialah kancah pertemuan dan perkembangan pelbagai tamadun besar dunia, khususnya Islam, Hindu, Buddha, Confucianisme dan Barat (Kristian). Hakikat ini adalah satu kekuatan luar biasa yang boleh dimanfaatkan dalam kebangkitan semula Asia, asalkan para pendukung setiap tamadun dan kepercayaan agama itu menolak *bigotry* dan kejumudan, menganggap kepelbagaian tamadun dan agama ini suatu kekuatan moral yang boleh membebaskan manusia daripada kemungkaran, serta secara aktif mengamalkan perspektif universal (Anwar Ibrahim 1996a, 1996b).

Namun demikian, seperti dinyatakan di atas, selama beberapa abad, Asia merintah di bawah belunggu penjajahan yang lahir daripada sistem yang dihasilkan oleh Revolusi Industri Eropah dan *renaissance* yang mendahuluinya. Pembelokan trajektori sejarah Asia oleh imperialisme telah membawa kegerhanaannya, dan hanya kini barulah cahaya pelangi Asia mula memunculkan diri. Sungguhpun begitu, Asia masih mewarisi sisa-sisa zaman penjajahan yang panjang dan kini mengalami pula penjajahan bentuk baru khususnya dalam bidang budaya dan intelektual di bawah arus globalisasi.

Pada hemat saya, *renaissance* Asia memang sesuatu yang mungkin asalkan para pemimpin dan intelektualnya mengakui hakikat bahawa dalam era baru ini masih wujud 'dua wajah' Asia dalam pelbagai segi dan berusaha keras mengubahnya. Kenyataan ini bermaksud kejayaan material Asia yang melonjak dan mempesonakan dalam dekad-dekad sebelum kegawatan ekonomi baru-baru ini masih belum merata dinikmati baik di antara pelbagai negara di Asia mahupun di antara lapisan masyarakat dalam sesebuah negara tersebut. Kita pula tidak boleh menganggap bahawa kemajuan ini akan terus-menerus mapan (*sustainable*), tanpa persiapan menghadapi kemungkinan krisis dan kejatuhan semula. Bahkan krisis ekonomi 1997-98 yang melanda Asia Timur dan Asia Tenggara dengan jelas menunjukkan kepada kita beberapa kelemahan asasi dalam kemajuan material tersebut dan juga kelemahan dalam proses pembinaan negara-bangsa. Kelemahan ini dapat diatasi sekiranya pihak pemerintah, pemimpin industri dan para intelektual bersungguh-sungguh melancarkan reformasi yang perlu ke atas institusi ekonomi, politik, pentadbiran dan budaya di negara atau syarikat masing-

masing dan juga di dalam masyarakat. Dalam konteks ini amat penting disedari bahawa dalam Asia Baru masih dan akan terus bercokol di kalangan gerak kuasa pemodenan yang sedang merubah wajah Asia itu kekuatan berkepentingan yang mahu mengekalkan kepentingannya, dan menjadi penghalang kepada gerak kuasa maju yang mahu menjayakan *renaissance* Asia dan juga reformasi yang diperlukan tadi. Dari sudut lain pula, kenyataan ini juga bermaksud sungguhpun terdapat kemajuan dari segi pelaksanaan prinsip keadilan, kebebasan dan kesejahteraan, serta kemajuan dalam tahap pendidikan, ilmu pengetahuan dan pembinaan negara-bangsa, Asia masih lemah dan ketinggalan dari segi pembinaan tamadunya berdasarkan kekuatan dalaman atau jati diri bangsa sendiri. Ia juga menunjukkan Asia masih baru dalam usaha membangun masyarakat sivil yang berkesan, masih belum mantap dalam pembinaan tradisi intelektual dengan budaya wacana kritisnya dan masih belum dapat melahirkan ramai barisan pemimpin negara dan masyarakat yang *enlightened*, pluralis dan berpandangan jauh ke hadapan.

Agenda Pengembangan Tradisi Intelektual dan Pembinaan Negara-bangsa

Pengembangan tradisi intelektual dan universiti hari ini dalam kerangka mewujudkan *renaissance* Asia dan pembinaan negara-bangsa perlu mengambil kira sekurang-kurangnya dua perkara yang amat penting.

Pertama, kita perlu memahami dengan jelas bahaya ideologi globalisasi neo-liberal yang bertekad melumpuhkan ideologi nasionalisme dan negara-bangsa, ideologi yang mendakyahkan negara-bangsa sebagai dinosaur yang menunggu saat ajalnya. Kedua, kita juga perlu berwaspada terhadap ideologi konsumerisme yang menjadikan masyarakat Asia termasuk Malaysia sebagai kelompok pengguna yang amat besar, sebagai pasaran terbesar yang begitu mudah ditawan bagi barangan dan perkhidmatan syarikat-syarikat transnasional Barat, termasuk produk intelektualnya. Kedua-dua ideologi ini harus kita tolak dengan tegas di samping perlu kita mengembangkan ideologi alternatif.

Menolak ideologi globalisasi neo-liberal tidak bererti kita menolak menjadi global dalam jangkauan minda serta aktiviti kita dan lantas kita berundur ke dalam kepompong atau gua nativisme. Kita menolak ideologi globalisasi neo-liberal kerana ia adalah kolonialisme dalam bentuk baru yang menjajah minda dan nilai kita dengan cara yang lebih halus dan menggugat keutuhan negara-bangsa kita. Sekiranya negara-negara Asia,

khususnya negara-negara yang menghadapi masalah integrasi etnik dan wilayah yang tersendiri seperti Malaysia, tidak terus menerus berusaha mengukuhkan negara-bangsa masing-masing berdasarkan formula yang dipersetujui bersama, tidak menitikberatkan pembinaan negara-bangsa serta jati diri melalui pembinaan segar budaya dan bahasanya, serta tidak mengusahakan pengagihan kekayaan dan peluang berasaskan prinsip keadilan di kalangan rakyatnya, negara-negara ini boleh berantakan dari dalam, dan ini akan menguburkan pencapaiannya selama ini. Bagi Malaysia, sekalipun kegawatan ekonomi yang baru lalu tidak menjejaskan hubungan etniknya, ia tidak bererti kita boleh alpa tentang agenda pembinaan negara-bangsa dan bangsa Malaysia. Para intelektual pula harus melihat tugas menyanggah ideologi globalisasi neo-liberal serta mengembangkan nasionalisme dan patriotisme yang selaras dengan semangat zaman baru sebagai satu komponen penting dalam agenda mereka untuk kebangkitan semula Asia termasuk membina bangsa dan tamadun Malaysia.

Nasionalisme baru Asia bukanlah nasionalisme sempit. Nasionalisme ini memandang dunia sebagai tempatnya belajar dan memandang yang maju sebagai yang patut dicontohi dan kalau boleh mengatasi yang maju. Ia menganggap globalisasi sebagai proses tidak terelakkan yang mempertalikan semua negara dan bangsa, tetapi ini tidak bererti ia tidak perlu ditakrif semula atau dikawal melalui usaha bersama. Sementara ideologi globalisasi neo-liberal perlu ditentang, proses globalisasi boleh dan harus dimanfaatkan untuk kebangkitan semula negara sendiri dan juga Asia dari segi modal, teknologi, kepakaran dan sebagainya.

Menentang ideologi konsumerisme pula tidak bererti kita memboikot barangan dan perkhidmatan dari luar, membuang apa jua produk dan perkhidmatan yang dianggap 'mewah', serta tidak mahu mengguna atau menerima ilmu dan fikiran sarjana dan intelektual negara asing, khususnya Barat atas nama *indigenization of knowledge* atau pemperibumian ilmu pengetahuan. Menentang ideologi konsumerisme bererti mengikis kecenderungan yang menjadikan masyarakat Asia dan intelektual Asia hanya sebagai pengguna produk material, intelektual dan spiritual yang dihasilkan oleh industri konsumer dan intelektual Barat, dan tidak sekali gus menjadi sebagai pencipta atau penyumbang kepada tamadun dunia, baik dari segi reka cipta material mahupun produk intelektual seperti ilmu, seni dan sastera. Peranan Asia sebagai pengguna inilah yang amat disukai oleh syarikat-syarikat transnasional yang beroperasi secara global. Lihat sahaja betapa industri konsumer Barat berjingkerak dengan pertumbuhan

